



BANK SIMPANAN NASIONAL

# Mengatasi HALANGAN

Breaking BARRIERS

Laporan Tahunan **2013** Annual Report



Cawangan  
BRANCHES

399



Ejen Bank Berdaftar (EBB)  
Seluruh Negara

*EJEN BANK BERDAFTAR (EBB)  
NATIONWIDE*

5,014

## Rasional Kulit

Konsep moden dan bersih digunakan untuk tema 'Mengatasi Halangan'. Kepingan domino menggambarkan bagaimana strategi dan taktik diselaraskan dengan kesediaan Bank dalam menempuh halangan baharu dalam perjalanan pertumbuhannya. Satu fasa pencapaian baharu digambarkan seiring kejayaan Bank dalam memenuhi wawasannya.

## COVER RATIONALE

A clean and modern concept is adapted for the 'Breaking Barriers' theme.

The dominoes depict how strategies and tactics have been alligned in readiness for the Bank to break new boundaries in its journey of growth. A new phase of achivement is depicted with the Bank's success in delivering on its vision.



Pekerja  
EMPLOYEES

6,760

**Bank Simpanan Nasional mengatasi halangan seiring dengan kemajuannya sebagai salah sebuah bank paling pesat membangun di Malaysia.**

Pada hari ini, kami terus membangun dengan daya kecekapan yang lebih tinggi, perkhidmatan yang lebih menyeluruh, dan bilangan titik sentuh paling banyak di Malaysia. Menjelang ulang tahun ke-40 kami, maka wajar untuk mengimbas kembali sejauh mana kami telah pergi dalam usaha mengatasi halangan sedia ada dan membangunkan nilai kami, di kala kami terus bertumbuh sebagai sebuah bank yang progresif dan inovatif.

**Bank Simpanan Nasional is breaking barriers as it advances as one of the fastest growing bank in Malaysia.**

Today we thrive on greater efficiencies, full-fledged services and the highest number of touchpoints in Malaysia. As our 40th anniversary approaches, its timely to see just how far we have come in breaking through set barriers and growing our value, as we continue to make waves as a highly progressive and innovative bank.



Pelanggan  
CUSTOMERS

8.39

Juta / MILLION

*Statistik pada Disember 2013 / Statistics as at December 2013*

## Misi/MISSION


Meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup rakyat Malaysia dengan menggalakkan penyimpanan, pelaburan dan amalan pengurusan kewangan yang bijak yang dilakukan secara aktif serta mengadakan kemudahan tersedia untuk tujuan ini.

To improve the economic wellbeing and quality of life of the Malaysian people by actively promoting savings, investment and the practice of sound financial management and by providing ready facilities for this purpose.

## Visi/VISION

Menjadi penyedia khidmat kewangan yang komprehensif serta bertaraf nasional dan menjadi pilihan utama rakyat Malaysia.

To be the national and preferred provider of comprehensive financial services for the Malaysian people.



# Piagam Pelanggan CLIENTS' CHARTER

## **Pelanggan sentiasa diutamakan.**

Perkhidmatan yang meyakinkan dan memuaskan hati pelanggan.

Produk/perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan konsisten.

Ketepatan menyampaikan maklumat secara jelas dan lengkap.

Persekitaran yang selesa dan selamat.

## **The customer is always the priority.**

A service that instils confidence and satisfies the customer.


Products/services that are of quality, efficient and consistent.

Providing information that is timely, precise and complete.

An environment that is comfortable and secure.

# Penubuhan Bank Simpanan Nasional

## THE ADVENT OF BANK SIMPANAN NASIONAL



Pelancaran BSN pada 5 Disember 1974, menggariskan lima matlamat utama yang masih relevan dan menjadi prinsip utama kewujudannya hingga ke hari ini:

- Menggalakkan dan mengembleng simpanan, terutama dari penyimpan bersimpanan kecil.
- Menyemai tabiat berjimat cermat dan suka menabung.
- Menyediakan saluran bagi masyarakat umum untuk menyimpan wang.
- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.
- Memelihara kepentingan pelabur dan lain-lain pelanggan.

BSN's inception on 5th December 1974 outlined 5 main objectives. These objectives remain relevant until today as its core principles of its existence:

- To promote and mobilise savings, particularly from small savers.
- To inculcate the habit of thrift and savings.
- To provide the means for savings by the general public.
- To utilise the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.
- To uphold the interest of its depositors and other customers.

# Pelan Strategik Korporat/ CORPORATE STRATEGIC PLAN

Pelan Strategik Korporat BSN 2013-2015 (CSP) yang bertemakan '*Strengthening the Pace*' adalah merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Korporat Lima Tahun BSN (2008 – 2012). Pelan ini membolehkan BSN merancang strategi perniagaan yang komprehensif di mana BSN mampu berdaya bersaing di industri perbankan tempatan. Dalam masa yang sama, BSN dapat melaksanakan peranan yang dimandatkan oleh Kerajaan.

Sepanjang tempoh lima tahun yang lepas, BSN telah berjaya menjadi salah sebuah institusi pembangunan kewangan (IPK) yang dinamik dan mampu bersaing di kalangan bank-bank komersial. BSN akan terus melaksanakan inovasi ke atas produk-produk perbankan, mempertingkatkan jangkauan perkhidmatan dan saluran perbankan di seluruh negara.

Lima objektif utama korporat CSP adalah:-

- Mengukuhkan pertumbuhan perniagaan melalui inovasi produk, pertumbuhan produk dan pembangunan modal insan
- Memperluaskan pasaran sedia ada dalam tiga produk utama iaitu Pinjaman Perumahan, Pinjaman Persendirian dan Deposit Runcit.
- Meningkatkan keberkesanan operasi dan produktiviti
- Penambahbaikan kualiti pinjaman /pembiayaan
- Pengurusan kos yang efektif

Pelan Strategik Korporat BSN 2013-2015 akan mengukuhkan lagi kehadiran BSN dalam persada lanskap kewangan negara. Ia juga membolehkan pihak Pengurusan BSN menilai prestasi keseluruhan bank secara berterusan dan dengan itu, menentukan hala tuju yang jitu pada masa hadapan.

The BSN Corporate Strategic Plan (CSP) 2013-2015, themed '*Strengthening the Pace*', picks up the momentum from the Bank's previous five year Corporate Strategic Plan (2008-2012). The plan enables BSN to further design comprehensive business strategies for the Bank to compete in the local banking industry while at the same time execute its Government mandated role.

In the past five years, BSN has transformed into one of the most dynamic development financial institutions (DFI), able to compete among commercial banks. BSN will continue to innovate on its banking products and improve the outreach of its services and banking channels nationwide.

The five corporate objectives of the CSP are:

- Sustain business growth through product innovation, product growth and human capital development
- Expand market penetration in three core products, namely, Mortgage, Personal Loan and Retail Deposit
- Improve operational efficiency and productivity
- Enhance the quality of loans and financing
- Prudent and effective cost management

The BSN CSP 2013-2015 reinforces BSN's presence and visibility in the local financial landscape. It also enables the Management to continuously review the overall performance of the Bank and thus paves a clear direction for the Bank's future.

# Kandungan

## CONTENTS



### 04 **Kenyataan Pengerusi** **Chairman's Statement**

**04** **Kenyataan Pengerusi**  
**Chairman's Statement**

**12** **Lembaga Pengarah**  
**Board of Directors**

**14** **Profil Lembaga Pengarah**  
**Board of Directors' Profile**

**20** **Pengurusan**  
**Management**

**24** **Pernyataan Tadbir Urus**  
**Korporat**  
**Statement of Corporate**  
**Governance**







**41** Laporan Jawatankuasa  
Syariah  
Shariah Committee Report

**44** Laporan Aktiviti  
Activity Report



**53** Penyata Kewangan  
Financial Statements

**173** Inisiatif yang Diumumkan  
di bawah RMK-9 & 10 dan Bajet  
Negara

**293** Hubungi Kami  
Contact Us

**295** Initiatives Announced  
under the 9th & 10th MP and National  
Budgets





**Dengan saluran  
hubungan  
terbanyak di  
Malaysia,  
kami semakin  
mendekati anda**


---

**With the most touch points in Malaysia,  
we are getting closer to you**



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Financial Statements of Bank Simpanan Nasional for the year ended 31 December 2013.



**TAN SRI ABU BAKAR BIN HJ  
ABDULLAH**

PENGERUSI / CHAIRMAN

# Kenyataan Pengerusi

## CHAIRMAN'S STATEMENT



## LANSKAP EKONOMI

Pada tahun 2013, ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana disebabkan oleh pertumbuhan dalam ekonomi maju yang beransur-ansur meningkat diimbangi oleh pertumbuhan ekonomi pesat membangun yang sederhana.

Meskipun persekitaran ekonomi global yang lemah, ekonomi Malaysia terus berkembang sebanyak 4.7% pada tahun 2013. Ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh sebanyak 7.6%, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan kenaikan pendapatan.

*(Sumber : Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013)*

## PRESTASI KEWANGAN

Tahun 2013 menyaksikan BSN terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai sebuah Bank yang mampu berdaya saing dari segi pencapaian kewangan di samping terus memperkasakan peranan sosialnya. BSN telah merekodkan keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM375.7 juta. BSN juga telah mencatatkan hasil sebanyak RM1,841.2 juta berbanding RM1,635.5 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Pendapatan bersih pula berjumlah RM1,257.1 juta berbanding RM1,129.9 juta pada tahun 2012.

Pinjaman Sewa Beli menunjukkan pertumbuhan tertinggi, iaitu 50.4% berjumlah RM182.7 juta, diikuti oleh Kad Kredit (41.1%), Perumahan (31.4%), Pinjaman/Pembiayaan Persendirian (17.3%) dan Mikro Kewangan (19.3%)

Jumlah deposit pada 2013 adalah RM26,552.9 juta iaitu pertumbuhan sebanyak 19.6% berbanding RM22,195.7 juta pada 2012. Deposit runcit meningkat sebanyak 7.2% atau RM11,522.4 juta kepada RM12,350.0 juta di mana Sijil Simpanan Premium adalah penyumbang utama.

## PENDAPATAN/REVENUE

# RM1.84

## bilion/billion


## ECONOMIC LANDSCAPE

In 2013, growth in the global economy was modest as the slow growth in advanced economies was offset by moderating growth in emerging economies. Amid volatility in the global economy, the Malaysian economy expanded by 4.7% in 2013. The expansion was supported by strong domestic demand which grew by 7.6%, favourable employment conditions and wage growths.

*(Source: Bank Negara Malaysia Annual Report 2013)*


## FINANCIAL PERFORMANCE

Year 2013 witnessed BSN continuing to strengthen its position as a Bank that is more competitive in terms of consistency in financial performance while fortifying its social role. BSN's financial performance recorded a profit after tax and zakat of RM375.7 million. BSN also recorded a total revenue of RM1,841.2 million from RM1,635.5 million the previous financial year. Net income amounted to RM1,257.1 million compared to RM1,129.9 million in 2012.



BSN berada di kedudukan sesuai untuk menuju ke fasa pembangunan selanjutnya dan memenuhi kehendak warga Malaysia.

BSN is in position to advance to the next phase of development and meet the needs of Malaysians.



#### **PERBANKAN ISLAM**

Dalam tahun 2013, pendapatan operasi daripada Perbankan Islam meningkat sebanyak 23.4% atau RM176.6 juta dari tahun 2012 kepada RM932.6 juta. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada pendapatan daripada aktiviti pembiayaan yang meningkat sebanyak 31.5% atau RM183.5 juta, diimbangi oleh pengucupan dalam aktiviti Perbendaharaan dan lain-lain produk sebanyak RM6.4 juta dan RM0.5 juta.

Penyumbang utama kepada hasil Perbankan Islam adalah pendapatan diperoleh daripada pembiayaan iaitu sebanyak 82.2% atau RM766.4 juta, dipengaruhi oleh pertumbuhan Pembiayaan Persendirian yang sebanyak RM160.7 juta serta kecenderungan permintaan pasaran ke atas produk yang berlandaskan Syariah.

Kos dana meningkat sebanyak 1.6% atau RM4.3 juta disebabkan oleh kenaikan dana Mudharabah sebanyak 5.1% atau RM12.7 juta dari tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah selaras dengan keperluan dana bagi membiayai pertumbuhan dalam aset pembiayaan.

Perbelanjaan operasi adalah sebanyak RM385.5 juta, iaitu peningkatan sebanyak 0.7% dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2013, Bank telah meneruskan pemberian hibah setinggi 2.0% kepada pelanggannya. Keuntungan selepas zakat adalah sebanyak RM296.8 juta.

Hire purchase loans showed the highest growth of 50.4%, totalling RM182.7 million, followed by Credit Cards (41.1%), Mortgage (31.4%), Personal Loans/Financing, and Microfinance (19.3%) respectively.

Total deposits recorded RM26,552.9 million in 2013, a growth of 19.6% compared to RM22,195.7 million in 2012. Retail deposits increased by 7.2% or RM11,522.4 million to RM12,350.0 million, which was mainly contributed by the growth in Premium Savings Certificates (SSP).

#### **ISLAMIC BANKING**

In 2013, operating revenue from Islamic Banking increased by 23.4% or RM176.6 million against the previous year, to RM932.6 million. The growth was contributed by higher income from financing activities amounting to 31.5% or RM183.5 million, while income from Treasury activities and other products declined by RM6.4 million and RM0.5 million respectively.

Income from Advance and Financing of 82.2% or RM766.4 million was the largest contributor to the Islamic Banking revenue for 2013, contributed by the growth of personal financing which increased by RM160.7 million during the year in line with positive market demand for Shariah-compliant products.

## MEMBINA DAN MENGUKUHKAN

Pada tahun ini, BSN meneruskan pelaburan dalam penggunaan teknologi maklumat baru untuk menambahbaik proses dan perkhidmatan kaunter, membangunkan modal insan serta menaiktaraf saluran perkhidmatan Bank selaras dengan komitmen Bank mengutamakan pelanggan.

Pusat Perkhidmatan Pelanggan Bank yang baru dan Sistem *Queue Management* (iQMS) memastikan penyampaian perkhidmatan yang cepat dan konsisten untuk memenuhi keperluan pelanggan. Di cawangan-cawangan utama, eksekutif perhubungan pelanggan telah dilatih untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik semasa berinteraksi dengan pelanggan.

Pada tahun 2013, BSN telah menaiktaraf cawangan-cawangan di lokasi strategik kepada cawangan *full-fledged* (FFB) bagi menawarkan perkhidmatan perbankan yang menyeluruh merangkumi semua produk simpanan, pinjaman/pembiayaan, pengurusan kewangan dan pembiayaan mikro. Pada akhir tahun 2013, terdapat lebih 19 FBB.

Untuk terus mendekati pelanggan, terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman, BSN telah mengembangkan rangkaian Ejen Bank Berdaftar (EBB) – iaitu saluran perbankan baru yang diperkenalkan oleh BSN di Malaysia. Pada tahun 2013, BSN telah melantik dan melatih lebih 5,000 ejen EBB di seluruh Malaysia.

Enam transaksi perbankan boleh dilakukan secara *on-line* di semua ejen EBB iaitu simpanan, pengeluaran tunai, pembayaran bil, pembelian SSP, pembayaran tanpa tunai bagi barangan di premis ejen EBB dan tambah nilai prabayar telefon bimbit.

Bank turut menyokong inisiatif-inisiatif Kerajaan seperti program Bantuan Rakyat 1Malaysia, Baucer Buku 1Malaysia, Bantuan Persekolahan Kepada Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah dan Menengah, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia, Skim Sewa Beli Pemilik Teksi/Kereta Sewa Baru, Skim Sewa Beli Pemilik Bas Sekolah Baru dan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet.

Bagi menggalakkan simpanan, Bank telah mempromosikan Sijil Simpanan Premium Edisi Khas sepanjang tahun 2013 di mana simpanan SSP telah meningkat sebanyak RM500 juta daripada tahun 2012. Dalam usaha untuk menggalakkan gaya hidup bebas hutang di kalangan belia, Bank memulakan kempen '*You Against Debt*' dan memperkenalkan Kad Debit Visa *payWave* bagi menggalakkan orang ramai untuk menguruskan kewangan mereka dan berbelanja mengikut kemampuan.

Cost of funds increased by 1.6% or RM4.3 million due to higher Mudharabah funds of 5.1% or RM12.7 million from the previous year. The increase was in line with the requirement of funds for financing the growth in financing assets.

Operating expenses amounted to RM385.5 million, an increase of 0.7% from the previous year. In 2013, the Bank continued to contribute hibah as high as 2.0% to its depositors. Profit after zakat amounted to RM296.8 million.

## BUILD AND STRENGTHEN

This year, BSN continues to invest in technology to improve its processes and counter services, develop its human capital, as well as upgrade various service channels in its commitment to become more customer-centric.

The Bank's new Contact Centre and Queue Management System (iQMS) ensures delivery of prompt and consistent service to meet the needs of customers. At its main branches, customer relationship executives have been trained to provide excellent service in their interactions with customers.

In 2013, BSN upgraded its strategically-located branches to full-fledged branches (FFB) to offer a full range of banking services from deposits, loans and financing to wealth management and micro financing. At the end of 2013, BSN has more than 19 FBB.

In continuing to reach out to customers, especially in rural and remote areas, BSN continues to expand its *Ejen Bank Berdaftar* (EBB) network, a new service channel the Bank had introduced in Malaysia. In 2013, the Bank successfully engaged and trained more than 5,000 agents across the nation.

Six online and real-time transactions can be performed at all agent premises - deposits, withdrawals, bill payment, purchase of SSP, cashless payment for goods at agent premises and prepaid mobile top-up.

The Bank continues to lend support to Government initiatives through participation in *Bantuan Rakyat 1Malaysia*, 1Malaysia Book Voucher programme, Schooling Assistance of RM100 to all primary and secondary students, *Skim Amanah Rakyat 1Malaysia*, Hire Purchase loans for taxi drivers and bus operators and Mortgage loans for estate workers.

To encourage savings, the Bank promoted its *Sijil Simpanan Premium* (SSP) Special Edition throughout 2013; which grew to about RM500 million. In order to promote debt-free lifestyle among the youths, the Bank started a movement called

#### MEDEKATI MASYARAKAT

BSN telah bekerjasama dengan media massa untuk menjalankan program Tanggungjawab Sosial Korporat. Antaranya adalah program kebajikan 'Titipan Kasih Harian Metro' di bulan Ramadan bersama akhbar Harian Metro. Kerjasama ini memberi tumpuan kepada golongan miskin, anak-anak yatim, ibu tunggal dan insan yang kurang bernasib baik.

Manakala, Karnival Nanyang '*I Come From New Village*' memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah Cina di seluruh negara untuk menggalakkan murid-murid menyimpan melalui Kelab Penabung Muda (KPM) dan Skim Galakan Simpanan Pelajar-Pelajar (SGSP). Usaha ini adalah satu inisiatif Jabatan Perbankan Komuniti dengan kerjasama akhbar berbahasa Cina, Nanyang Siang Pau.

Memasuki tahun ketiganya, BSN Putrajaya Night Marathon 2013 telah berjaya menarik minat seramai 12,000 pelari dari Malaysia, Thailand, Singapura, Brazil dan Venezuela. BSN selaku penaja utama marathon ini telah berjaya mengumpulkan dan menyumbang dana sebanyak RM100,000 kepada Yayasan Institut Jantung Negara bagi membantu membiayai kos rawatan untuk pesakit yang miskin dan kurang bernasib baik.

#### LEMBAGA PENGARAH

Prestasi BSN yang membanggakan bagi tahun 2013 ini berjaya berkat dari kepimpinan dan kerjasama semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan Bank. Dengan pengalaman dan pengetahuan mereka yang luas, BSN telah dapat melalui persekitaran ekonomi yang mencabar.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pengarah yang telah bersama-sama menyumbangkan idea dan pandangan yang bernas demi kemajuan Bank. Saya percaya sokongan padu ini akan di teruskan untuk kebaikan semua dan saya amat menghargai segala nasihat, panduan dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun 2013.

#### KATA-KATA PENUTUP

BSN telah mengecapi beberapa kejayaan yang signifikan sepanjang tahun 2013 berkat kerjasama dan sokongan dari pelbagai pihak. Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, saya mengucapkan terima kasih ke atas kerjasama serta sokongan yang telah diberikan oleh semua agensi, terutamanya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

'You Against Debt' and introduced its Visa payWave Debit Card that allows the public to manage their finances and spend within their means.

#### REACHING OUT TO THE COMMUNITY

As a responsible corporate citizen, BSN continues to contribute to the well-being of the communities within which it operates. During the year, as part of its corporate responsibility, BSN partnered with the media to run its Corporate Social Responsibility programmes. Amongst them were the '*Titipan Kasih Harian Metro*', a welfare partnership programme during the month of Ramadan with the Harian Metro newspaper which focused on helping the poor, orphans, single mothers and the needy.

Likewise, the '*I Come From New Village*' Nanyang Carnival focused on Chinese schools nationwide to promote savings through the Young Savers Club (KPM) and the Student Savings Incentive Scheme (SGSP). The event is an initiative of the Community Banking Department in cooperation with the Chinese newspaper, Nanyang Siang Pau.

Running into its third successive year, the BSN Putrajaya Night Marathon drew a total of 12,000 runners. Besides Malaysia, Thailand and Singapore, it received participation from as far as Brazil and Venezuela. BSN, being the Title Sponsor of the marathon, managed to raise RM100,000 for the IJN Foundation, an association affiliated with the National Heart Institute to fund treatment costs for poor and needy patients.

#### BOARD OF DIRECTORS

BSN's performance in 2013 is one to be proud of and was made possible by the visionary leadership and partnership between the Board of Directors and Management Team. The vast experience and in-depth knowledge of the Board had guided the Bank through a challenging economic environment.

I would like to take this opportunity to thank and express my appreciation to my colleagues on the Board for their contribution of ideas and their insights towards the advancement of BSN. I believe that this affirmative support will continue for the benefit of all. I truly appreciate your invaluable advice, guidance and support throughout the year.



Walaupun ekonomi negara diselubungi dengan pelbagai cabaran, semua pihak telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk bekerjasama dan memberi fokus kepada keperluan Bank dan pelanggannya, demi masa depan BSN yang lebih cemerlang. Kami tidak akan berupaya menitip perjalanan sejauh ini tanpa dedikasi dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh pihak Pengurusan dan semua Kakitangan bank. Kesetiaan serta kerja keras mereka telah menghasilkan prestasi yang membanggakan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan BSN di atas kesetiaan dan kepercayaan yang telah diberikan. Pada masa yang sama kami akan terus meningkatkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan terbaik pada masa-masa akan datang. BSN akan terus berkembang untuk menjadi lebih teguh dengan adanya sokongan dan keyakinan dari anda semua.

**Tan Sri Abu Bakar Bin Hj Abdullah**

Pengerusi, Bank Simpanan Nasional

**IN CLOSING**

BSN has recorded a number of significant successes throughout 2013 thanks to the continued cooperation and support of various parties. On behalf of the Board, I would like to express my sincere gratitude to all agencies, especially the Ministry of Finance, and Bank Negara Malaysia.


While the economy is filled with many challenges, all parties have shown their commitment to work together to focus on the needs of the Bank and its customers, and take vital steps towards realising a brighter future for BSN. We could not have come so far on this journey without the dedication and team spirit shown by the Management and employees. Their loyalty and hard work have resulted in commendable results.


Finally, I would like to thank all BSN customers for your loyalty and support; and I trust we will continue to provide more effective services to you in the years to come. BSN will continue to grow in strength anchored by your support and confidence.

Thank you.

**Tan Sri Abu Bakar Bin Hj Abdullah**

Chairman, Bank Simpanan Nasional





**Dengan pelbagai  
produk dan  
perkhidmatan  
kewangan bersepadu,  
kami memberikan  
lebih kepada anda**

---

**Serving an integrated array of financial products  
and services, we give you more**

# Lembaga Pengarah

## BOARD OF DIRECTORS

*Dari Kiri ke Kanan/  
From Left to Right:*

Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah

Puan Siti Zauyah Md Desa

Tuan Haji Ghazali Awang

Encik Alex Foong Soo Hah

Encik Md Tajuddin Md Isa

Datuk Azizan Abdul Rahman

Datuk Adinan Maning

Datuk Nozirah Bahari

Dato' Ng Kam Cheung

Dato' V. Danapalan

Pn. Ummul Shirin Mohamed Thalha  
(Setiausaha Lembaga/Board Secretary)





# Profil Lembaga Pengarah

## BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

### Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah

Pengerusi Bukan Eksekutif /  
Non Executive Chairman

---

Tan Sri Abu Bakar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 1 Mac 2013.

Beliau memegang Ijazah Sarjana (Kepujian) dalam Pengajian Antarabangsa dari University of Denver, Colorado, AS dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sejarah dari Universiti Malaya. Beliau juga telah menjalani Program Pengurusan Lanjutan Harvard Business School.

Tan Sri Abu Bakar merupakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari Julai 2010 hingga Jun 2012.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Beliau memulakan kerjaya pada September 1977 di Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri selaku Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Domestik.

Selepas kembali dari Amerika Syarikat, beliau ditugaskan di Kementerian Pertahanan dan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha bagi Majlis Angkatan Tentera pada 1988 sebelum dipindahkan ke Bahagian Pembangunan pada tahun 2000.

Pada 2001, beliau dinaikkan pangkat ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Setiausaha Pembangunan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang. Tiga tahun kemudian, beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan dan kemudian memegang jawatan yang sama di JPM pada 2005. Pada Julai 2007, beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Tan Sri Abu Bakar was appointed as the Chairman to the Board on 1 March 2013. Tan Sri Abu Bakar is the Chairman of Bank Simpanan Nasional.

He holds an MA (Hons) International Studies from University of Denver, Colorado, USA and BA (Hons) History from Universiti Malaya. He has also completed the Harvard Business School Advanced Management Program.

Tan Sri Abu Bakar was the Director General of the Public Service Department from July 2010 to June 2012.

He has over 30 years of experience in the public sector mainly in the area of administration and management. He started his career in September 1977 in the Ministry of International Trade & Industry as the Assistant Director of Domestic Trade Division.

After returning from the USA, he was posted to the Ministry of Defence with a promotion to the position of Principal Assistant Secretary of the Armed Forces Council in 1988 and then transferred to the Development Division in year 2000.

In 2001, he was promoted to the Prime Minister's Department (PMD) as the Secretary of Federal Territories Development and Klang Valley Planning. Three years later, he became the Deputy Secretary General in the Federal Territories Ministry and then held the same position in the PMD in 2005. In July 2007, he was promoted to the position of Secretary General of the Ministry of Defence.

### Puan Siti Zauyah Mohd Desa

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif /  
Non Independent Non Executive Director

---

Puan Siti Zauyah Mohd Desa dilantik ke Lembaga Pengarah pada 2 April 2013. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Siasatan Kuantiti dari University of Reading, UK dan Ijazah Sarjana dalam Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, UK. Beliau juga memegang Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Negara (INTAN).

Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam sektor awam dan telah menjawat pelbagai jawatan dalam khidmat Kerajaan. Beliau telah memulakan kerjaya di Jabatan Perbendaharaan Malaysia pada 1989 dan telah berkhidmat di beberapa jabatan termasuk pengurusan pemerolehan, pengurusan pinjaman, pengurusan pasaran kewangan & aktuari serta pengurusan pelaburan & penswastaan. Dari Julai 2003 hingga Julai 2006, beliau telah berkhidmat dengan Asian Development Bank di Manila selaku Penasihat Pengarah bagi wilayah milik Malaysia, Myanmar, Nepal, Singapura dan Thailand. Beliau kini berkhidmat dengan Kementerian Kewangan selaku Setiausaha Bahagian, Bahagian Syarikat-syarikat Pelaburan Kerajaan.

Pada masa kini, Puan Siti Zauyah merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Malaysia Debt Ventures Bhd., Syarikat Prasarana Negara Bhd., Johor Corporation selain mewakili Kumpulan Asia untuk Perbadanan Pembangunan Islam bagi Pembangunan Sektor Swasta di Islamic Development Bank di Jeddah. Beliau juga adalah ahli Panel Pelaburan bagi EPF dan KWAP.

Puan Siti Zauyah Mohd Desa was appointed to the Board on 2 April 2013. She holds a Bachelor's Degree in Quantity Surveying from the University of Reading, UK and a Master's Degree in International Banking from the University of Manchester, UK. She also holds a Diploma in Public Administration from Institut Tadbir Negara (INTAN).

She has over 25 years experience in the public sector and has held various positions in the Government service. She started her career at the Malaysia Treasury Department in 1989 and has served in several departments covering procurement management, loans management, financial markets & actuary management as well as investment & privatisation management. From July 2003 to July 2006,



**Tan Sri Abu Bakar  
Hj Abdullah**



**Puan Siti Zauyah  
Mohd Desa**



**Tuan Haji  
Ghazali Awang**

she was attached to the Asian Development Bank in Manila as the Director's Advisor to the constituency belonging to Malaysia, Myanmar, Nepal, Singapore and Thailand. She is currently serving the Ministry of Finance as Under Secretary, Government Investment Companies Division.

At present, Puan Siti Zauyah is a Board member of Malaysia Debt Ventures Bhd, Syarikat Prasarana Negara Bhd, Johor Corporation and represents the Asian Group for the Islamic Development Corporation for Private Sector Development at the Islamic Development Bank in Jeddah. She is also a member of the Investment Panel for EPF and KWAP.

### **Tuan Haji Ghazali Awang**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif /  
Independent Non Executive Director

Tuan Haji Ghazali Awang dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 12 Februari 2007. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Perdagangan (Perakaunan) dari University of Newcastle, Australia dan merupakan Akauntan Berdaftar dengan Institute of Chartered Accountants, Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga memiliki Diploma dalam Pengajian Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam Agama dari Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Indonesia.

Tuan Haji Ghazali mempunyai pengalaman luas dalam pengauditan, perakaunan dan pengurusan kewangan, dan merupakan Pengarah Kumpulan bagi Perkhidmatan Kewangan dan Korporat di bawah Kumpulan Guthrie Berhad dari 1994-2003. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan di Kumpulan Syarikat Shell dari 1987-1994 serta

pernah berkhidmat di Amanah Saham Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad dari 1980-1986 dalam pelbagai jawatan pengurusan kanan.

Pada masa ini, Tuan Haji Ghazali merupakan Ahli Lembaga Pengarah Heitech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad dan Lembaga Tabung Haji.

Tuan Haji Ghazali bin Awang was appointed to the Board on 12 February 2007. He holds a Bachelor's Degree in Commerce (Accounting) from the University of Newcastle, Australia and is a Chartered Accountant with the Institute of Chartered Accountants, Australia and the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a Diploma in Islamic Studies from the International Islamic University, Malaysia and Master's Degree in Agama from Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Indonesia.

Tuan Haji Ghazali has extensive experience in auditing, accounting and financial management and was the Group Director for Finance and Corporate Services in Kumpulan Guthrie Berhad from 1994 to 2003. He has also served the Shell Group of Companies from 1987 to 1994 as well as Amanah Saham Nasional Berhad and Permodalan Nasional Berhad from 1980 to 1986 in various senior managerial positions.

Tuan Haji Ghazali currently also sits on the Board of HeiTech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad and Lembaga Tabung Haji.

## Encik Alex Foong Soo Hah

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif /  
Independent Non Executive Director

---

Encik Alex Foong Soo Hah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 1 September 2010. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Matematik dari Universiti Malaya pada tahun 1975 dan Ijazah Sarjana dalam Sains Aktuari dari North Eastern University, Boston pada tahun 1977. Beliau merupakan Felo Persatuan Aktuari Amerika Syarikat. Beliau ditauliahkan sebagai Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) pada tahun 2008 dan juga kelayakan RFP Syariah pada tahun 2009.

Beliau mempunyai lebih daripada 35 tahun pengalaman dalam industri insurans dengan memulakan kerjayanya sebagai pembantu aktuari dengan kumpulan insurans antarabangsa di Hong Kong. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif British American Life Insurance Berhad (kini dikenali sebagai Manulife Insurance Berhad) dari 1991 hingga Ogos 1996. Kemudian, beliau dilantik sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad dari September 1996 hingga Januari 2008.

Pada masa ini, Encik Alex Foong merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysian Insurance Institute, and Quill Capita Sdn Berhad. Sebelum ini, beliau pernah menyertai Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Malaysia Life Reinsurance Group Bhd dan Malaysian Rating Corporation Bhd. Beliau juga merupakan mantan presiden Life Insurance Association (LIAM) dan juga Persatuan Aktuari Malaysia.

Encik Alex Foong Soo Hah was appointed to the Board on 1 September 2010. He holds a Bachelor of Science (Hons) in Mathematics from Universiti Malaya, 1975 and a Master of Actuarial Science degree from Northeastern University, Boston, 1977. He is a Fellow of the Society of Actuaries, USA. He obtained his Registered Financial Planner (RFP) and Shariah RFP qualification in 2008 and 2009, respectively.

He has over 35 years experience in the insurance industry having started his career as an actuarial assistant with an international insurance group in Hong Kong. He was formerly the CEO of British American Life Insurance Berhad (currently known as Manulife Insurance Berhad) from 1991 to August 1996. In September 1996, he joined Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad as its Director and CEO. He retired from the company in 2009.

Encik Alex Foong currently sits on the Board of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysian Insurance Institute, and Quill Capita Management Sdn Berhad. He previously served on the Board of Directors of the Employees Provident Fund (EPF), Malaysia Life Reinsurance Group Bhd,

and Malaysian Rating Corporation Bhd.. He was also a past President of the Life Insurance Association (LIAM) as well as the Actuarial Society of Malaysia.

## Encik Md Tajuddin Md Isa

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif /  
Independent Non Executive Director

---

En Md Tajuddin bin Md Isa adalah lulusan dari Tentera Australia, Sekolah Pegawai Kadet, Portsea, Victoria, Australia pada tahun 1978 dan ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda dalam Rejimen Askar Melayu Diraja Angkatan Tentera Malaysia. Beliau meletakkan jawatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1986 dengan pangkat Kapten dan meneruskan pengajian perundangan di University of Sheffield, England, United Kingdom. Beliau memperolehi Ijazah kelas kedua (atas) LL.B (Kepujian) pada tahun 1989 dan kemudian memperolehi Sijil Amalan Guaman dari Profesion Undang-Undang Lembaga Kelayakan. Beliau ialah Rakan Urusan di Tetuan Md Tajuddin & Co, Peguambela & Peguamcara, Kuala Lumpur dan mempunyai pengalaman luas di dalam tindakan undang-undang, perkara *corporate and conveyancing* dengan penekanan yang kuat kepada Perbankan Islam sejak tahun 1990. Beliau memperolehi Diploma Siswazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional pada 15 September, 2010 dan juga merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Simpanan Nasional, Pengerusi/ahli Lembaga Pemegang Amanah, Dana Amal Jariah (amanah khairat), ahli Jawatankuasa Tatatertib, Peguambela & Peguamcara, Lembaga Tatatertib, ahli Persatuan Malaysia Tenaga Profesional, ahli Persatuan Penasihat Syariah, Malaysia.

Mr. Md. Tajuddin bin Md. Isa graduated from the Australian Army, Officer Cadet School, Portsea, Victoria, Australia in 1978 and was commissioned as an officer with the rank of Second Lieutenant in the Royal Malay Regiment of the Malaysian Armed Forces. He resigned from the Malaysian Armed Forces in 1986 with the rank of Captain and proceeded to read law at the University of Sheffield, England, United Kingdom. He graduated with a second class (upper) LL.B (honours) degree in 1989 and thereafter obtained his Certificate of Legal Practice from the Legal Profession Qualifying Board.

He is currently the Managing Partner at Messrs Md Tajuddin & Co, Advocates & Solicitors, Kuala Lumpur and has considerable experience in litigation, corporate and conveyancing matters with strong emphasis in Islamic Banking since 1990. He obtained his Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Finance from the International Islamic University Malaysia (IIUM). He was appointed to the Board of Directors of Bank





**Encik Alex  
Foong Soo Hah**

**Encik Md Tajuddin  
Md Isa**

**Datuk Azizan  
Abdul Rahman**

**Datuk Adinan  
Maning**

Simpanan Nasional (National Savings Bank) on 15th September, 2010 and is also a member of the Shariah Advisory Committee of Bank Simpanan Nasional, Chairman/member of the Board of Trustees, Dana Amal Jariah (charitable trust), member of the Disciplinary Committee, Advocates & Solicitors, Disciplinary Board, member of Malaysian Association of Energy Professional, member of Association of Shariah Advisors, Malaysia.

### **Datuk Azizan Abdul Rahman**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif /  
Independent Non Executive Director

Datuk Azizan Abdul Rahman dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 2 Mac 2012.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Queensland, Australia. Datuk Azizan ialah felo CPA Australia dan akauntan bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

Sebelum ini Datuk Azizan ialah Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dari Julai 2005 sehingga persaraan beliau pada September 2011. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Jabatan Penyeliaan Perbankan Bank Negara Malaysia dan berkhidmat di BNM dari April 1979 hingga Jun 2005.

Ketika ini Datuk Azizan merupakan Pengerusi Malaysian Rating Corporation Bhd, Kensington Trust Labuan Limited dan Metro Money Exchange Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Malaysian

Industrial Finance Bhd, Barakah Offshore Petroleum Bhd dan Permodalan BSN Bhd.

Datuk Azizan Abdul Rahman was appointed to the Board on 2 March 2012.

He holds a Bachelor's Degree (Hons) in Accounting from the University of Malaya and a Master's Degree in Business Administration from the University of Queensland, Australia. He is a Fellow Member of CPA (Australia) and a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants.

Datuk Azizan was formerly the Director-General of Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) from July 2005 until his retirement in September 2011. Prior to this, he was the Director of Banking Supervision Department in Bank Negara Malaysia (BNM). He was with BNM from April 1979 to June 2005, where his career spanned several positions in the areas of finance, examination and supervision.

He is currently the Chairman of Malaysian Rating Corporation Bhd, Kensington Trust Labuan Limited and Metro Money Exchange Sdn Bhd. He also sits as board member of MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Malaysian Industrial Finance Bhd, Barakah Offshore Petroleum Bhd dan Permodalan BSN Bhd.

### **Datuk Adinan Maning**

Ketua Eksekutif / Chief Executive

Datuk Adinan Maning menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Disember 2007. Beliau merupakan Ketua Eksekutif Bank Simpanan Nasional.

## Profil Lembaga Pengarah BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

Datuk Adinan mendapat pengajian dalam bidang perakaunan di Institut Teknologi MARA (1976 hingga 1979) dan seterusnya menduduki peperiksaan Institut Akauntan Kos dan Pengurusan (kini dikenali sebagai Institut Akauntan Pengurusan Berkanun).

Datuk Adinan memulakan kerjayanya di Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pada awal 1980. Jawatan terakhir beliau di BBMB adalah sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan untuk Pinjaman Komersil di Selangor.

Pada 1998, Datuk Adinan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan syarikat Panji Timor Sdn Bhd yang berpangkalan di Negeri Sembilan. Pada 2005, Datuk Adinan menyertai Kuantan Flour Mills Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 31 Disember 2005. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Operasi di Prokhas Sdn Bhd sehingga November 2007.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah BSNC Corporation Berhad dan Prudential BSN Takaful Berhad. Beliau juga merupakan Presiden Institut Bank Simpanan Dunia Wilayah Asia Pasifik, Bendahari Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia, Timbalan Pengerusi Persatuan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Resolusi Hutang Kecil di Bank Negara Malaysia.

Datuk Adinan Maning was appointed to the Board on 1 December 2007. He is the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional.

Datuk Adinan pursued accountancy in Institute Teknologi MARA (1976 to 1979) where he completed the examinations of the Institute of Cost and Management Accountants (now known as Chartered Institute of Management Accountants).

Datuk Adinan started his career in Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) in early 1980. His last position in BBMB was as the Business Development Manager for Commercial Loans in Selangor.

In late 1998, Datuk Adinan assumed the post of Chief Executive Officer of Panji Timor Sdn Bhd group of companies based in Negeri Sembilan. In 2005, Datuk Adinan joined Kuantan Flour Mills Berhad as Chief Executive Officer; holding the position until 31 December 2005. He then joined Prokhas Sdn Bhd as General Manager, Operations until November 2007.

He currently sits on the Board of BSNC Corporation Berhad and Prudential BSN Takaful Berhad. He is at present the President of World Savings Banks Institute Asia Pacific Region and Director of World Savings Bank, Treasurer of Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia and Association of Development

Finance Institution of Malaysia (ADFIM). He is also a Member of the Small Debt Resolution Committee (SDRC) at Bank Negara Malaysia.

### Y. Bhg. Datuk Nozirah Bahari

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif /  
Non Independent Non Executive Director

---

Datuk Nozirah Bahari telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2007 dan beliau telah berkhidmat sehingga 2 April 2013.

Datuk Nozirah Bahari was appointed to the Board on 1 June 2007 and served on the Board until 2 April 2013.

### Dato' Ng Kam Cheung

---

Dato' Ng Kam Cheung dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 25 September 2007 dan beliau telah berkhidmat sehingga 14 November 2013.

Dato' Ng Kam Cheung was appointed to the Board on 25 September 2007 and served on the Board until 14 November 2013.

### Dato' V. Danapalan

---

Dato' V. Danapalan dilantik ke Lembaga Pengarah pada 25 September 2007 dan beliau telah berkhidmat sehingga 14 November 2013.

Dato' V. Danapalan was appointed to the Board on 5 September 2007 and served on the Board until 14 November 2013.



**Datuk Nozirah Bahari**



**Dato' Ng Kam Cheung**



**Dato' V. Danapalan**

# Pengurusan MANAGEMENT



**Datuk Adinan Maning**  
Ketua Eksekutif  
Chief Executive

*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Winston E. Jeyaprakash**  
Timbalan Ketua Eksekutif, Perbankan Runcit  
Deputy Chief Executive, Retail Banking

**En. Yunos Abd Ghani**  
Timbalan Ketua Eksekutif, Perbankan Komuniti  
Deputy Chief Executive, Community Banking

**En. Ahmad Latfan Mohd Amran**  
Timbalan Ketua Eksekutif, Sokongan Korporat  
Deputy Chief Executive, Corporate Support



*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Siew Kin Meng**  
Ketua, Jabatan Kewangan  
Head, Finance Department

**En. Zainuddin Ahmad**  
Ketua, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia  
Head, Human Resource Management  
Department



**En. Ahmad Noh Jeni**  
Ketua, Jabatan Keselamatan  
Head, Security Department



*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Damanhuri Mahmud**  
Ketua, Jabatan Pengurusan Saluran  
Head, Channel Management Department

**En. Kamel Effendy Mohd Razali**  
Ketua, Jabatan Khidmat Pengurusan &  
Pemulihan Hutang  
Head, Debt Management &  
Recovery Services Department





*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Abdullah Aziz Buyong**  
Ketua, Jabatan Operasi Peruncitan Kredit  
Head, Retail Credit Operations Department

**En. Akhsan Zaini**  
Ketua, Jabatan Distribution  
Head, Distribution Department



*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Azaddin Ngah Tasir**  
Ketua, Jabatan Perniagaan Komuniti  
Head, Community Business Department


**En. Boey Cheng Choong**  
Ketua, Jabatan Pengurusan Transformasi  
Head, Transformation Management  
Department



**Dr. Mohd Ridzwan Abdul Razak**  
Ketua, Jabatan Pengurusan Risiko  
Head, Risk Management Department



**En. Mohd Sofi Mat Jahaya**  
Ketua, Jabatan Perbankan Islam  
Head, Islamic Banking Department



**En. Rosman Ramlan**  
Ketua, Jabatan Pentadbiran Am  
Head, General Administration Department



*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Jugindar Singh a/  
Kartar Singh**  
Ketua, Jabatan Teknologi Maklumat  
Head, Information Technology Department

**En. Banyjin Rashid Abd Rashid**  
Ketua, Bahagian Pembangunan Produk &  
Inovasi  
Head, Product Development &  
Innovation Division



**En. Norshahzan Halin**  
Ketua, Bahagian Pematuhan  
Head, Compliance Division





*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**Pn. Nilammasri Ja'afar**  
Ketua, Jabatan Mikro Kewangan  
Head, Micro Finance Department



**Pn. Puspa Marina Dato' Hj. Omar**  
Ketua, Jabatan Komunikasi Strategik  
Head, Strategic Communications  
Department



*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Arman Sa'at**  
Ketua, Jabatan Perbendaharaan & Pelaburan  
Head, Treasury & Investment Department



**En. Dzahidi Mohamad**  
Ketua, Juruaudit Dalam, Jabatan Audit  
Chief Internal Auditor, Audit Department



*Dari Kiri ke Kanan/ From Left to Right:*

**En. Jason Tan Yew Heong**  
Ketua, Bahagian Deposit &  
Transaksi Perbankan  
Head, Deposit & Transactional  
Banking Division



**En. Mohd Sofian Amirudin**  
Ketua, Bahagian Perniagaan Kad  
Head, Cards Business Division



**Pn. Ummul Shirin Mohamed Thalha**  
Ketua, Bahagian Undang-Undang &  
Sekretariat  
Head, Legal & Secretariat Division



# Pernyataan Tadbir Urus Korporat

## STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

### PENGURUSAN RISIKO

#### Rangka Pengurusan Risiko

BSN sentiasa berusaha memperbaiki praktis pengurusan risiko melalui rangka kerja yang menghasilkan hala tuju strategik dalam urus tadbir pengurusan risiko dan infrastruktur, dasar pengurusan risiko, proses-proses pengurusan risiko, pemilikan risiko dan tanggungjawab mengurangkan impak cabaran perniagaan bagi tahun 2013. Tumpuan utama dalam budaya pengurusan risiko di Bank ini ialah untuk memastikan kesedaran berterusan mengenai risiko dan kepentingan pemilikan risiko yang diterajui oleh Jabatan Pengurusan Risiko melalui latihan berstruktur dan penerimaan amalan terbaik pengurusan risiko dalam tugas-tugas seharian di samping juga menanam perasaan pemilikan risiko oleh setiap perniagaan dan pemilik berfungsi.

#### Struktur Tadbir Urus Risiko/Risk Governance Structure

<p>Dasar Risiko dan Selera Risiko Risk Policies and Risk Appetite</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lembaga Pengarah (BOD) Board of Directors</li> <li>2. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko Board Risk Management Committee</li> </ol>
<p>Memastikan pelaksanaan dasar dan pematuhan Ensuring implementation of policies and compliance</p>	<p>Jawatankuasa-jawatankuasa peringkat pengurusan termasuklah:</p> <p>Management level Committees including</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Risk Management Working Committee</li> <li>ii. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Asset and Liability Committee</li> <li>iii. Jawatankuasa Pengurusan Kredit dan Risiko Pasaran Credit and Market Risk Management Committee</li> <li>iv. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Operational Risk Management Committee</li> <li>v. Jawatankuasa Syariah Shariah Committee</li> </ol>
<p>Melaksanakan dan mematuhi Implement and Comply</p>	<p>Kesemua pemilik perniagaan dan pemilik fungsi All business and functional owners</p>

#### Jaminan bebas: Jawatankuasa Lembaga Audit

Lembaga Pengarah, dengan sokongan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko, mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk menyelia pengurusan risiko. Dasar risiko dan selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menjadi bahagian utama pelan perniagaan dan bajet tahunan yang juga diluluskan oleh Lembaga.

### RISK MANAGEMENT

#### Risk Management Framework

BSN continues to improvise its risk management practices via a set framework that established a strategic direction in risk management governance and infrastructure, risk policies, risk processes, risk ownership and responsibilities in cushioning the impact of business challenges in Year 2013. Risk management culture continued to be emphasised throughout the Bank via structured trainings and inculcation of good practices in risk management during day-to-day work whilst instilling a sense of risk ownership by each business and functional owner.

#### Independent Assurance: Board Audit Committee

The Board of Directors, supported by the Board Risk Management Committee maintains the overall responsibility of oversight role in managing risks in the Bank. The risk policies and risk appetite approved by the Board form the integral part of annual business plan and budget that were approved by the Board.



Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Bertindak Pengurusan Risiko (RMWC) dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO). ALCO bertanggungjawab memantau, antara lainnya, kecukupan komposisi aset dan liabiliti Bank selaras dengan keadaan ekonomi terkini, pembangunan dasar-dasar risiko yang berkaitan menerusi Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALM), menilai keberkesanan dasar-dasar risiko, menilai kecukupan pendedahan risiko berbanding komposisi portfolio, kecukupan modal dan pengurusan kecairan. RMWC bertanggungjawab memantau pembangunan dasar-dasar risiko berkaitan yang diperlukan bagi menguruskan aktiviti perniagaan Bank selain kecukupan sistem dan proses yang menyokong fungsi pengurusan risiko.

Jawatankuasa Syariah bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah sementara Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi pula bertanggungjawab untuk menyelaraskan penubuhan dan penyelenggaraan pengurusan risiko operasi dan pengurusan kesinambungan perniagaan dasar dan Inisiatif pematuhan sementara Jawatankuasa Risiko Pasaran dan Kredit bertanggungjawab untuk mengurus isu-isu risiko kredit yang mungkin timbul dan memberi kesan kepada portfolio kredit Bank.

Kesemua pemilik perniagaan dan pemilik fungsi (unit risiko yang ditubuhkan), sebagai barisan depan pertahanan dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti, meringankan dan memantau risiko-risiko dalam lingkungan perniagaan masing-masing. Jabatan-jabatan ini bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kesemua aktiviti perniagaan seharian dijalankan mengikut selera risiko perniagaan dan had-had perniagaan yang diluluskan. Setiap jabatan didukung oleh pegawai risiko Jabatan masing-masing, yang bertanggungjawab menyokong jabatannya dalam pelaksanaan tanggungjawab pengurusan risiko.

Jawatankuasa Audit Lembaga, dengan sokongan dari Jabatan Audit Dalaman, bertanggungjawab untuk memastikan jaminan bebas dari segi kecukupan dan kebolehpercayaan proses-proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada dasar-dasar risiko dan keperluan dalaman.

Assisting the Board Risk Management Committee are the Risk Management Working Committee (RMWC) and Asset and Liability Committee (ALCO) respectively. ALCO would be responsible to oversee, among those, the adequacy of the assets and liabilities composition of the Bank in the light of the prevailing economic conditions, the development of relevant risk policies vis Asset and Liability Management (ALM), assessing the effectiveness of risk policies, reviewing adequacy of risk exposures against portfolio composition, capital adequacy and liquidity management. RMWC would be responsible to oversee the development of relevant risk policies required to manage the business activities of the Bank and the adequacy of systems and processes supporting the risk management function.

The Shariah Committee is responsible to assist the Board of Directors in ensuring compliance to the Shariah requirements. The Operational Risk Management Committee is responsible to coordinate the establishment and maintenance of the Bank's sound ORM, BCM & Compliance policies & initiatives whilst the Credit and Market Risk Committee is responsible to manage potential credit risk issues on a holistic basis, that would affect the Bank's credit portfolio.

All business and functional owners (embedded risk units), being the first line of defence are responsible to identify, mitigate and monitor risks within their own business lines. These departments are responsible to ensure that their day-to-day business activities are carried out within the approved business risk appetite and limits. Each department is supported by a Risk Champion who is responsible to support their department in executing its Enterprise Risk Management responsibilities.

The Board Audit Committee, supported by the Internal Audit department is responsible to ensure an independent assurance in terms of the adequacy and reliability of risk management processes, systems of internal controls and compliance with risk policies and internal requirements.

### Pendekatan Pengurusan Risiko

Bank menggunakan pendekatan pengurusan risiko bersepadu yang berterusan ke arah pengurusan risiko yang berkesan di seluruh bank. Pengoperasian pendekatan tersebut adalah sejajar dengan pendekatan berstruktur dan berdisiplin bagi strategi risiko perniagaan, julat risiko, proses-proses, manusia dan teknologi ke arah mencipta nilai pemegang saham

### Risk Management Approach

The Bank adopts an integrated risk management approach towards the effective management of bank-wide risks. The operationalising of the said approach is in tandem with the structured and disciplined approach viz-a-viz business risk strategies, risk appetite, processes, people and technology, towards creating shareholders' values.

### Bidang-bidang utama risiko dan pendekatan pengurusan risiko berkaitan di BSN adalah seperti berikut: The key risk areas and the relevant risk management approaches in BSN are as follows:

Risiko/Risk	Takrif/Definition	Pendekatan Pengurusan Risiko/Risk Management Approaches
<p>1. Pengurusan Risiko Perusahaan</p> <p>Enterprise Risk Management</p>	<p>Risiko perusahaan ialah kemungkinan kerugian yang boleh menyekat tercapainya matlamat perniagaan sesuatu perusahaan yang ditetapkan terlebih dulu.</p> <p>Enterprise Risk is a potential loss that would prevent achievement of pre-defined business objectives in an organisation.</p>	<p>i. Penjajaran matlamat perniagaan di peringkat korporat dan juga jabatan.</p> <p>Alignment of business objectives with business goals at the Corporate level and also at the departmental level.</p> <p>ii. Pemantauan berkala ke atas Daftar Risiko Utama oleh setiap jabatan perniagaan sebagai satu alat untuk mengurus risiko di peringkat sumber secara proaktif.</p> <p>Periodic monitoring of Key Risk Register by each business department as a tool to proactively manage risks at source.</p> <p>iii. Latihan Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang berterusan secara berstruktur dan formal, yang meliputi keseluruhan Bank.</p> <p>Continuous ERM Training across the Bank through structured and formal training.</p> <p>iv. Gunapakai urus tadbir amalan terbaik iaitu Urus Tadbir Risiko BNM sebagai asas dalam menguruskan risiko di tahap perusahaan.</p> <p>Adoption of best governance practices based on BNM Risk Governance as the foundation in managing risks on enterprise basis.</p>
<p>2. Pengurusan Risiko Kredit</p> <p>Credit Risk Management</p>	<p>Risiko kredit ialah kemungkinan kerugian pendapatan yang disebabkan oleh kegagalan pelanggan atau pihak seperniagaan (dari aktiviti pinjaman dan pelaburan) untuk menepati tanggungjawab mengikut jadual.</p> <p>Credit risk is the potential loss of income arising from failure of customers or counter-parties (from loan and investment activities) to meet their obligations as scheduled.</p>	<p>i. Budaya kredit berterusan di seluruh Bank melalui latihan berstruktur dan tidak formal.</p> <p>Continuous credit culture across the Bank through structured and informal training respectively.</p> <p>ii. Pengamalan prinsip pinjaman bertanggungjawab dalam dasar kredit sedia-ada.</p> <p>Embracing the principles of Responsible Lending in existing credit policies.</p> <p>iii. Mengkaji semula dan mengemaskini dasar kredit sedia-ada serta garis panduan kredit.</p> <p>Reviewing and updating the existing credit policies and credit guidelines.</p> <p>iv. Mengkaji semula dan meningkatkan model pemarkahan kredit sedia-ada untuk memastikan kesesuaiannya.</p> <p>Reviewing and enhancing existing credit scoring models to ensure its relevancy.</p> <p>v. Gunapakai mekanisme penentuan harga produk baru iaitu penentuan harga berdasarkan risiko, selepas mengambilkira harga untung dan margin keuntungan minimum yang harus dikekalkan oleh setiap produk.</p> <p>Adoption of new product pricing mechanism i.e. risk-based informed pricing, taking into consideration, the breakeven price and the minimum profitable margin to be maintained by each respective product.</p>

Risiko/Risk	Takrif/Definition	Pendekatan Pengurusan Risiko/Risk Management Approaches
<p>3. Pengurusan Risiko Pasaran</p> <p>Market Risk Management</p>	<p>Risiko pasaran yang terdiri dari risiko harga ekuiti dan risiko harga bon adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh pergerakan harga tidak menentu di pasaran.</p> <p>Market risk comprising equity price risk and bonds price risk, represents the risk of loss incurred arising from the adverse movement of price in the market.</p>	<p>i. Pemantauan berkala keadaan pasaran dan kesan terhadap perniagaan BSN.</p> <p>Periodic monitoring of market conditions and its corresponding business impact to BSN.</p> <p>ii. Mengkaji semula dan meningkatkan dasar risiko pasaran dan dasar pengurusan aset serta liabiliti.</p> <p>Reviewing and enhancing existing market risk policies and asset and liability management policies.</p> <p>iii. Pengamalan alat-alat sesuai seperti jurang perubahan harga semula, risiko pendapatan dan risiko nilai pertukaran harga ekonomi ekuiti untuk menentukan kesan risiko kadar faedah ke atas portfolio Bank.</p> <p>Adoption of relevant tools eg Re-pricing Gap, Earnings-at-Risk and Economic Value of Equity to establish the impact of interest rate risk to the Bank's portfolio.</p>
<p>4. Pengurusan Risiko Operasi</p> <p>Operational Risk Management</p>	<p>Risiko operasi ialah risiko kerugian dari proses dalaman yang tidak sempurna atau kegagalan proses dalaman, kepincangan manusia dan sistem ataupun faktor-faktor luaran.</p> <p>Operational risk is the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems or from external events.</p>	<p>i. Rangka pengurusan risiko operasi menentukan pendekatan berkumpulan dalam mengenalpasti, menilai, memantau dan mengurungi risiko operasi.</p> <p>The operational risk management framework sets out the collective approach to identifying, assessing, monitoring and mitigating operational risks.</p> <p>ii. Pelbagai peralatan dan cara digunakan untuk mengurus risiko operasi di tahap yang boleh diterima.</p> <p>Various tools and methods are used to manage operational risks within an acceptable level.</p>
<p>5. Pengurusan Risiko Kecairan</p> <p>Liquidity Risk Management</p>	<p>Risiko kecairan berpunca dari ketidakupayaan mengekalkan aset kecairan yang cukup untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungjawab bila tiba waktunya dan pada tahap kos yang munasabah.</p> <p>Liquidity Risk is the risk of inability to maintain sufficient liquid assets to meet financial commitments and obligations as and when they fall due and at a reasonable cost.</p>	<p>i. Meningkatkan usaha bagi mendapatkan deposit dari perniagaan runcit sebagai deposit runcit, selaras dengan perkembangan kadar faedah masa depan.</p> <p>Drive more to solicit deposits from retail as retail deposits , corresponding to the interest rate outlook.</p> <p>ii. Penubuhan pelan sandaran kecairan berkala untuk hal-hal tak diduga.</p> <p>Establishment of periodic liquidity contingency backup plan.</p> <p>iii. Pemeteraian urusan REPO dengan rakan bank di industri.</p> <p>Establishment of REPO arrangements with dedicated counter parties.</p>
<p>6. Risiko Kegagalan Mematuhi Syariah</p> <p>Shariah Non-Compliance Risk</p>	<p>Risiko ini ialah kegagalan mematuhi peraturan dan prinsip Syariah seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Syariah.</p> <p>Shariah non-compliance risk is the risk of failure to comply with the Shariah rules and principles as determined by the respective Shariah authorities.</p>	<p>i. Pembangunan Dasar Pematuhan Syariah berpandukan Garis Panduan Pematuhan Syariah BNM yang meliputi fungsi-fungsi Kajian Semula dan Pematuhan Syariah, Penyelidikan Syariah, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah.</p> <p>Development of Shariah Governance Policy, guided by the BNM Shariah Governance Framework covering these functions i.e. Shariah Review and Compliance, Shariah Research, Shariah Risk Management and Shariah Audit.</p> <p>ii. Berpandukan kepada perkara di atas, fungsi-fungsi utama serta proses-proses dimajukan untuk mendukung aktiviti perbankan Islam di peringkat operasi.</p> <p>Premised on the above, key functions and processes are being developed to support the operational level of Islamic Banking activities.</p>

Risiko/Risk	Takrif/Definition	Pendekatan Pengurusan Risiko/Risk Management Approaches
7. Risiko Komersil Teralih Displaced Commercial Risk (DCR)	Risiko membabitkan risiko kerugian kredit dan pasaran disebabkan pembayaran pulangan yang melebihi kadar yang sepatutnya diperolehi dari akaun pelabur berasaskan kontrak nisbah perkongsian keuntungan.  Displaced commercial risk (DCR) is the risk of bearing the credit and market risk losses as a result of paying a return that exceeds the actual return that is supposedly to be earned by the investment account holders based on the contractual profit sharing ratio.	i. Pembangunan Dasar Risiko Peralihan Komersial (DCR) yang mewujudkan urus tadbir, peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan. Development of DCR policy that establishes the governance, roles and responsibilities of respective stakeholders.  ii. Penggunaan Simpanan Keuntungan Persamaan (PER) yang ditadbir oleh dasar PER. Application of Profit Equalisation Reserve (PER), governed by the PER policy.

## PERKEMBANGAN UTAMA PADA 2013

### 1. Daftar risiko utama

Daftar risiko utama yang sedia ada disemak dan dikemaskini secara berterusan oleh setiap jabatan iaitu sebagai alat pengurusan proaktif bagi mengurus risiko di setiap fungsi perniagaan secara lebih proaktif dan berstruktur.

Mencipta budaya risiko yang mantap di BSN yakni dalam pelaksanaan penilaian risiko, pemantauan & pelaporan serta pembangunan program-program pengurusan ilmu adalah sebahagian daripada inisiatif strategik terkini yang digunakan di BSN.

Bagi meningkatkan pengetahuan mengenai ERM di seluruh organisasi, latihan ERM telah dilanjutkan kepada kakitangan barisan kedua dan ketiga di setiap jabatan, bagi menerapkan budaya pengurusan risiko di akar umbi.

### 2. Pengurusan risiko kredit

Dengan didorong oleh selera risiko di seluruh Bank, fungsi pengurusan ini ialah untuk mengurus pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima bersesuaian dengan saiz dana dan untuk memastikan pulangan maksima bersesuaian dengan tahap risiko yang ada, di samping beroperasi di dalam lingkungan selera risiko Bank.

Dengan pengenalan Garis Panduan BNM untuk Pemberian Pinjaman Bertanggungjawab, Bank telah mengambil pendekatan proaktif dengan menilai semula profil portfolio pinjaman/pembiayaan peribadinya dan menyelaraskan julat risiko kreditnya termasuk menyemak semula julat sedia ada bagi Nisbah Pembayaran-Hutang (DSR).

## KEY DEVELOPMENTS IN YEAR 2013

### 1. Enterprise Risk Management

The existing key risk register was continuously reviewed and updated by each department as a pro-active management tool to manage risks on in their respective business functions in a more proactive and structured basis.

Creating robust risk culture within BSN in implementing risk assessment, monitoring & reporting and develop knowledge management programmes as part of the strategic initiatives that are currently adopted in BSN.

To continuously enhance the ERM knowledge across the organisation, the ERM training has been extended to the second liners and third liners of each department, to inculcate risk management culture at source.

### 2. Credit Risk Management

Guided by the Bank-wide business risk appetite, credit risk management function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-a-vis the capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite.

With the introduction of BNM Guidelines in Responsible Financing, the Bank has taken a pro-active approach by reviewing its personal loan/financing portfolio profile and adjust its credit risk appetite accordingly including reviewing the existing threshold of Debt-Service Ratio (DSR).

Pengurusan risiko kredit diurus tadbir oleh Rangkakerja Pengurusan Risiko Kredit yang menetapkan dasar risiko kredit Bank, garis panduan kredit dan lain-lain garis panduan Bank selaras dengan kehendak Garis Panduan BNM mengenai Amalan Terbaik untuk Pengurusan Risiko Kredit, Garis Panduan mengenai Pembiayaan Bertanggungjawab dan lain-lain garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM serta lain-lain agensi pengawasan. Dasar-dasar dan garis panduan ini telah dikaji dan dikemaskini secara teratur selaras dengan selera risiko Bank.

BSN telah menetapkan dasar risiko kredit dan garis panduan kredit untuk mengurus pendedahan dan mengelak dari penumpuan risiko kredit di dalam portfolio pembiayaan seperti jenis perniagaan, produk, sektor ekonomi, had pendedahan seseorang pelanggan, kumpulan tidak disasar dan cagaran. Dasar-dasar serta garis panduan termasuk cara mengukur, memantau dan mengawal risiko kredit yang merangkumi semua jenis perniagaan di Bank.

Bank juga dari masa ke semasa menambahbaik Model-model Skor Kreditnya agar selaras dengan perubahan kehendak kawal selia, serta ciri-ciri dan volum aktiviti perniagaan Bank bagi setiap produk pinjaman. Model-model ini diuji secara kerap bagi memastikan ia cekap dan relevan dengan operasi perbankan.

Ujian tekanan dengan simulasi yang ditambahbaik dijalankan oleh Bank ke atas portfolio pinjaman utama bagi memastikan aspek-aspek risiko utama/lemah dikenalpasti dan ditangani serta-merta. Ini dijadikan titik pacuan bagi memandu halatuju perniagaan Bank. Asas dan andaian bagi ujian tekanan ini disemak secara kerap selaras dengan keadaan ekonomi semasa.

Pengurusan Risiko Kredit juga melaksanakan latihan berterusan menyeluruh berkaitan dasar risiko kredit dan garis panduan risiko kredit untuk semua jabatan berkaitan kredit di Ibu Pejabat dan semua cawangan. Ini bertujuan meningkatkan kecekapan teknikal berkaitan perkara terbabit, memastikan pemahaman yang seragam berkaitan dasar-dasar dan garis panduan sedia ada selain mengurangkan kerugian kredit masa hadapan sepanjang usaha membangunkan pinjaman masa hadapan.

Pengurusan Risiko Kredit juga memainkan peranan dalam memastikan bahawa inisiatif-inisiatif risiko kredit tersebut adalah dalam lingkungan matlamat dan jangkaan Bank, meningkatkan kesedaran pihak pengurusan mengenai isu-isu risiko kredit, dan mendapatkan komitmen pihak pengurusan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif risiko kredit di seluruh bank dengan jayanya.

The management of credit risk is governed by the Credit Risk Management Framework which rules the Bank's Credit Risk Policies, Credit Guidelines and other relevant guidelines of the bank which have been in accordance with the BNM's Best Practice for Credit Risk Management, Guidelines on Responsible Financing, and other relevant Guidelines issued by BNM and other regulatory bodies. The policies & guidelines have been reviewed and updated regularly in line with the Bank's risk appetite.

The Bank has in place, credit risk policies and credit guidelines in managing its exposure to avoid undue concentration of credit risk in its financing portfolio such as business segments, products, economic sectors, single customer exposure limits, non target group, collaterals, etc. The policies and guidelines include methodologies for measurement, monitoring and control of credit risk across all lines of business within the Bank.

The Bank has also from time to time enhanced its Credit Scoring Models so as to meet the changes in regulatory requirement, nature and volume of the Bank's business activities for each loan product. Back-testing of these models are regularly performed to ensure its reliability and relevance to the banking operations.

Stress testing with simulations are performed by the Bank on its major loan portfolio to ensure that any vulnerable/key risk area is identified upfront and addressed promptly. This would be used as a trigger point towards guiding the business direction of the Bank. The basis and assumptions of the stress testing are regularly reviewed in the light of prevailing economic conditions.

Credit Risk Management has also extended a continuous bank-wide training on credit risk policy and credit risk guidelines respectively to all credit-related departments at the Head Office and all branches. This would enhance the technical competencies of the subject matters, ensure uniform comprehension of the existing policies and guidelines whilst reducing future credit losses in the course of growing future loans/financings.

Credit Risk Management are also playing an effective role to ensure that those credit risk initiatives are within the Bank's goals and expectations, increase management's awareness on credit risk issues, and obtain commitment from the management to roll out credit risk initiatives across the bank successfully.

Sebagai sebahagian daripada penglibatannya dalam proses dan aktiviti Bank, Pengurusan Risiko Kredit sebagai pihak bebas telah memainkan peranannya secara aktif dan berterusan dalam Projek Perbankan Teras Bank terutamanya dalam semua modul pinjaman yang berkaitan.

### **3. Pengurusan Risiko Pasaran**

Tahun 2013 menyaksikan ketidakpastian ekonomi yang berterusan melanda persekitaran ekonomi AS dan Eropah dengan tanda-tanda kekangan pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi baru muncul. Ekonomi domestik juga tidak terkecuali menerima tempas dan ketidakpastian ekonomi global dan seterusnya memberi kesan kepada pasaran pelaburan dan pasaran modal.

Bank terdedah kepada risiko ketidakpastian pasaran dalam aspek pelaburannya dalam sekuriti dan ekuiti sedia-untuk-jualan (AFS). Ini ditangani menerusi dasar risiko pasaran Bank dan hadnya ke atas sekuriti dan ekuiti.

Untuk mengurus kenaikan kadar faedah, BSN telah menempatkan strategi perniagaan yang menambahkan pertumbuhan aset kadar terapung yang juga menjadi benteng terhadap kesan perubahan dalam kadar faedah. Ini dibantu lagi oleh pengamalan Nilai Ekonomi Ekuiti sebagai alat proaktif untuk mengurus kesan risiko kadar faedah dalam tempoh jangka panjang. Bank juga mempunyai satu mekanisme perlindungan terhadap kenaikan faedah (hedging) yang mampu digerakkan bila perlu untuk mengurus risiko berkaitan kadar faedah.

### **4. Pengurusan Risiko Kecairan**

BSN meneruskan tumpuan kepada strategi pinjaman untuk menarik minat pelanggan runcit lebih-lebih lagi kepada Sijil Simpanan Premium Edisi Khas. Selain itu pelan kecairan berkala untuk kejadian luar jangkaan juga disediakan untuk memenuhi permintaan kecairan yang tidak dijangka dan untuk mengurangkan kesan dari masalah kecairan. Urusjanji REPO juga telah dimeterai dengan pelbagai pihak bagi menangani sebarang impak yang mungkin timbul daripada kecairan yang tidak dijangka.

### **5. Pengurusan Risiko Operasi**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi ditubuhkan untuk memastikan semua risiko operasi, kesinambungan perniagaan dan inisiatif pematuhan adalah dalam lingkungan matlamat dan harapan Lembaga Pengarah

As part of its involvement in the bank's process and activities, Credit Risk Management as an independent party has actively and continuously played its role in the Bank's Core Banking Project specifically in all relevant loan modules.

### **3. Market Risk Management**

Year 2013 saw the continuous economic uncertainties affecting key regions of US and Europe, with some signs of economic growth setbacks in emerging economies. The domestic economy was to a certain extent also affected by the global uncertainties and that affected the investment and capital market climate of Malaysia. The Bank is exposed to market volatility risk in terms of its investment in available-for-sale (AFS) securities and equities. This is managed through the Bank's market risk policy and limits on securities and equities.

In managing interest rate hikes, the Bank had put in place business strategies to grow more of its floating rate assets which serves as the natural hedging mechanism to offset the impact of changes in interest rates. This is further assisted with the adoption of Economic Value of Equity (EVE) as a proactive tool to manage the impact of interest rate risk on a long term basis. The Bank had also put in place a hedging mechanism to be executed when the need arises, to manage interest rate risk.

### **4. Liquidity Risk Management**

The Bank continued to focus its deposits strategy to solicit retail customers particularly leveraging on its Sijil Simpanan Premium Special Edition to attract more retail depositors. Besides this, periodic liquidity contingency plans are in place to meet unexpected liquidity demand and cushion against potential impact of liquidity crunch. REPO arrangements have also been entered with various counterparties to cushion any impact arising from unexpected liquidity crunch.

### **5. Operational Risk Management**

The Bank had established the Operational Risk Management Committee to ensure that all operational risk, business continuity and compliance initiatives are within Boards of Directors and Senior Management's goals and expectations. This is in line with standard corporate governance and complies with several minimum regulatory

dan pengurusan tertinggi. Ini adalah selaras dengan piawaian urus tadbir dan mematuhi beberapa piawaian peraturan minimum. Pengubahsuaian kepada dasar dan garis panduan pengurusan risiko operasi juga telah dilakukan untuk menyediakan mekanisme kerja berkesan untuk semua peringkat operasi di Bank.

Program latihan berterusan diberikan kepada semua juara risiko sebagai satu dari inisiatif untuk mengurus risiko di sumbernya. Mekanisme untuk mengurus risiko penipuan dan kejadian yang merugikan juga telah disemak semula untuk memastikan proses yang betul dan berkesan diamalkan di semua peringkat Bank.

BSN telah juga mengamalkan petunjuk risiko utama yang berfungsi sebagai tanda amaran awal untuk mengenalpasti isu-isu risiko operasi pada peringkat awal dan sedang mengembang proses tanda risiko utama kepada perniagaan dalam usaha mengukuhkan unit-unit perniagaan sebagai benteng pertahanan hadapan.

Dalam memupuk budaya Pengurusan Perniagaan berterusan (BCM) yang teguh dalam operasi perniagaan, pelaksanaan berkesan amalan Pengurusan Perniagaan berterusan juga dilakukan untuk memastikan kesediaan perniagaan untuk menghadapi apa jua keadaan tidak menguntungkan kepada Bank.

Bank juga telah menambahbaik urus tadbir risiko operasi dengan memperbaiki rangka kerja dan dasar-dasar sedia ada seperti rangka kerja risiko operasi, dasar pengambilan sumber luar, dan dasar pengenalan produk baru.

Pendekatan dasar pengenalan produk baru adalah penting agar semua pihak terbabit menangani semua risiko berkaitan sesuatu produk baru secara komprehensif sebelum produk itu dilancarkan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mencipta nilai tambah daripada risiko operasi, Bank telah memperkenalkan satu mekanisme analisis vintaj bagi mengenalpasti secara proaktif kebarangkalian timbulnya isu-isu operasi dalam operasi perbankan yang selanjutnya boleh membawa kepada tindakan pembedahan bagi mengurangkan kerugian operasi.

## 6. Pengurusan Risiko Tidak Mematuhi Syariah

BSN telah mengadakan rangka pengurusan risiko Syariah yang merangkumi dasar risiko dan prosedur operasi standard untuk mengurus kegagalan mematuhi Syariah serta mendukung pelaksanaan piawaian berkenaan. Untuk mengurus risiko komersil tersisih, Bank juga telah menyediakan dasar baru risiko ini juga berpandukan garis panduan.

standards. Improvisation of the bank's existing Operational Risk Management policies and framework have been made to establish an effective working mechanism for all operational levels within the Bank.

Continuous training were provided to all business risk champions as part of the strategic risk management initiatives to manage risks at source. Mechanisms to manage fraud and loss events incidents also have been reviewed to ensure effective and proper process is being implemented across the Bank.

The Bank had also adopted a business key risk indicator (KRI) as an early warning indicator to identify operational risk issues at early stage and currently expanding the key risk indicators process to the business as part of strengthening the business units as first line of defence.

Driving strong BCM culture into business operations and effective implementation of BCM practices were also adopted in ensuring readiness of the business in facing any unfavorable situation to the Bank.

The Bank has also improved its present governance in operational risk by enhancing the existing frameworks and policies, eg operational risk framework, outsourcing policy and new product introduction policy .

A new product introduction policy approach is essential to address all risks associated with a product are comprehensively addressed by all relevant parties before the said product is successfully rolled-out.

As part of efforts to create value out of operational risk in the Bank, the Bank has introduced a robust vintage analysis mechanism to proactively identify and zoom-in potential operational issues in the banking operations which would enable prompt remedial actions to reduce operational losses.

## 6. Shariah Non-Compliance Risk Management

The Bank had put in place, a Shariah Risk Management framework, encompassing risk policies and standard operating procedures to manage shariah non-compliance as well as to support the implementation of the said framework. In managing a displaced commercial risk, the Bank had also put in place, a new policy on Displaced Commercial Risk, guided by Bank Negara Malaysia on the subject matter.

## KENYATAAN URUS TADBIR KORPORAT STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional komited untuk menegakkan prinsip-prinsip urus tadbir korporat dan memegang kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Urus Tadbir Korporat Pengarah untuk Kemajuan Institusi Kewangan (BNM/RH/GL 005-4).

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional is committed to upholding the principles of Corporate Governance and subscribes to Bank Negara Malaysia's Guidelines On Corporate Governance Standards on Directorships for Development Financial institutions (BNM/RH/GL 005-4).

### A. LEMBAGA PENGARAH

Lembaga ini kini dianggotai lapan pengarah, yang mana tujuh adalah pengarah bukan eksekutif. Pengarah Eksekutif ialah Ketua Pegawai Eksekutif BSN. Kesemua pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap pengarah dimuatkan dalam laporan ini.

Perlantikan kesemua pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam BNM/RH/GL 005-4.

Lembaga mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi bank. Mesyuarat khas juga diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting bila perlu. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Lembaga telah bermesyuarat 17 kali. Kehadiran pengarah-pengarah adalah seperti berikut:

### A. BOARD OF DIRECTORS

The Board of Bank Simpanan Nasional (BSN) currently has eight directors out of which seven are non-Executive Directors. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each of the directors is briefly described in this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under BNM/RH/GL 005-4.

The Board of Directors meets at least once a month to consider financial matters, strategy and policies as well as monitor the overall performance of the Bank. Special Board meetings are also convened to consider urgent business as and when required. During the financial year ended 31 December 2013, the Board met 17 times. The attendance of the Directors is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance
1.	Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah ( <i>Pengerusi/Chairman</i> ) <i>Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Executive Non-Independent</i>	14/14*
2.	Puan Siti Zauyah Mohd Desa ( <i>Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman</i> ) <i>Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Executive Non-Independent</i> ( <i>bermula 2 April 2013/commencing 2 April 2013</i> )	11/13*
3.	Datuk Nozirah Bahari ( <i>Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman</i> ) <i>Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Executive Non-Independent</i> ( <i>sehingga 2 April 2013/until 2 April 2013</i> )	4/4*
4.	Datuk Adinan Maning <i>Eksekutif Bukan Bebas/Executive Non-Independent</i>	17/17
5.	Dato' V. Danapalan <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i> ( <i>sehingga 14 November 2013/until 14 November 2013</i> )	14/15*
6.	Dato' Ng Kam Cheung <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i> ( <i>sehingga 14 November 2013/until 14 November 2013</i> )	15/15*
7.	Encik Ghazali Awang <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	16/17
8.	Encik Alex foong Soo Hah <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	15/17
9.	Encik Md Tajuddin Md Isa <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	17/17
10.	Datuk Azizan Abdul Rahman <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	16/17

\* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan pengarah berkenaan sebagai ahli.

\* Refers to the number of meetings attended from the Director's date of appointment to the Board.



## B. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Terdapat empat jawatankuasa yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab – Audit dan Pemeriksaan; Pengurusan Risiko; Pencalonan dan Saraan.

### JAWATANKUASA AUDIT DAN PEMERIKSAAN

#### 1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) ialah untuk mengkaji kedudukan kewangan bank, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan kemudian menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

#### 2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JAP adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta pinjaman buruk dan mencurigakan. Kajian semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan AEC tidak boleh terlebih dulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. AEC juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan untuk audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti inter bank dan pengurusan kecairan bank keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan syor mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula dengan Juruaudit Luar bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli audit serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;

## B. COMMITTEES

There are four Board Committees established to assist the Board in discharging its duties and responsibilities namely the Audit and Examination Committee, Risk Management Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee.

### AUDIT AND EXAMINATION COMMITTEE

#### 1. OBJECTIVE

The primary objective of the Audit and Examination Committee (AEC) is to review the financial condition of the bank, its internal controls, performance and findings of the internal auditors, and to recommend appropriate remedial action regularly.

#### 2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the AEC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies, and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss account for submission to the full board of directors and ensure the prompt publication of annual accounts;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend action to be taken by management. The reports of internal auditors and AEC should not be subject to the clearance of the Chief Executive or Executive Directors. The AEC should also evaluate the performance and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of the internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of the Bank;
- The AEC should evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review with the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by management and its staff to the auditors and any findings and actions to be taken;

- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
  - andaian perniagaan berterusan;
  - pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
  - perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
  - isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terdapat hasil proses audit;
- Membincang apa-apa isu dan keraguan yang ditimbulkan oleh audit luar dari laporan audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin mahu dikemukakan oleh audit luar tanpa pembabitan pihak pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada pengurusan dari audit luar serta jawapan dari pengurusan;
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam bank atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak pengurusan;

- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
  - continuous business assumptions;
  - compliance to accounting standard and legal requirements;
  - changes in policy and accounting practices;
  - important issues and extraordinary matters which arise from the audit process;
- Discuss any issues and reservations raised by the external auditor from the interim and final audits, as well as any matter which the external auditors may wish to discuss (in the absence of the management or when necessary);
- Review the contents of the management letter issued by the external auditors as well as management's responses thereto;
- Review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise in the Bank or within the group including any transaction, procedure or conduct that raises questions of the management's integrity.

### 3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Dalam tahun 2013 JAP telah bermesyuarat sebanyak 9 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

### 3. FREQUENCY OF MEETINGS

The AEC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2013, the AEC met 9 times. The attendance recorded for the members of the AEC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance
1.	Encik Ghazali Awang	3/3*
2.	Dato' Ng Kam Cheung	6/7*
3.	Encik Alex Foong Soo Hah	8/9
4.	Encik Md Tajuddin Md Isa	3/3*
5.	Datuk Azizan Abd Rahman	9/9

\* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan Pengarah berkenaan sebagai ahli.

\* Refers to the number of meetings attended from the date of the Director's appointment to the Board.

## **JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO**

### **1. MATLAMAT**

Matlamat utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) ialah untuk menyelia aktiviti pengurusan risiko dalam mengurus bahagian risiko utama bank dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

### **2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Tugas dan tanggungjawab JPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk mengurus risiko keseluruhan berkaitan aktiviti BSN.
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko;
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

### **3. KEKERAPAN BERMESYUARAT**

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Untuk 2013 JPR telah bermesyuarat sebanyak 5 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance
1.	Encik Alex Foong Soo Hah	5/5
2.	Dato' Ng Kam Cheung	1/1*
3.	Encik Ghazali Awang	5/5
4.	Dato' V. Danapalan	1/1*
5.	Datuk Azizan Abdul Rahman	4/5
6.	Encik Md Tajuddin Md Isa	3/3*

\* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan Pengarah berkenaan sebagai ahli.

\* Refers to the number of meetings attended from the date of the Director's appointment to the Board.

## **RISK MANAGEMENT COMMITTEE**

### **1. OBJECTIVE**

The primary objective of the Risk Management Committee (RMC) is to oversee the senior management's activities in managing the key risk areas of the Bank and to ensure that the risk management process is in place and functioning effectively.

### **2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES**

The functions and responsibilities of the RMC are as follows:

- Formulating strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommending appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Reviewing the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promoting an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensuring that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Reviewing management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulating business continuity plans.

### **3. FREQUENCY OF MEETINGS**

The RMC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2013, the RMC met 5 times. The attendance recorded for the members of the RMC is as follows:

## **JAWATANKUASA PENCALONAN**

### **1. MATLAMAT**

Matlamat utama Jawatankuasa Pencalonan (JP) ialah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan tulus berkaitan perlantikan ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan utama dan menilai keberkesanan setiap pengarah. Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama.

### **2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Tugas dan tanggungjawab JP adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga dari segi jumlah sepatutnya dan kemahiran, keseimbangan antara pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama melalui kajian semula tahunan.
- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga, mereka yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perlantikan semula sebelum permohonan untuk kelulusan diserahkan kepada BNM.
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga dan prestasi Ketua Eksekutif.
- Menyarankan kepada Lembaga mengenai penyingkiran pengarah/Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab.
- Memastikan semua pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan.
- Menyelia perlantikan, pelan pengambil-alihan jawatan pengurusan dan prestasi eksekutif kanan dan menesyorkan kepada Lembaga mengenai penyingkiran mana-mana eksekutif kanan yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.

## **NOMINATION COMMITTEE**

### **1. OBJECTIVE**

The primary objective of the Nomination Committee (NC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and key senior officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and key senior officers.

### **2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES**

The functions and responsibilities of the NC are as follows:

- Establishing minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive Directors, Non-Executive and Independent Directors, and mix of skills and other core competencies required, through annual reviews.
- Recommending and assessing the nominees for directorship, the directors to fill Board committees, as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing directors and the Chief Executive proposed for reappointment, before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia.
- Establishing a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the board as a whole, the contribution by each director to the effectiveness of the Board, the contribution of the board's various committees and the performance of the Chief Executive.
- Recommending to the Board on removal of a Director/Chief Executive if he is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities.
- Ensuring that all directors undergo appropriate induction programs and receive continuous training; and
- Overseeing appointment, management succession planning and performance evaluation of key senior officers, and recommending to the board the removal of key senior officers if they are ineffective, errant or negligent in discharging their responsibilities.

### 3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Untuk 2013 JP telah bermesyuarat sebanyak 9 kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance
1.	Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah	5/5*
2.	Dato' V. Danapalan	7/7*
3.	Datuk Nozirah Bahari	2/2*
4.	Datuk Adinan Maning	8/9
5.	Encik Md Tajuddin Md Isa	9/9
6.	Dato' Ng Kam Cheung	4/4*
7.		4/5*

\* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan Pengarah berkenaan sebagai ahli.

\* Refers to the number of meetings attended from the date of the Director's appointment to the Board.

### 3. FREQUENCY OF MEETINGS

The NC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2013, the NC met 9 times. The attendance recorded for the members of the NC is as follows:

### JAWATANKUASA SARAAN

#### 1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Saraan (JS) ialah untuk menyediakan prosedur formal dan tulus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

#### 2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (i) Mengesyorkan rangka imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Dasar ini patut:
- didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga penuh. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan Lembaga;
  - menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul pengarah individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif kanan utama;
  - lumayan untuk menarik minat dan mengekalkan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan;
  - wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.

### NOMINATION COMMITTEE

#### 1. OBJECTIVE

The primary objective of the Remuneration Committee (RC) is to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and key senior officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with the BSN's culture, objectives and strategy.

#### 2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the RC are as follows:

- (i) Recommending a framework of remuneration for directors, Chief Executive and key senior officers. The remuneration policy should:
- be documented and approved by the full board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the full board;
  - reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and key senior officers;
  - be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and key senior officers of caliber needed to manage the BSN successfully; and
  - be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to subsidise excessive remuneration packages.

(ii) Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Pakej berkenaan patut:

- Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga penuh;
- Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama;
- Tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu.
- Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN; dan

### 3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali. Untuk 2013 JS telah bermesyuarat sebanyak 6 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

(ii) Recommending specific remuneration packages for directors, chief executive officer and key senior officers. The remuneration packages should:

- be based on an objective consideration and approved by the full board;
- take due consideration of assessments of the nominating committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive Officer or key senior officers concerned;
- not be decided by the exercise of sole discretion of any one individual or restricted group of individuals; and
- be competitive and is consistent with the BSN's culture, objective and strategy.

### 3. FREQUENCY OF MEETINGS

The RC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2013, the RC met 6 times. The attendance recorded for the members of the RC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance
1.	Encik Md Tajuddin Md Isa	6/6
2.	Dato' Ng Kam Cheung	4/5*
3.	Dato' V. Danapalan	5/5*
4.	Datuk Azizan Abdul Rahman	5/6
5.	Puan Siti Zauyah Mohd Desa	2/3*
6.	Encik Alex Foong Soo Hah	2/3*

\* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan Pengarah berkenaan sebagai ahli.

\* Refers to the number of meetings attended from the Director's date of appointment to the Board.

## KENYATAAN AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman (JAD) bertanggungjawab menjalankan tugas audit dalaman di BSN. Ianya bebas dan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) dan secara pentadbirannya kepada Ketua Eksekutif (KE). Bagi melindungi aset dan kepentingan bank, JAD ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melalui JAP dan menjalankan tanggungjawab untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang lebih baik. Kuasa, rangka kerja dan tanggungjawab JAD berpandukan Piagam Audit yang dikaji dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Misi JAD ialah menyediakan semakan dan keseimbangan, penilaian bebas dan perundingan untuk memastikan pencapaian Bank melalui:

- Menyediakan penilaian bebas, fungsi jaminan yang berobjektif dan nasihat mengenai amalan terbaik dalam menambah nilai serta meningkatkan operasi Bank ke tahap tertinggi;
- Membantu Bank mencapai matlamat dengan menilai dan memperbaiki keberkesanan sistem pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus korporat;
- Membina pasukan audit yang profesional dan cekap dengan melaksanakan pendekatan audit dan teknologi yang terbaik.

Tugas dan tanggungjawab JAD ialah:

- Menjalankan semakan berkala ke atas semua jabatan, bahagian dan cawangan, termasuk bidang berisiko tinggi, sistem dan khidmat luaran;
- Mengkaji semula polisi, garis panduan dan manual prosedur;
- Mengkaji semula serta menilai semua produk, perkhidmatan dan pelaksanaan automasi baharu;
- Mengesahkan pelan ujian sistem dan hasil ujian sebelum pelaksanaan sebenar;
- Cadangan penambahbaikan proses;
- Menyelaras kajian semula tindakan jejak pembetulan penemuan audit – dalam dan luaran (BNM, Jabatan Audit Negara, Audit Luar);
- Siasatan;
- Latihan – menyediakan latihan kepada unit audit dan perniagaan mengenai kawalan dan kesedaran mengenai penipuan;
- Audit berterusan;
- Peranan rundingcara.

## INTERNAL AUDIT DISCLOSURE

The Internal Audit Department (IAD) is responsible to carry out the internal audit function in BSN. IAD is an independent department and reports directly to the Audit And Examination Committee (AEC) and administratively to the Chief Executive (CE). As to safeguard the Bank's asset and interest, IAD was established to support the Board via AEC and discharge their responsibilities of maintaining a sound system of Bank's internal control. The authority, working scope and responsibilities of IAD are governed by Audit Charter which was revised and approved by the Board.

IAD's mission is to provide checks and balances, independent assessment and consultation to ensure the achievement of the Bank, through the following:

- To provide an independent appraisal, objective assurance function and advisory role on best practice to add value and improve the Bank's operations to the highest standards;
- To assist the Bank to accomplish its objectives by evaluating and improving the effectiveness of risk management systems, internal controls and corporate governance processes;
- To build a professional & efficient Audit team by implementing the best audit approach & technology.

IAD's roles and responsibilities are:

- Conduct periodic review on all departments, divisions and branches including high risk areas, system and outsourcing;
- Review policies, guidelines and procedural manuals;
- Review & appraise new products/services/automation implementation;
- Verification of systems test plan, test results, before "live" implementation;
- Process improvements recommendations;
- Coordinate the corrective actions review and tracking – Internal and External (BNM, Auditor General, External Auditor);
- Investigations;
- Training - provide training to audit & business units on controls & fraud awareness;
- Continuous Auditing;
- Consultative Role.

JAD memberi jaminan yang munasabah dan bebas serta nasihat mengenai amalan terbaik yang dapat memperbaiki dan menambah nilai kepada Bank. Ia mengamalkan pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai kecukupan dan keberkesanan tadbir urus korporat, pengurusan risiko, proses-proses kewangan, operasi dan pematuhan. Jabatan ini menyelaraskan aktiviti seiring dengan pelan dan matlamat perniagaan/strategik Bank. Kaedah berasaskan risiko digunakan untuk memastikan kawalan yang menangani risiko dikenalpasti dan dikaji semula secara berkala.

Pada 2013, IAD telah melaksanakan sebanyak 364 lawatan, iaitu 246 lawatan untuk Audit Operasi & Pengurusan dan 118 lawatan untuk Teknologi Maklumat dan Projek Audit.

Laporan-laporan audit dalaman yang dikeluarkan menyatakan tentang penilaian bebas dan berobjektif mengenai perkara-perkara berikut:

- Kewujudan, keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman untuk mengurus aset dan kepentingan Bank;
- Kecukupan dan keberkesanan operasi pengurusan risiko, tadbir urus korporat dan fungsi pematuhan untuk mengurus dan menjangka potensi risiko terhadap proses perniagaan utama.

Laporan audit dalaman diserahkan kepada pihak pengurusan untuk maklumbalas, tindakan pembetulan dan penentuan tarikh sasaran tindakan pencegahan dan pembetulan. Ini bagi memastikan pihak pengurusan akan bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan pencegahan dan pembetulan tentang isu/kelemahan/kekurangan yang dilaporkan. Seterusnya, laporan itu dibentangkan kepada JAP untuk perbincangan pada setiap suku tahun (sekurang-kurangnya).

IAD provides independent, reasonable assurance and advice on best practices that will improve and add value to the Bank. IAD adopts a systematic and disciplined approach in order to evaluate adequacy and effectiveness of the corporate governance, risk management, financial, operational and compliance processes. IAD aligns its activities to the Bank's strategic/business plan/objectives and a risk-based methodology is being selected to ensure the relevant controls addressing risks are identified and reviewed on regular basis.

In 2013, IAD had implemented a total of 364 visits which comprises of 246 visits for Operational & Management Audit 118 visits for Information Technology and Projects Audit.

The internal audit reports issued provide independent and objective assessment of the following:

- Existence, effectiveness and adequacy of the internal control systems to manage operations and safeguard the Bank's assets and interests;
- Adequacy and effectiveness of the risk management operations, corporate governance and compliance functions to manage and anticipate potential risks over key business processes.

The internal audit reports arising from the assignments were issued to management for their response, corrective actions and provision of deadlines to complete the relevant preventive and corrective actions. This is to ensure that they will undertake the responsibility of carrying out preventive and corrective actions on the issues/weaknesses/lapses reported. Then, the reports would be tabled to the AEC for their deliberation on a quarterly basis (at minimum).



# Laporan Jawatankuasa Syariah

## SHARIAH COMMITTEE REPORT

### 1. JAWATANKUASA SYARIAH (“JKS”)

Sebagai sebuah institusi kewangan yang menawarkan produk-produk kewangan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank. Penubuhan JKS ini selari dengan keperluan Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (“SGF”) yang dikeluarkan oleh BNM yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. JKS ini berperanan untuk menasihatkan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam memastikan operasi Bank selari dengan peraturan dan prinsip Syariah.

Dari segi fungsinya, JKS ini bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah Bank. Untuk memastikan pematuhan Syariah dan pelaksanaan keputusan JKS dan Majlis Penasihat Syariah badan kawal selia seperti BNM, Bank menjalankan fungsi Semakan dan Pematuhan, Khidmat Nasihat dan Penyelidikan serta fungsi Audit Syariah untuk menyokong pelaksanaan prinsip Syariah di seluruh organisasi.

### 2. KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Ahli JKS terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam (usul al-fiqh) dan undang-undang perdagangan Islam (fiqh al-mu’amalat). JKS terdiri daripada lima (5) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

### 3. MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, tujuh (7) mesyuarat JKS telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan seperti yang berikut:

Mesyuarat /Meeting	Tarikh /Date	Peratus Kehadiran Ahli /Percentage of Members’ Attendance
1/2013	17 Januari/January 2013	100%
2/2013	23 Januari/January 2013	100%
3/2013	1 Mac/March 2013	100%
4/2013	22 April/April 2013	100%
5/2013	27 Jun/June 2013	100%
6/2013	27 September/September 2013	100%
7/2013	11 Disember/December 2013*	100%

\* Mesyuarat Khas/\* Special Meeting

### 4. KEHADIRAN JAWATANKUASA SYARIAH

Butir-butir kehadiran JKS adalah seperti yang berikut:

Bil/No	Ahli Jawatankuasa Syariah /Shariah Committee Members	Kehadiran /Attendance
1.	Dr. Mohd Fuad Md. Sawari	7/7
2.	Tuan Hj. Md. Tajuddin Md. Isa	7/7
3.	Dr. Zainudin Ismail	7/7
4.	Dr. Ahmad Zaki Salleh	7/7
5.	Dr. Fauziah Mohd Noor	7/7

### 1. SHARIAH COMMITTEE (“SC”)

As a financial institution which offers Islamic financial products, a Shariah governance framework is put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank. Establishment of the SC is in line with the requirement of Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (“IFSA 2013”) and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (“SGF”) issued by BNM which took effect on 1 January 2011. The SC serves to advise the Board and Management in ensuring that the Bank’s operations are in line with Shariah principles.

Functionally, the SC reports to the Board of Directors of the Bank. In ensuring Shariah compliance and implementing decisions of SC and Shariah Advisory Council of the regulators, Bank Negara Malaysia, the Bank performs Shariah Review and Compliance, Advisory and Research as well as Shariah Audit functions to support the implementation of Shariah throughout the organisation.

### 2. COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE


Members of the SC are scholars who have the necessary qualification and knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence (usul al-fiqh) and Islamic commercial laws (fiqh al-mu’amalat). The SC consists of five (5) members of diverse backgrounds in terms of qualification, experience and knowledge.


### 3. MEETINGS OF SHARIAH COMMITTEE

For the financial year ended 31 December 2013, seven (7) SC meetings were held during the twelve (12) months period, as follows:

### 4. ATTENDANCE OF SHARIAH COMMITTEE

The details of SC attendance are as follows:





**Dengan  
memajukan  
saluran baru serta  
kecekapan yang  
lebih tinggi,  
kami menawarkan  
lebih banyak  
kemudahan**

---

**In advancing new channels and improved  
efficiencies, we offer greater convenience**

Sepanjang penubuhannya, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah melalui pelbagai fasa dan telah mengumpul pelbagai pengalaman berharga untuk terus kekal kukuh di persada industri perbankan di Malaysia. Seiring dengan perubahan dan peredaran zaman, beberapa langkah positif telah dilaksanakan bagi meningkatkan visibiliti dan tahap kesedaran pelanggan-pelanggannya terhadap perkembangan produk-produk, perkhidmatan, aktiviti-aktiviti dan promosi yang sedang dijalankan oleh BSN.

Selain daripada pelaksanaan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan visibilitinya, BSN turut melaksanakan aktiviti pemasaran secara agresif sama ada melalui pengiklanan di dalam akhbar-akhbar tempatan, sesi penerangan produk dan promosi di kawasan strategik yang menjadi tumpuan para pelanggan BSN.

Since its establishment, Bank Simpanan Nasional (BSN) has gained a vast store of significant experience and continued to ensure its position at the forefront of Malaysia's banking industry. Along with the change and passage of time, BSN has taken positive measures to increase the visibility and to enhance customer awareness on the Bank's development of products, services, and promotional activities.

Apart from the implementation of activities that leads to its improved visibility, BSN has embarked on aggressive marketing initiatives such as advertising in local newspapers, conducting product information sessions and promotional activities in strategic areas that gain the focus of BSN customers.

# Laporan Aktiviti

## ACTIVITY REPORT

### KEMUDAHAN KAD KREDIT

Sepanjang tahun 2013, BSN telah memperkenalkan beberapa produk baru sebagai tambahan kepada produk sedia ada bagi memastikan produk-produk tersebut kekal relevan, memenuhi keperluan pelanggan dan mampu bersaing di pasaran.

#### KAD KREDIT/-i 1 *TEACHERSCARD*

Kad Kredit/-i 1 *TeachersCard* ditawarkan secara eksklusif bagi menghargai sumbangan komuniti guru yang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kad ini dikeluarkan

### LAUNCH OF CREDIT CARDS

During the year 2013, BSN introduced several new products to supplement its existing credit and debit cards. This is to ensure that its products are relevant, fulfil the needs of its customers and able to compete in the market.

#### 1 *TEACHERSCARD* CREDIT CARD/-i

The 1 *TeachersCard* Credit Card/-i is offered exclusively to the teachers' fraternity employed by the Ministry of Education (MOE) in appreciation of their contribution to the community.

**1** Kad Kredit eksklusif untuk komuniti guru dan warga Kementerian Pelajaran Malaysia.  
*A Credit Card exclusively for the teachers' community and employees of the Ministry of Education.*

**2** Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah bersama En. Stuart Tomlisan, Pengurus Negara, VISA Malaysia menyempurnakan pelancaran Kad Kredit BSN VISA Platinum.  
*BSN's Chairman, Tan Sri Abu Bakar Abdullah and Mr. Stuart Tomlisan, Country Manager, VISA Malaysia graced the launch of the BSN VISA Platinum Credit Card.*

**3** Perkhidmatan perbankan asas di mana jua anda berada.  
*Basic banking services, wherever you are.*



1

dengan usahasama Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) dan telah dilancarkan di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan pada 15 Mei 2013. Majlis Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abdul Ghafar Mahmud diiringi Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah dan Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning.

### **KAD KREDIT/-i VISA PLATINUM**

Sejajar dengan usaha berterusan dalam memenuhi pelbagai keperluan para pelanggan, BSN telah memperkenalkan Kad Kredit/-i BSN VISA *Platinum* pada 28 Ogos 2013. Produk ini yang ditawarkan dalam kedua-dua skim konvensional dan islamik disasarkan kepada segmen pasaran mewah bagi memenuhi gaya hidup para pelanggan yang berbelanja besar.

### **KAD DEBIT/-i VISA *payWave* BSN**

Pada 6 Disember 2013 pula, Kad Debit/-i Visa *payWave* yang pertama di Malaysia telah dilancarkan. Memiliki pelbagai keistimewaan, kad debit ini merupakan satu-satunya kad seumpamanya yang direka bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap gaya hidup bebas hutang serta mempromosi cara hidup tanpa tunai. Semasa majlis pelancarannya, Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning, telah memperkenalkan keistimewaan dan ciri-ciri kad tersebut kepada rakan-rakan niaga dan wakil-wakil dari Visa, PLUSMiles, Touch 'n Go dan BCard.

### **KOLABORASI PRODUK**

Dalam usahanya untuk meningkatkan akses produk dan perkhidmatannya kepada satu spektrum masyarakat yang luas, BSN dari semasa ke semasa bekerjasama dengan pihak luar. Kerjasama sedemikian mempunyai kesan yang positif bukan sahaja kepada prestasi produk keseluruhan tetapi juga kepada keuntungan, inovasi dan juga kepuasan pelanggan.

### **Kerjasama EBB BSN Dengan Felda**

Perkhidmatan Ejen Bank Berdaftar (EBB) BSN yang dilancarkan pada tahun 2012 terus berkembang menyediakan perkhidmatan

This card is issued in collaboration with *Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)*; and was launched at the Paroi Youth and Sports Complex, Negeri Sembilan on 15 May 2013. The launch was officiated by the Director General of the MOE, Tan Sri Abdul Ghafar Mahmud, accompanied by BSN's Chairman, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah and BSN's Chief Executive, Datuk Adinan Maning.

### **VISA PLATINUM CREDIT CARD/-i**

In line with ongoing efforts to meet the needs of different customer segments, BSN introduced its VISA Platinum Credit Card/-i on 28 August 2013. The product, offered in both the conventional and Shariah schemes, is targeted at the higher-end consumer segment to meet lifestyle aspirations of big-spending customers.

### **BSN *payWave* VISA DEBIT/-i CARD**

On 6 December 2013, the BSN *payWave* Visa Debit/-i Card was launched. This debit card, with various special features and *payWave* function, is the first of its kind to be introduced in Malaysia. It is also the only card exclusively designed to meet market demand for a debt-free lifestyle while promoting a cashless way of life. During the launch, BSN's Chief Executive, Datuk Adinan Maning, introduced the special privileges and features of the card to business partners and representatives from Visa, PLUSMiles, Touch 'n Go and BCard.

### **PRODUCT COLLABORATION**

In its effort to enhance access to its products and services to a broad spectrum of society, BSN from time to time in collaborates with external parties. Such cooperation will have a positive impact not only on the performance of the product as a whole but also on profitability, innovation and customer satisfaction.

### **EJEN BANK BERDAFTAR (EBB)**

BSN's *Ejen Bank Berdaftar (EBB)* service that was launched in 2012 continues to expand on the services that can be made at



perbankan terpilih iaitu pengeluaran, deposit, pembayaran bil, pembelian Sijil Simpanan Premium, tambah nilai telefon pra-bayar dan pembayaran tanpa tunai yang boleh dilakukan di mana-mana premis ejen yang berdaftar.

Pada 24 Mac 2013 pula, BSN telah menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk memperkenalkan Perkhidmatan Ejen Bank Berdaftar (EBB) BSN di tanah Rancangan FELDA di seluruh negara. Majlis tersebut yang telah berlangsung di Bentong, Pahang disaksikan oleh Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah dan juga Pengerusi FELDA, Tan Sri Datuk Seri Utama Haji Mohd Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad. Hadir sama pada majlis ini adalah Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning dan Pengarah Besar FELDA, Datuk Faizoull Ahmad.

Melalui perjanjian ini, warga peneroka FELDA boleh melakukan transaksi perbankan asas tanpa perlu pergi ke bank. Perkhidmatan EBB BSN akan beroperasi dengan melantik peneroka FELDA yang memiliki premis perniagaan. Ia juga bakal dilaksanakan di premis perniagaan milik Felda Trading Sdn Bhd yang dikenali sebagai D'Mart.

Diharapkan melalui perkhidmatan ini, ia dapat membantu mempermudah urusan perbankan warga FELDA di samping memberi pendapatan sampingan kepada pemilik premis perniagaan tempatan.

#### **BSN dan CELCOM Memeterai Kerjasama**

BSN telah memeterai kerjasama bersama syarikat telekomunikasi mudah alih, Celcom Axiata Berhad, sebagai rakan saluran untuk perkhidmatan tambah nilai prabayar Celcom melalui rangkaian EBB BSN di seluruh negara pada 1 Ogos 2013.

Kerjasama ini membolehkan para pelanggan Celcom mendapatkan tambah nilai prabayar di semua premis EBB BSN. Perjanjian kerjasama tersebut ditandatangani oleh En. Saiful

any registered agent premises; such as withdrawals, deposits, bill payments, purchase of Premium Savings Certificates (SSPs), pre-paid phone reloads and cashless payments.

On 24 March 2013, BSN in partnership with the Federal Land Development Authority (FELDA), signed a Memorandum of Understanding (MoU) to promote BSN's EBB service in FELDA settlements across the country. The ceremony was held in Bentong, Pahang and was witnessed by BSN's Chairman, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah, and FELDA's Chairman, Tan Sri Datuk Seri Utama Haji Mohd Isa Bin Dato' Haji Abdul Samad. Also present at the ceremony were BSN's Chief Executive, Datuk Adinan Maning and FELDA's Director General, Datuk Faizoull Ahmad.

Through this agreement, FELDA settlers can now perform basic banking transactions without having to go to the bank. BSN's EBB service will operate by appointing FELDA settlers who own business premises as registered bank agents. It is also to be implemented in the business premises of Felda Trading Sdn Bhd, known as D'Mart. BSN's EBB is also expected to assist settlers who own business premises to generate further income.

#### **BSN and CELCOM Signed Agreement**

BSN entered into an agreement with mobile operator Celcom Axiata Berhad, to be the channel partner for Celcom prepaid services through its nationwide network of BSN's EBB on 1 August 2013.

This partnership enables customers to get Celcom prepaid at BSN's EBB premises. The joint agreement was signed by Mr. Saiful Bahrin Abd Ghaffar, Director of National Sales Distribution of Celcom Axiata Berhad and Mr. Yunos Abd Ghani, BSN's Deputy Chief Executive.



Bahrin Abd Ghaffar, Pengarah Pengedaran Jualan Nasional Celcom Axiata Berhad bersama En. Yunos Abd Ghani, Timbalan Ketua Eksekutif BSN. Manakala saksi rasmi kepada perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Datuk Adinan Maning, Ketua Eksekutif BSN dan Dato' Sri Shazalli Ramly, Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Axiata Berhad.

Sebagai menghargai usaha ejen EBB BSN yang komited dan cemerlang, majlis Malam Anugerah EBB 2012 telah dianjurkan pada 8 Jun 2013. Semoga ganjaran yang diberikan dapat menjadi pemangkin semangat serta galakan untuk EBB BSN berusaha dengan lebih gigih di masa-masa akan datang.

### TABUNGAN GENERASI MUDA

BSN sentiasa menggalakkan budaya menabung di kalangan generasi muda terutamanya murid-murid sekolah. Seajar dengan objektif ini Skim Galakan Simpanan Pelajar-Pelajar dan Sekolah-Sekolah (SGSP) telah dilancarkan pada tahun 1982 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pelajaran MARA. SGSP merupakan satu skim pertandingan simpanan secara tahunan yang terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Skim yang bertujuan untuk memupuk tabiat menyimpan dan berjimat-cermat ini menyediakan hadiah-hadiah yang menarik kepada individu serta sekolah yang bertanding. Di samping itu, ia juga merupakan salah satu mandat BSN dalam memperkasakan tabiat menabung di kalangan masyarakat Malaysia, khususnya di kalangan generasi muda.

### Majlis Anugerah SGSP

Majlis penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang Skim Galakan Simpanan Pelajar-pelajar (SGSP) pada peringkat kebangsaan untuk tahun 2012 telah diadakan pada 6 Jun 2013. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Dato' Abd Shukor Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pendidikan Malaysia. Turut hadir di majlis tersebut,

Datuk Adinan Maning, BSN's Chief Executive and Dato' Sri Shazalli Ramly, CEO of Celcom Axiata Berhad signed the agreement as official witnesses.

An EBB Awards Night 2012 was held on 8 June 2013 to recognise the efforts and commitment of the hardworking BSN EBBs who have displayed outstanding service. It is hoped that the rewards given will further motivate and encourage the recognised BSN EBBs to work harder.

### YOUNG GENERATION SAVINGS

BSN continuously encourages the savings culture amongst the younger generation, especially school children. In line with this objective the Bank launched the Students and Schools Savings Incentive Scheme (SGSP) in 1982 in collaboration with the Ministry of Education and the Education Division of MARA. SGSP is an annual savings scheme competition open to primary and secondary school students. The scheme aims to inculcate the savings habit and thriftiness and at the same time provides attractive prizes to competing individuals and schools.

In addition, it also realises one of BSN's mandates to strengthen the savings habit among Malaysians, especially the younger generation.

### SGSP Prize Giving Ceremony

The prize giving ceremony for the winners of the national level SGSP for the year 2012 was held on 6 June 2013. The event was officiated by Dato' Abd Shukor Ibrahim, Deputy Chief Secretary (Development), Ministry of Education Malaysia. Also present were Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah, BSN's Chairman and Datuk Adinan Maning BSN's Chief Executive.



- 1 Perkhidmatan tambah nilai prabayar dipermudahkan melalui EBB BSN di seluruh negara.  
*Prepaid services are made easy at BSN's EBBs nationwide.*
- 2 Menyemai sikap menyimpan dengan hadiah galakan.  
*Providing incentives to inculcate the savings habit.*

Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah, Pengerusi BSN dan Datuk Adinan Maning, Ketua Eksekutif BSN.

Pada tahun ini, pertandingan SGSP peringkat kebangsaan menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM252,000 berbanding RM153,000 dan 70 hadiah yang ditawarkan pada tahun 2012 meliputi dua kategori utama iaitu individu dan sekolah. Di samping itu, SGSP juga menawarkan biasiswa bagi kategori pemenang sekolah rendah.

BSN percaya dengan sokongan berterusan daripada semua pihak terutamanya jabatan pendidikan dan sekolah-sekolah, program-program seumpama ini dapat dijalankan dengan lebih meluas hingga membolehkan ribuan pelajar-pelajar mempelajari konsep-konsep asas kewangan, penyediaan belanjawan harian dan kelebihan menyimpan.

### KEMUDAHAN PERBANKAN

Sejajar dengan visinya untuk menjadi penyedia khidmat kewangan yang komprehensif, BSN sentiasa mengutamakan penyediaan produk dan perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan konsisten sejajar dengan kehendak pelanggan-pelanggannya. Dalam memenuhi hasrat ini BSN dari semasa ke semasa membuka cawangan-cawangan baru di lokasi-lokasi yang strategik disamping menyediakan perkhidmatan yang menyenangkan para pelanggannya.

### Cawangan Perbankan Islam BSN Benut

BSN telah merasmikan sebuah cawangan di Benut, Johor pada 27 Julai 2013. Cawangan tersebut merupakan Cawangan Perbankan Islam (CPI) BSN dan merupakan cawangan pertama yang dibuka di daerah Pontian.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Pontian, YB Datuk Haji Ahmad Maslan, diiringi Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah dan Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning.

Pembukaan cawangan ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen BSN untuk memperluaskan dan mempertingkatkan perkhidmatan perbankan untuk komuniti setempat. Pada masa yang sama juga, BSN ingin memberikan fasiliti kewangan bagi memudahkan agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang berdekatan melakukan urusan niaga perbankan, sekaligus menjana perkembangan ekonomi kawasan Benut.

### Mesin Deposit Syiling Atas Talian Yang Pertama

Sebagai memenuhi keperluan pelanggan terutamanya generasi muda yang mengamalkan tabiat menyimpan duit syiling, BSN sekali lagi menjadi pelopor dalam penyediaan perkhidmatan perbankan yang mudah untuk keselesaan pelanggannya. Pada Oktober 2013, BSN merupakan bank pertama yang menyediakan mesin deposit syiling atau Coin Deposit Machine (CoDM) secara dalam talian di cawangan-cawangan BSN yang terpilih di seluruh Malaysia. Penggunaan CoDM juga merupakan satu inisiatif Bank

This year, the national level SGSP competition offered cash prizes totalling RM252,000; compared to RM153,000 and 70 prizes in 2012. This covers two main categories: individuals and schools. In addition, SGSP also offers scholarships for winners in the primary school category.

BSN believes that with continuous support from all parties, especially the department of education and schools, such programmes can be carried out more widely and enable thousands more students to learn the basic concepts of finance, daily budgeting and the benefits of saving.

### BANKING SERVICES

In line with its vision to become a provider of comprehensive financial services, BSN has always emphasized the provision of products and services of quality, efficient and consistent in line with the requirements of its customers. In this endeavor BSN from time to time opens new branches in strategic locations and provide convenient services to its customers.



### BSN Benut Islamic Banking Branch

BSN has opened a branch in Benut, Johor on 27 July 2013. This is a BSN Islamic Banking branch and is the first branch opened in the Pontian district.

The opening ceremony was officiated by the Deputy Minister of Finance and Member of Parliament of Pontian, YB Datuk Haji Ahmad Maslan, accompanied by BSN's Chairman, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah and BSN's Chief Executive, Datuk Adinan Maning.

The opening of this branch reflects BSN's commitment to enhance and expand banking services to the local community. At the same time, BSN is driven to provide financial facilities to enable government and private agencies to conduct banking transactions, thus spurring economic growth in the Benut area.



Negara Malaysia (BNM) untuk memenuhi kehendak pelanggan yang menyimpan atau mendeposit duit syiling mereka tanpa perlu berurusan melalui kaunter di cawangan bank. Antara kelebihan CoDM ialah ianya menggunakan sistem on-line di mana duit syiling yang dideposit akan terus dikreditkan ke dalam akaun pendeposit berkenaan.

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sebagai sebuah Bank Komuniti, BSN secara konsisten telah menjalankan pelbagai program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk manfaat organisasi atau badan-badan kebajikan dan masyarakat sepanjang tahun 2013.

#### CSR BSN di Kampung Baru, Pulau Redang

Sajajar dengan matlamat ini, BSN telah menjalankan program CSR BSN di Kampung Baru, Pulau Redang, Terengganu, pada 12 hingga 14 April 2013. Antara aktiviti-aktiviti CSR yang telah dijalankan di pulau tersebut adalah menaik taraf masjid dan balai raya, menaikkan papan tanda amaran, serta memasang aras tanda air di Taman Laut, Pulau Redang.

Di samping itu juga, BSN telah menyampaikan sumbangan kepada dua orang penduduk, iaitu Pn. Mek Binti Ramli dan En. Mohd Zain Mohamad, dengan memperbaiki, mengecat serta membersihkan rumah mereka.



2

- 1 *Perbankan Islam - satu alternatif kepada sistem konvensional.  
Islamic Banking - an alternative to the conventional system.*
- 2 *Menikmati kejayaan bersama komuniti.  
Sharing success with the community.*



### First Online Coin Deposit Machine

In response to its customers' needs, particularly the younger generation who adopt the habit of saving coins, BSN has once again advanced its banking services for the convenience of its customers. BSN in October 2013 is the first bank to provide an on-line Coin Deposit Machine (CoDM) at selected BSN branches in Malaysia. The use of CoDM is a BSN initiative to meet the needs of customers saving or depositing their coins without having to queue at a bank branch counter. CoDM advantage is that it uses an online system whereby coins deposited are instantly credited to the specified depositor's account.

### CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

As a Community Bank, BSN has consistently carried out various programs of Corporate Social Responsibility (CSR) for the benefit of organizations or charities including the public throughout the year 2013.

#### BSN's CSR in Kampung Baru, Pulau Redang

In line with this goal, BSN carried out a CSR programme in Kampung Baru, Pulau Redang, Terengganu, from 12 to 14 April 2013. Among the CSR activities were upgrading works for the mosque and community hall, placement of warning signs, and installation of water level markers at Taman Laut, Pulau Redang.

In addition, BSN also assisted two residents in Kampung Baru, namely Pn. Mek Binti Ramli and En. Mohd Zain Mohamad, to repair, paint and clean their homes.

BSN also contributed supplies in the form of school bags to 30 students from Sekolah Kebangsaan Pulau Redang.

BSN's Chairman, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah, BSN's Chief Executive, Datuk Adinan Maning and BSN's Deputy Chief Executive, Mr. Yunos Abd Ghani also participated in this programme.

#### BSN 2013 Fishing Fiesta

BSN encourages beneficial hobbies among its customers. In line with this, BSN collaborated with Berita Harian and

Pada program yang sama, BSN turut menyampaikan barangan kelengkapan berupa beg sekolah kepada 30 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Pulau Redang.

Turut serta dalam program ini ialah Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah, Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning dan Timbalan Ketua Eksekutif, En. Yunos Abd Ghani.

### Fiesta Pancing BSN 2013

BSN juga turut mengalakkan hobi yang bermanfaat kepada para pelanggan-pelanggannya. Sejar dengan usaha ini, BSN telah bekerjasama dengan akhbar Berita Harian dan Perbadanan Putrajaya untuk menjayakan Fiesta Pancing BSN 2013. Fiesta pancing yang berlangsung pada 3 Mac 2013 ini telah menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM58,500 berserta sebuah motosikal dan bot gentian kaca kepada orang ramai sebagai hadiah utama bagi acara cabutan bertuah.

Manakala, juara bagi pertandingan memancing ini telah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM25,000 berserta hadiah iringan, diikuti tempat kedua RM10,000; ketiga RM5,000 dan tempat keempat RM1,000. Tempat kelima hingga ke-10 RM300; tempat ke-11 hingga ke-35 RM200; tempat ke-36 hingga ke-45 RM150; dan tempat ke-46 hingga ke-55 RM100.

### BSN Putrajaya Night Marathon

Pada 19 Oktober 2013, BSN telah menganjurkan BSN Putrajaya Night Marathon (BSN PNM). Acara ini merupakan satu acara larian marathon yang melibatkan 12,000 penyertaan daripada peminat-peminat marathon di seluruh dunia. BSN percaya bahawa acara ini adalah satu platform yang baik untuk mengeratkan lagi hubungan di antara pihak syarikat bersama masyarakat setempat yang berbilang kaum, umur, latar belakang dan sebagainya.

Melalui BSN PNM bank ini juga, ianya dapat membantu pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan melalui penganjuran acara Larian Korporat 10 km. Yuran penyertaan dan sumbangan

Putrajaya Corporation to host the BSN 2013 Fishing Fiesta. The Fishing Fiesta which was held on 3 March 2013 offered a total cash prize of RM58,500 as well as a motorcycle and fiberglass boat to the public as the grand prize draw.

The champion took home a cash prize of RM25,000 and accompanying prizes, while the second prize was RM10,000; third RM5,000 and fourth RM1,000. Fifth to 10th place winners received RM300 each; the 11th to the 35th RM200 each; the 36th to the 45th RM150 each; and the 46th to 55th RM100 each.

### BSN Putrajaya Night Marathon

On 19 October 2013, BSN organised the BSN Putrajaya Night Marathon (BSN PNM). This is a marathon event involving 12,000 participating marathon fans from all over the world. BSN became the title sponsor of PNM because it is an ideal platform to foster better relationships between the Bank and the community composed of all races, ages and backgrounds.



1 Satu lagi inisiatif kearah masyarakat yang sihat. Another initiative towards a healthy society.



1



daripada badan-badan Korporat yang menyertai Larian Korporat ini akan disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang kemudiannya akan disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

Hasilnya, BSN PNM 2013 telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM100,000 dan telah disumbangkan kepada penerima rasmi tahun tersebut, iaitu Yayasan Insititut Jantung Negara bagi membantu pesakit jantung yang tidak mampu membiayai kos perubatan mereka.

#### LAIN-LAIN

##### Mesyuarat WSBI Asia Pasifik

Pada tahun ini juga BSN telah menjadi tuan rumah kepada *World Savings Bank Institute (WSBI) Asia Pacific Group Meeting*. Mesyuarat dua hari itu yang telah bermula pada 30 Mei 2013 di Cyberjaya, Selangor dihadiri oleh wakil dari bank-bank simpanan di rantau Asia Pasifik yang menganggotai WSBI. Mesyuarat tersebut telah membincangkan kesan peraturan dan inisiatif pengawasan G20 terhadap persekitaran perbankan; pengalaman inovatif untuk mengalakkan rangkuman kewangan; dan Perbankan Ejen Bank Berdaftar dan inisiatif dasar rangkuman kewangan Bank Negara Malaysia.

#### ANUGERAH

Sepanjang tahun 2013, hasil usaha dan kesungguhan pihak BSN dalam menyediakan perkhidmatan yang inovatif dalam dunia perbankan telah mendapat pengiktirafan dengan penganugerahan beberapa anugerah.

Through BSN PNM, the bank also helps non-governmental organisations via the 10 km Corporate Run. Entry fees and donations from corporate bodies that participate in the Corporate Run are extended to non-governmental organisations which will then further extend it to the needy.

As a result, BSN PNM 2013 managed to raise a total of RM100,000 which has been donated to the official recipient of the year, the National Heart Institute Foundation, to help heart patients who are unable to afford the cost of their medical care.

#### OTHERS

##### WSBI Asia Pacific Group Meeting

During the year, BSN also hosted the World Savings Banks Institute (WSBI) Asia Pacific Group Meeting. The two-day meeting, which began on 30 May 2013 in Cyberjaya, Selangor was attended by representatives of savings banks in the Asia Pacific region who are members of WSBI. Among others, the meeting discussed the regulation and supervision of the G20 initiative on the banking environment; innovative experiences for promoting financial inclusion; *Ejen Bank Berdaftar (EBB)* and financial inclusion policy initiatives of Bank Negara Malaysia.

#### Awards

Throughout 2013, BSN's efforts and determination towards providing innovative services in the banking world were recognised with the achievement of several awards.

## Laporan Aktiviti ACTIVITY REPORT

Di antaranya ialah anugerah The Brand Laureate – SMEs Best Brands Award '12 di bawah kategori 'The Most Preferred Brand in Payment Solutions – Debit Card' untuk Kad Debit BSN Matrix.

Perkhidmatan Ejen Bank Berdaftar telah diberikan anugerah *The Best GreenTech Practice*. Anugerah ini mendapat pengesahan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Selain itu, pada majlis *CRM & Contact Centre Industry Award Nite 2013* yang ke-14, Pusat Panggilan Khidmat Pelanggan BSN juga diisytiharkan sebagai *Best In-house Outbound Contact Centre* di Malaysia.

The awards included The Brand Laureate – SMEs Best Brands Award '12 in the category of 'The Most Preferred Brand in Payment Solutions – Debit Card' for BSN's Matrix Debit Card.

The Best GreenTech Practice Award was given for its *Ejen Bank Berdaftar (EBB)* service. The Malaysia GreenTech Awards is endorsed by the Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA).

Beyond this, BSN's Customer Service Call Center was also declared the Best In-house Outbound Contact Centre in Malaysia at the 14th CRM & Contact Centre Industry Award Nite 2013.



# PENYATA KEWANGAN

- 54 Laporan Ketua Audit Negara
- 56 Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- 57 Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Bank Simpanan Nasional
- 58 Laporan Lembaga Pengarah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
- 61 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 62 Penyata Kedudukan Kewangan
- 63 Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 64 Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan
- 65 Penyata Perubahan Ekuiti
- 66 Penyata Aliran Tunai
- 68 Nota Kepada Penyata Kewangan
- 173 Inisiatif yang Diumumkan di bawah RMK-9 & 10 dan Bajet Negara



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
BANK SIMPANAN NASIONAL  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2013 dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan Bank Simpanan Nasional bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan utama dan nota penjelasan yang lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa serta modifikasi menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Arahan Perbendaharaan, peraturan Syariah di mana yang berkenaan dan kehendak Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 (ditarik balik pada 30 Jun 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (berkuatkuasa 30 Jun 2013) di Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh Lembaga Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan yang disatukan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.


Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah serta menilai persembahan secara keseluruhan penyata kewangan yang disatukan.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank Simpanan Nasional pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa serta modifikasi menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Arahan Perbendaharaan, peraturan Syariah di mana yang berkenaan dan kehendak Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 (ditarik balik pada 30 Jun 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (berkuatkuasa 30 Jun 2013) di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat subsidiari telah disatukan dengan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan yang disatukan.



**(TAN SRI DATU' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

PUTRAJAYA  
15 APRIL 2014



## PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH** dan **DATUK ADINAN BIN MANING** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



**TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH**  
PENERUSI

Tarikh: 01 APR 2014

Tempat: Kuala Lumpur



**DATUK ADINAN BIN MANING**  
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tarikh: 01 APR 2014

Tempat: Kuala Lumpur





## BANK SIMPANAN NASIONAL

Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974

### LAPORAN PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

#### AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari adalah dinyatakan di Nota 8 kepada penyata kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan ketara di dalam aktiviti utama Bank dan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan.

#### KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	506,840	458,541
Belanja cukai dan zakat	(95,695)	(82,849)
Keuntungan bersih tahun semasa	<u>411,145</u>	<u>375,692</u>

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

#### RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pemindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan atau elaun sepanjang tahun kewangan kecuali seperti yang didedahkan dalam penyata kewangan.

#### DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar sepanjang tahun kewangan dan para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan di bawah tinjauan.

#### PARA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan terakhir ialah:

Tuan Hj. Ghazali Bin Awang  
Datuk Adinan Bin Maning  
Alex Foong Soo Hah  
Md. Tajuddin Bin Md. Isa  
Datuk Azizan Bin Abdul Rahman  
Tan Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah (dilantik pada 1 Mac 2013)  
Puan Siti Zauyah Binti Mohd Desa (dilantik pada 2 April 2013)  
Datuk Nozirah Binti Bahari (berkhidmat sehingga 2 April 2013)  
Dato' Ng Kam Cheung (berkhidmat sehingga 14 November 2013)  
Dato' V. Danapalan (berkhidmat sehingga 14 November 2013)

Kesemua ahli Lembaga adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Datuk Adinan Bin Maning. Kesemua ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## **BANK SIMPANAN NASIONAL**

**Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974**

### **LAPORAN PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (Sambungan)**

#### **MANFAAT PARA PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada antara Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang imbuhan (selain daripada imbuhan yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 26 dalam penyata kewangan) disebabkan kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan tiada sebarang aturan yang mengatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi perolehan saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

#### **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:

- i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan
- ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang mana nilai bukunya, mungkin tidak dapat direalisasikan dalam rekod perakaunan dalam urus niaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menjangkakan apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan:

- i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank adalah sangat tidak mencukupi; atau
- ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau
- iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau
- iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan;
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.


Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

**BANK SIMPANAN NASIONAL**  
**Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974**

**LAPORAN PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (Sambungan)**

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini selain daripada perkara yang dinyatakan seperti di nota 38 kepada penyata kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah.



.....  
**Tan Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah**  
**Pengerusi**



.....  
**Datuk Adinan Bin Maning**  
**Pengarah**

**Tarikh:** 01 APR 2014

## LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dikehendaki mengemukakan laporan berikut:

Kami telah membuat semakan ke atas prinsip dan kontrak-kontrak berkaitan transaksi-transaksi dan pemakaian produk-produk Syariah yang diperkenalkan oleh Bank Simpanan Nasional dalam tempoh berakhir 31/12/2013. Kami juga telah membuat penilaian bagi merumus pendapat sama ada Bank Simpanan Nasional telah mematuhi prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan juga keputusan Syariah yang dibuat oleh pihak kami.

Pengurusan Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab memastikan Bank menjalankan urusanniaga berkaitan produk-produk patuh Syariah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Adalah tanggungjawab kami untuk merumus pendapat secara bebas, berdasarkan semakan kami ke atas operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional, dan untuk mengemukakan laporan ini.

Kami telah menyemak kerja-kerja yang dilakukan oleh Bahagian Penilaian Pematuhan dan Audit Syariah termasuk semakan ke atas setiap transaksi, dokumentasi serta prosedur yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional.

Pendapat kami dirumus berdasarkan semakan kami dan maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk penilaian berdasarkan ujian ke atas setiap jenis transaksi, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur-prosedur yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:


1. kontrak, transaksi dan urusanniaga yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun berakhir 31/12/2013 yang telah kami semak, mematuhi prinsip-prinsip Syariah;
2. pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip-prinsip Syariah;
3. semua pendapatan daripada sumber-sumber yang tidak dibenarkan oleh prinsip-prinsip Syariah telah disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan
4. Bank telah memenuhi tanggungjawabnya di dalam pembayaran zakat perniagaan melalui Pusat Zakat Negeri dan pengiraan zakat adalah berdasarkan kepada kaedah modal berkembang. Sepanjang tahun Bank telah mengagihkan peruntukan zakat kepada pelbagai asnaf yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Pengurusan Zakat.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31/12/2013 telah dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Pengerusi Jawatankuasa Syariah:

  
(Dr. Mohd Fuad Md Sawari)

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah:

  
(Dr. Zainudin Ismail)

  
(En. Md. Taudyir Md. Isa)

  
(Dr. Ahmad Zaki Salleh)

  
(Dr. Fauziah Mohd Noor)

# Penyata Kedudukan Kewangan

pada 31 Disember 2013

NOTA	31.12.2013 RM'000	KUMPULAN		31.12.2013 RM'000	BANK		
		31.12.2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	1.1.2012 RM'000 (Dinyatakan semula)		31.12.2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	1.1.2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	
<b>ASET</b>							
Tunai dan dana jangka pendek	3	2,401,976	1,427,777	1,707,218	2,318,044	1,338,927	1,656,199
Pelaburan sekuriti	4	10,093,871	9,374,844	8,406,341	9,960,906	9,283,551	8,321,995
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	5	16,872,280	13,881,562	11,552,731	16,872,280	13,881,562	11,552,731
Aset-aset lain	7	410,951	306,286	291,821	367,270	254,931	224,117
Pelaburan dalam subsidiari	8	–	–	–	53,000	53,000	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	70,683	64,002	31,806	29,632	29,632	609
Hartanah, loji dan kelengkapan	10	462,934	390,564	326,708	445,967	377,050	315,246
Pelaburan hartanah	11	20,928	21,654	22,379	20,928	21,654	22,379
Bayaran pajakan prabayar	12	81,578	82,758	83,846	80,635	81,793	82,859
Cukai boleh dituntut	19	65,158	13,044	–	63,426	15,832	–
Aset cukai tertunda	20	33,536	33,860	31,020	22,157	24,330	24,274
Aset dana takaful am dan takaful keluarga	37	1,174,568	866,017	602,678	–	–	–
<b>Jumlah aset</b>		<b>31,688,463</b>	<b>26,462,368</b>	<b>23,056,548</b>	<b>30,234,245</b>	<b>25,362,262</b>	<b>22,253,409</b>
<b>LIABILITI DAN EKUITI</b>							
Deposit daripada pelanggan	13	24,805,414	21,226,557	18,566,723	24,809,287	21,230,313	18,575,107
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	14	1,743,606	965,409	1,009,608	1,743,606	965,409	1,009,608
Pendapatan tertunda	15	366,478	384,164	297,192	366,478	384,164	297,192
Obligasi manfaat pesaraan	16	67,696	52,033	47,667	67,696	52,033	47,667
Pinjaman daripada institusi	17	24,187	23,671	16,774	24,187	23,671	16,774
Liabiliti-liabiliti lain	18	929,810	728,568	714,976	821,973	630,947	623,683
Peruntukan untuk cukai dan zakat	19	5,707	5,010	10,689	5,707	5,010	8,123
Liabiliti dana takaful am dan keluarga	37	99,967	97,329	107,579	–	–	–
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan keluarga	37	1,074,601	768,688	495,099	–	–	–
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>29,117,466</b>	<b>24,251,429</b>	<b>21,266,307</b>	<b>27,838,934</b>	<b>23,291,547</b>	<b>20,578,154</b>
Jumlah rizab		2,470,486	2,130,408	1,724,739	2,395,311	2,070,715	1,675,255
Kepentingan bukan kawalan		100,511	80,531	65,502	–	–	–
<b>Jumlah liabiliti dan ekuiti</b>		<b>31,688,463</b>	<b>26,462,368</b>	<b>23,056,548</b>	<b>30,234,245</b>	<b>25,362,262</b>	<b>22,253,409</b>
<b>KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA</b>							
	32	1,393,185	1,196,059	408,263	1,393,185	1,196,059	408,263

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

# Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	NOTA	KUMPULAN		BANK	
		2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)
Hasil	21	<b>2,216,070</b>	1,974,016	<b>1,841,217</b>	1,635,058
Pendapatan faedah	22	<b>756,590</b>	699,870	<b>750,537</b>	695,057
Perbelanjaan faedah	23	<b>(320,319)</b>	(245,833)	<b>(320,777)</b>	(246,576)
Pendapatan faedah bersih		<b>436,271</b>	454,037	<b>429,760</b>	448,481
Pendapatan fi dan komisen	24	<b>419,773</b>	418,930	<b>110,154</b>	141,655
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	36	<b>669,299</b>	496,963	<b>669,299</b>	496,963
Pendapatan operasi lain	25	<b>107,077</b>	99,183	<b>47,896</b>	42,763
Jumlah pendapatan bersih		<b>1,632,420</b>	1,469,113	<b>1,257,109</b>	1,129,862
Perbelanjaan kakitangan	26	<b>(525,696)</b>	(448,555)	<b>(465,158)</b>	(403,098)
Overhed lain	27	<b>(552,023)</b>	(509,413)	<b>(278,868)</b>	(247,943)
Keuntungan operasi sebelum elaun kejejasan		<b>554,701</b>	511,145	<b>513,083</b>	478,821
Elaun kejejasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	28	<b>(56,000)</b>	(796)	<b>(56,000)</b>	(796)
Masukkira semula elaun kejejasan aset lain	29	<b>1,458</b>	29,023	<b>1,458</b>	29,023
Keuntungan operasi selepas elaun kejejasan		<b>500,159</b>	539,372	<b>458,541</b>	507,048
Bahagian keuntungan selepas cukai bagi syarikat bersekutu		<b>6,681</b>	3,173	–	–
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		<b>506,840</b>	542,545	<b>458,541</b>	507,048
Zakat		<b>(5,844)</b>	(5,038)	<b>(5,000)</b>	(4,600)
Perbelanjaan cukai	30	<b>(89,851)</b>	(113,519)	<b>(77,849)</b>	(103,698)
Keuntungan bersih tahun semasa		<b>411,145</b>	423,988	<b>375,692</b>	398,750
Pendapatan komprehensif yang lain selepas cukai :					
Item yang tidak akan diklasifikasi semula ke untung atau rugi :					
Pengukuran semula obligasi manfaat tertakrif	16	<b>(13,334)</b>	–	<b>(13,334)</b>	–
Item yang berkemungkinan akan diklasifikasi semula ke untung atau rugi :					
Nilai saksama sekuriti tersedia untuk jualan		<b>(37,753)</b>	(3,290)	<b>(37,762)</b>	(3,290)
Jumlah pendapatan komprehensif yang lain bagi tahun semasa		<b>(51,087)</b>	(3,290)	<b>(51,096)</b>	(3,290)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		<b>360,058</b>	420,698	<b>324,596</b>	395,460
Keuntungan boleh diagihkan kepada :					
Pemegang Ekuiti Bank		<b>391,165</b>	408,959	<b>375,692</b>	398,750
Kepentingan bukan kawalan		<b>19,980</b>	15,029	–	–
Untung bersih tahun semasa		<b>411,145</b>	423,988	<b>375,692</b>	398,750
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diagihkan kepada :					
Pemegang Ekuiti Bank		<b>340,078</b>	405,669	<b>324,596</b>	395,460
Kepentingan bukan kawalan		<b>19,980</b>	15,029	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa		<b>360,058</b>	420,698	<b>324,596</b>	395,460

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

# Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	Milik pemegang ekuiti Bank									
	Tidak boleh diagih					Boleh diagih				
	Rizab Am	Rizab Modal*	Rizab Nilai Saksama	Rizab Pematuhan**	Penyamaan Rizab Keuntungan	Keuntungan Tertahan	Jumlah Rizab	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Ekuiti	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>KUMPULAN</b>										
<b>Pada 1 Januari 2012, seperti dilaporkan sebelumnya</b>	100,000	617,944	(764)	-	42,849	1,005,765	1,765,794	81,197	1,846,991	
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	-	-	-	(41,055)	(41,055)	(15,695)	(56,750)	
<b>Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula</b>	100,000	617,944	(764)	-	42,849	964,710	1,724,739	65,502	1,790,241	
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa</b>	-	-	-	-	-	416,743	416,743	15,029	431,772	
Keuntungan tahun semasa dilaporkan sebelumnya	-	-	-	-	-	(7,784)	(7,784)	-	(7,784)	
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	-	-	-	408,959	408,959	15,029	423,988	
Keuntungan tahun semasa, dinyatakan semula	-	-	(3,290)	-	-	-	(3,290)	-	(3,290)	
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	-	-	(3,290)	-	-	-	(3,290)	-	(3,290)	
Jumlah pendapatan komprehensif dinyatakan semula	-	-	(3,290)	-	-	408,959	405,669	15,029	420,698	
<b>Pematahan rizab penyamaan untung</b>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Peruntukan tahun semasa	-	-	-	-	14,112	(14,112)	-	-	-	
Penggunaan rizab	-	-	-	-	(14,112)	14,112	-	-	-	
<b>Pindahan rizab modal</b>	-	201,013	-	-	-	(201,013)	-	-	-	
<b>Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013, dinyatakan semula</b>	100,000	818,957	(4,054)	-	42,849	1,172,656	2,130,408	80,531	2,210,939	
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa</b>	-	-	-	-	-	391,165	391,165	19,980	411,145	
Keuntungan tahun semasa	-	-	(37,753)	-	-	(13,334)	(51,087)	-	(51,087)	
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa	-	-	(37,753)	-	-	377,831	340,078	19,980	360,058	
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	(37,753)	-	-	(131,283)	-	-	-	
<b>Pindahan rizab pematuhan</b>	-	-	-	131,283	-	-	-	-	-	
<b>Pematahan rizab penyamaan untung</b>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Peruntukan tahun semasa	-	-	-	-	5,106	(5,106)	-	-	-	
Penggunaan rizab	-	-	-	-	(5,106)	5,106	-	-	-	
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	100,000	818,957	(41,807)	131,283	42,849	1,419,204	2,470,486	100,511	2,570,997	

NOTA

Pada 1 Januari 2012, seperti dilaporkan sebelumnya

Pelarasan tahun terdahulu

Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula

**Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa**  
Keuntungan tahun semasa dilaporkan sebelumnya  
Pelarasan tahun terdahulu

Keuntungan tahun semasa, dinyatakan semula

Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa

Jumlah pendapatan komprehensif dinyatakan semula

**Pematahan rizab penyamaan untung**

Peruntukan tahun semasa

Penggunaan rizab

**Pindahan rizab modal**

**Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013, dinyatakan semula**

**Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa**

Keuntungan tahun semasa

Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa

Jumlah pendapatan komprehensif

**Pindahan rizab pematuhan**

**Pematahan rizab penyamaan untung**

Peruntukan tahun semasa

Penggunaan rizab

**Pada 31 Disember 2013**

\* Rizab modal selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 34 (ii) (f), dalam penyata kewangan.

\*\* Rizab pematuhan diselenggara untuk mengukuhkan penempatan terhadap potensi kerugian kredit, menurut arahan JDP/8808/13/5/01 Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Februari 2014. Bank mengekalkan, dalam agregat, peruntukan penjejasan kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, selepas ditolak peruntukan kejejasan nilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan



# Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

BANK	----- Milik pemegang ekuiti Bank -----							
	NOTA	----- Tidak boleh diagih -----			Boleh diagih			
Rizab Am RM'000		Rizab Modal* RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan** RM'000	Rizab Penyamaan Keuntungan RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000	
<b>Pada 1 Januari 2012, seperti dilaporkan sebelumnya</b>		100,000	617,944	(764)	–	42,849	950,976	1,711,005
Pelarasan tahun terdahulu	38	–	–	–	–	–	(35,750)	(35,750)
<b>Pada 1 Januari 2012, dinyatakan semula</b>		100,000	617,944	(764)	–	42,849	915,226	1,675,255
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa</b>								
Keuntungan tahun semasa dilaporkan sebelumnya		–	–	–	–	–	402,025	402,025
Pelarasan tahun terdahulu	38	–	–	–	–	–	(3,275)	(3,275)
Keuntungan tahun semasa, dinyatakan semula		–	–	–	–	–	398,750	398,750
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		–	–	(3,290)	–	–	–	(3,290)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif dinyatakan semula</b>		–	–	(3,290)	–	–	398,750	395,460
<b>Pematuhan rizab penyamaan untung</b>								
Peruntukan tahun semasa		–	–	–	–	14,112	(14,112)	–
Penggunaan rizab		–	–	–	–	(14,112)	14,112	–
<b>Pindahan rizab modal</b>		–	201,013	–	–	–	(201,013)	–
<b>Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013, dinyatakan semula</b>		100,000	818,957	(4,054)	–	42,849	1,112,963	2,070,715
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa</b>								
Keuntungan tahun semasa		–	–	–	–	–	375,692	375,692
Pendapatan komprehensif yang lain tahun semasa		–	–	(37,762)	–	–	(13,334)	(51,096)
<b>Pindahan rizab pematuhan</b>		–	–	–	131,283	–	(131,283)	–
<b>Pematuhan rizab penyamaan untung</b>								
Peruntukan tahun semasa		–	–	–	–	5,106	(5,106)	–
Penggunaan rizab		–	–	–	–	(5,106)	5,106	–
<b>Pada 31 Disember 2013</b>		<b>100,000</b>	<b>818,957</b>	<b>(41,816)</b>	<b>131,283</b>	<b>42,849</b>	<b>1,344,038</b>	<b>2,395,311</b>

\* Rizab modal selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dengan memindahkan 50% daripada keuntungan selepas cukai. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 34 (ii) (f), dalam penyata kewangan.

\*\* Rizab pematuhan diselenggara untuk mengukuhkan penampakan terhadap potensi kerugian kredit, menurut arahan JDKP/8808/13/5/01 Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Februari 2014. Bank mengekalkan, dalam agregat, peruntukan penjejakan kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, selepas ditolak peruntukan kejejakan nilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

# Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Untung sebelum cukai dan zakat dan kepentingan bukan kawalan	506,840	542,545	458,541	507,048
Pelarasan untuk :				
(Pertambahan diskaun)/pelunasan premium bersih	(23,663)	21,938	(23,663)	21,938
Susut nilai hartanah, loji dan kelengkapan	69,254	56,380	66,591	53,723
Susut nilai pelaburan hartanah	726	725	726	725
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	1,087	1,088	1,065	1,066
Hartanah, loji dan kelengkapan dihapus kira	1,008	6	972	6
Pelarasan hartanah, loji dan kelengkapan	1,236	419	1,236	419
Keuntungan ke atas pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	(981)	(71)	(981)	(71)
Kekejasaan hartanah, loji dan kelengkapan dimasuk kira semula	(1,458)	–	(1,458)	–
Kekejasaan kolektif untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	16,102	(65,504)	16,102	(65,504)
Hapuskira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dimasuk kira semula	(15,670)	(14,569)	(15,670)	(14,569)
Kekejasaan pelaburan dalam syarikat bersekutu dimasuk kira semula	–	(29,023)	–	(29,023)
Peruntukan kekejasaan hutang ragu bagi belum terima yang dimasukkan dalam aset-aset lain dimasuk kira semula	–	(3)	–	(3)
Hutang lapuk dihapus kira	55,568	80,889	55,568	80,889
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu	(6,681)	(3,173)	–	–
Keuntungan bersih daripada pelupusan pelaburan sekuriti	(8,672)	(14,563)	(11,447)	(14,103)
Peruntukan untuk manfaat pasca persaraan	10,031	8,136	10,031	8,136
Pendapatan dividen	(13,994)	(7,434)	(13,989)	(7,434)
Rizab penyamaan keuntungan	2,715	11,141	2,715	11,141
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	593,448	588,927	546,339	554,384
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(3,046,718)	(2,329,647)	(3,046,718)	(2,329,647)
Perubahan dalam aset-aset lain	(104,665)	(34,687)	(112,339)	(51,036)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	3,578,857	2,602,656	3,578,974	2,598,028
Perubahan dalam deposit dan penempatan institusi kewangan lain	778,197	(44,199)	778,197	(44,199)
Perubahan dalam pajakan prabayar	93	–	93	–
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	198,527	80,607	187,625	74,301
Aliran tunai dihasilkan daripada operasi	1,997,739	863,657	1,932,171	801,831

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

# Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)
Cukai dibayar	(129,053)	(144,334)	(110,682)	(131,973)
Cukai kredit diterima	–	11,272	–	11,272
Zakat dibayar	(5,147)	(5,940)	(4,303)	(5,502)
Manfaat pesaraan dibayar	(7,702)	(3,770)	(7,702)	(3,770)
<b>Tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>1,855,837</b>	<b>720,885</b>	<b>1,809,484</b>	<b>671,858</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN</b>				
Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan kelengkapan	3,387	334	3,372	314
Pembelian hartanah, loji dan kelengkapan	(144,816)	(120,924)	(138,649)	(116,195)
Pembelian bersih pelaburan sekuriti	(3,777,585)	(2,172,007)	(3,777,594)	(2,172,007)
Dividen diterima	13,994	6,659	13,989	6,659
Terimaan daripada pelupusan pelaburan sekuriti	3,040,552	1,191,743	3,085,685	1,198,230
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(864,468)</b>	<b>(1,094,195)</b>	<b>(813,197)</b>	<b>(1,082,999)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Penerimaan pinjaman daripada institusi kewangan	9,220	52,062	9,220	52,062
Pembayaran pinjaman kepada institusi kewangan	(8,704)	(45,165)	(8,704)	(45,165)
Pelunasan geran Kerajaan	(17,686)	(18,028)	(17,686)	(18,028)
Penerimaan geran daripada Kerajaan	–	105,000	–	105,000
<b>Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan</b>	<b>(17,170)</b>	<b>93,869</b>	<b>(17,170)</b>	<b>93,869</b>
<b>(PENURUNAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	<b>974,199</b>	<b>(279,441)</b>	<b>979,117</b>	<b>(317,272)</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI</b>	<b>1,427,777</b>	<b>1,707,218</b>	<b>1,338,927</b>	<b>1,656,199</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>2,401,976</b>	<b>1,427,777</b>	<b>2,318,044</b>	<b>1,338,927</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH :</b>				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 3)	2,401,976	1,427,777	2,318,044	1,338,927

Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting dalam penyata kewangan

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berpangkalan di Malaysia. Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Bank adalah seperti berikut :

Wisma BSN,  
117, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 tidak termasuk entiti lain.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiarinya dinyatakan di Nota 8.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama Bank dan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk terbitan menurut resolusi para Pengarah pada 1 April 2014.

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 (dimansuhkan pada 30 Jun 2013), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (berkuatkuasa pada 30 Jun 2013) dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

### Pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang baru dan semakan semula

#### Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang baru dan semakan semula yang mengubah amaun yang dilaporkan dan/atau pendedahan di dalam penyata kewangan.

Pada tahun semasa, Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai beberapa MFRS yang baru dan semakan semula yang dikeluarkan oleh MASB berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

#### (i) Pindaan kepada MFRS 7 - Pendedahan - Ofset Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai pindaan kepada MFRS 7 Pendedahan - Ofset Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan buat kali pertama pada tahun semasa. Pindaan tersebut mengkehendaki agar entiti mendedahkan maklumat mengenai hak-hak ofset dan aturan berkaitan (seperti syarat-syarat posting cagaran) untuk instrumen kewangan di bawah persetujuan induk ofset atau perjanjian yang sama.

Pindaan telah dibuat secara retrospektif. Oleh kerana Kumpulan dan Bank tidak mempunyai sebarang perjanjian ofset, aplikasi pindaan tersebut tidak memberi kesan yang ketara ke atas pendedahan atau ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini.

#### (ii) Piawaian baru dan semakan semula pada penyatuan, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan pendedahan

Pada November 2011, pakej lima piawaian tentang penyatuan, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan pendedahan telah dikeluarkan. Ianya melibatkan MFRS 10 Penyatuan Penyata Kewangan, MFRS 11 Aturan Bersama, MFRS 12 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain, MFRS 127 (IAS 27 sebagaimana yang disemak oleh IASB pada Mei 2011) Pengasingan Penyata Kewangan dan MFRS 128 (IAS 28 sebagaimana yang disemak oleh IASB pada Mei 2011) Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama. Berikutan penerbitan piawaian ini, pindaan kepada MFRS 10, MFRS 11 dan MFRS 12 telah dikeluarkan untuk menjelaskan panduan peralihan tertentu atas penggunaan pakai piawaian tersebut untuk kali pertama.

Dalam tahun semasa, Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai buat kali pertama MFRS 10, MFRS 11, MFRS 12, MFRS 127 (IAS 27 sebagaimana yang disemak oleh IASB Mei 2011) dan MFRS 128 (IAS 28 sebagaimana yang disemak oleh IASB Mei 2011) bersama dengan pindaan kepada MFRS 10, MFRS 11 dan MFRS 12 berkenaan panduan peralihan.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (a) Penyata pematuhan (samb.)

**Pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang baru dan semakan semula (samb.)**

**Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang baru dan semakan semula yang mengubah amaun yang dilaporkan dan/atau pendedahan di dalam penyata kewangan. (samb.)**

### (ii) Piawaian baru dan semakan semula pada penyatuan, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan pendedahan (samb.)

Kesan penggunaan pakai piawaian tersebut adalah seperti berikut :

#### **Kesan pemakaian MFRS 12**

MFRS 12 adalah piawaian pendedahan baru dan terpakai kepada entiti yang mempunyai kepentingan di dalam syarikat subsidiari, aturan bersama, syarikat bersekutu dan/atau entiti berstruktur yang tidak disatukan. Secara umum, pemakaian MFRS 12 telah menghasilkan pendedahan yang lebih luas di dalam penyata kewangan yang disatukan.

### (iii) MFRS 13 Pengukuran Nilai Saksama

Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai MFRS 13 buat kali pertama dalam tahun semasa. MFRS 13 adalah sumber utama panduan bagi ukuran nilai saksama dan pendedahan ke atas ukuran nilai saksama. Skop MFRS 13 adalah ekstensif; syarat pengukuran nilai saksama MFRS 13 terpakai bagi kedua-dua item iaitu instrumen kewangan dan bukan kewangan yang mana MFRS lain memerlukan atau membenarkan ukuran nilai saksama dan pendedahan mengenai ukuran nilai saksama, kecuali transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di bawah skop MFRS 2 Bayaran Berasaskan Saham, urusan niaga pemajakan yang berada dalam skop MFRS 117 Pajak, dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan pada nilai saksama (contohnya nilai boleh realis bagi tujuan mengukur inventori atau nilai boleh guna bagi tujuan penilaian kemerosotan nilai).

MFRS 13 mentakrifkan nilai saksama sebagai harga yang akan diterima untuk penjualan aset atau pembayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur dalam pasaran prinsipal (atau yang paling mempunyai kelebihan) pada tarikh pengukuran mengikut keadaan pasaran semasa. Nilai saksama di bawah MFRS 13 adalah harga keluar tidak kira sama ada harga yang secara langsung dipantau atau anggaran dengan menggunakan teknik penilaian lain. MFRS 13 juga menetapkan keperluan pendedahan yang ekstensif.

MFRS 13 menetapkan aplikasinya secara prospektif mulai 1 Januari 2013. Sehubungan itu, peruntukan spesifik peralihan telah dibenarkan di mana entiti tidak perlu mengguna pakai syarat pendedahan yang digariskan dalam perbandingan maklumat untuk tempoh sebelum penggunaan awal piawaian. Selaras dengan peruntukan peralihan ini, Kumpulan dan Bank tidak membuat sebarang pendedahan baru yang diperlukan oleh MFRS 13 bagi tempoh perbandingan 2012. Selain daripada pendedahan tambahan, pemakaian MFRS 13 tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan ini.

### (iv) Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Item Pendapatan Komprehensif Lain

Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Item Pendapatan Komprehensif Lain buat kali pertama dalam tahun semasa. Pindaan tersebut memperkenalkan terminologi baru di mana penggunaannya adalah tidak mandatori, bagi penyata pendapatan komprehensif dan penyata pendapatan. Di bawah pindaan MFRS 101, 'penyata pendapatan komprehensif' telah dinamakan semula sebagai 'penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain' dan 'penyata pendapatan' telah dinamakan semula sebagai 'penyata untung atau rugi'. Pindaan kepada MFRS 101 mengekalkan pilihan untuk menunjukkan keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain sama ada dalam satu penyata atau dua penyata yang berasingan tetapi berturut-turut. Walau bagaimanapun, pindaan kepada MFRS 101 memerlukan butiran pendapatan komprehensif lain yang akan dikumpulkan kepada dua kategori dalam seksyen pendapatan komprehensif yang lain :

(a) item yang tidak akan diklasifikasikan semula ke untung atau rugi dan

(b) item yang berkemungkinan akan diklasifikasikan, semula ke untung atau rugi apabila syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Cukai pendapatan bagi item pendapatan komprehensif lain perlu diperuntukkan pada asas yang sama – pindaan berkenaan tidak mengubah pilihan untuk membentangkan butiran pendapatan komprehensif yang lain sama ada sebelum cukai atau selepas cukai. Pindaan telah digunakan secara retrospektif, dan dengan itu, butiran di dalam pendapatan komprehensif yang lain telah diubahsuai sewajarnya bagi menggambarkan perubahan. Selain daripada perubahan pembentangan yang dinyatakan di atas, penggunaan pakai pindaan kepada MFRS 101 tidak menyebabkan apa-apa kesan ke atas untung atau rugi, pendapatan komprehensif lain dan jumlah pendapatan komprehensif.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (a) Penyata pematuhan (samb.)

Pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang baru dan semakan semula (samb.)

Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang baru dan semakan semula yang mengubah amaun yang dilaporkan dan/atau pendedahan di dalam penyata kewangan. (samb.)

### (v) MFRS 119 Manfaat Pekerja (IAS 19 seperti dipinda oleh IASB pada Jun 2011)

Pada tahun semasa, Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai MFRS 119 Manfaat Pekerja (IAS 19 sebagaimana yang dipinda oleh IASB pada Jun 2011) dan kesan pindaan berkaitan bagi kali pertama.

MFRS 119 (IAS 19 yang dipinda oleh IASB pada Jun 2011) mengubah perakaunan untuk pelan manfaat tertakrif dan manfaat penamatan. Perubahan yang paling ketara adalah berkaitan dengan perakaunan bagi perubahan dalam obligasi manfaat tertakrif dan aset pelan. Pindaan tersebut memerlukan pengiktirafan perubahan dalam obligasi manfaat tertakrif dan nilai saksama aset pelan apabila berlaku sekaligus menghapuskan 'pendekatan koridor' yang dibenarkan di dalam versi MFRS 119 yang sebelumnya dan mempercepatkan pengiktirafan kos perkhidmatan yang lepas. Kesemua keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf serta-merta di dalam pendapatan komprehensif lain bagi membolehkan aset persaraan bersih atau liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan mencerminkan nilai sebenar defisit atau lebihan pelan. Tambahan pula, kos kewangan dan jangkaan pulangan ke atas aset pelan yang dipakai dalam versi MFRS 119 sebelum ini telah digantikan dengan jumlah 'faedah bersih' di bawah MFRS 119 (IAS 19 sebagaimana yang dipinda oleh IASB pada Jun 2011), yang dikira dengan menggunakan kadar diskaun ke atas liabiliti atau aset bersih manfaat tertakrif. MFRS 119 juga (IAS 19 sebagaimana yang dipinda oleh IASB pada Jun 2011) memperkenalkan perubahan tertentu dalam pembentangan kos manfaat termasuk pendedahan yang lebih ekstensif.

Peruntukan peralihan diberi kepada penggunaan pakai MFRS 119 (IAS 19 sebagaimana yang dipinda oleh IASB pada Jun 2011) buat kali pertama. Kumpulan dan Bank telah mengguna pakai peruntukan peralihan berkenaan dan menyata semula jumlah perbandingan secara retrospektif. Kumpulan dan Bank telah juga melaksanakan pelarasan tahun terdahulu yang berkaitan dengan pengiktirafan manfaat perubahan pasca persaraan seperti yang dinyatakan dalam Nota 38.

### Piawaian dan Interpretasi IC yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Para Pengarah menjangkakan bahawa Piawaian dan Interpretasi IC yang dinyatakan di bawah akan diguna pakai dalam penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank apabila ianya efektif dan pemakaian Piawaian dan Interpretasi IC tersebut tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank di dalam tempoh permulaan penggunaannya, kecuali seperti yang berikut.

***Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015 dan bukannya 1 Januari 2013 sebaik sahaja Pindaan kepada MFRS 9 (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada November 2009 dan Oktober 2010) dan MFRS 7 berkaitan "Tarikh Efektif Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan" yang dikeluarkan pada 1 Mac 2012 :***

- MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada November 2009)
- MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada Oktober 2010)
- Pindaan ke atas Tarikh Efektif mandatori MFRS 9 (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB daripada November 2009 dan Oktober 2010) MFRS 9 dan MFRS 7 dan pendedahan peralihan.

***Efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 :***

- IC Int. 21 Levi
- Pindaan ke atas Entiti Pelaburan MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127
- Pindaan ke atas Instrumen Kewangan : Pembentangan (Pindaan berkaitan dengan Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan) MFRS 132
- Pindaan ke atas Penjejasan Aset (Pindaan berkaitan dengan Pendedahan Amaun yang boleh diperoleh semula bagi Aset Bukan kewangan) MFRS 136
- Pindaan ke atas Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran (Pindaan berkaitan dengan Novasi Derivatif dan Kesenambungan Perakaunan Lindung Nilai) MFRS 139

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (a) Penyata pematuhan (samb.)

#### Piawaian dan Interpretasi IC yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (samb.)

#### MFRS 9 dan Pindaan Peralihan berkaitan Tarikh Efektif Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan

MFRS 9 (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada November 2009) memperkenalkan syarat baru bagi pengklasifikasian dan pengukuran aset kewangan. MFRS 9 (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada bulan Oktober 2010) memasukkan syarat bagi pengklasifikasian dan pengukuran liabiliti kewangan dan juga penyahiktirafannya.

Pindaan kepada MFRS 9 (IFRS 9 dikeluarkan oleh IASB pada November 2009 dan Oktober 2010) ("MFRS 9") berkaitan "Tarikh Efektif Mandatori MFRS 9 dan Pendedahan Peralihan" yang berkuat kuasa serta-merta pada tarikh terbitan 1 Mac 2012 telah meminda tarikh efektif mandatori MFRS 9 untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015 dan bukan pada atau selepas 1 Januari 2013, dengan penggunaan awal masih dibenarkan dan mengubahsuaikan pelepasan dari menyatakan semula tahun terdahulunya. MFRS 7 juga telah dipinda sejajar dengan penerbitan pindaan yang dinyatakan di atas memperkenalkan syarat pendedahan baru sama ada dibenarkan atau dikehendaki berdasarkan tarikh penggunaan oleh entiti dan sama ada entiti memilih untuk menyatakan semula tempoh terdahulu.

Syarat-syarat utama MFRS 9 :

- Semua aset kewangan di bawah skop MFRS 139 di dalam Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran hendaklah kemudiannya diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama. Secara khususnya, pelaburan hutang yang dipegang di dalam model perniagaan yang mana objektifnya adalah untuk memperoleh aliran tunai dari kontrak, dan yang mempunyai kontrak aliran tunai dari pembayaran prinsipal dan keuntungan ke atas baki tunggakan prinsipal diukur pada kos dilunaskan pada akhir tempoh perakaunan berikutnya. Semua pelaburan hutang yang lain dan pelaburan ekuiti dinilai pada nilai saksama pada akhir tempoh perakaunan berikutnya. Di samping itu, di bawah MFRS 9, entiti boleh membuat pemilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk membentangkan perubahan berikutnya pada nilai saksama bagi instrumen ekuiti (yang tidak dipegang untuk dagangan) sebagai pendapatan komprehensif lain dengan hanya pendapatan dividen umumnya diiktiraf dalam untung atau rugi.
- Berhubung dengan pengukuran liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, MFRS 9 mengkehendaki jumlah perubahan dalam nilai saksama liabiliti kewangan yang boleh diagihkan kepada perubahan di dalam risiko kredit liabiliti, dibentangkan sebagai pendapatan komprehensif lain, kecuali pengiktirafan kesan dari perubahan pada risiko kredit liabiliti dalam pendapatan komprehensif lain akan mewujudkan atau melebarkan ketidaksesuaian perakaunan dalam untung atau rugi. Perubahan pada nilai saksama yang diagihkan kepada risiko kredit liabiliti kewangan tidak akan kemudiannya diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi. Sebelum ini, di bawah MFRS 139, jumlah keseluruhan perubahan dalam nilai saksama liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi telah dibentangkan di dalam untung atau rugi.

Para Pengarah menjangka pelaksanaan MFRS 9 pada masa hadapan mungkin mempunyai kesan yang ketara ke atas amaun yang dilaporkan di dalam aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank. Walau bagaimanapun adalah tidak praktikal untuk menyediakan anggaran munasabah kesan daripada MFRS 9 sehingga semakin terperinci dilaksanakan.

#### Pindaan MFRS 132 Ofset Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

Pindaan kepada MFRS 132 menjelaskan syarat ofset aset kewangan dan liabiliti kewangan. Secara khususnya, pindaan menjelaskan maksud 'pada masa ini dari segi perundangan mempunyai hak untuk ofset' dan 'realisasi dan penjelasan secara serentak'.

Para Pengarah tidak menjangka pindaan kepada MFRS 132 akan memberi kesan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan memandangkan Kumpulan tidak mempunyai aset kewangan dan liabiliti kewangan yang layak untuk diofset.

### (b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disedia berdasarkan kos sejarah melainkan daripada yang dinyatakan dalam Nota 2. Kos sejarah secara umumnya berasaskan nilai saksama pertimbangan yang terlibat dalam pertukaran untuk aset. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggar nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira ciri-ciri aset atau liabiliti jika peserta pasaran akan mengambil ciri-ciri tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urus niaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 117, dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasikan dalam MFRS 102 atau nilai digunakan dalam MFRS 136.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (b) Asas pengukuran (samb.)

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan kepentingan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang dihuraikan seperti berikut :

- Input Tahap 1 adalah harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Input Tahap 2 adalah input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Input Tahap 3 adalah input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

### (c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Bank dan telah dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman lalu serta faktor-faktor lain termasuk jangkaan mengenai peristiwa masa hadapan. Dasar-dasar perakaunan dan pertimbangan pengurusan untuk sesetengah item adalah sangat kritikal ke atas keputusan Kumpulan dan Bank dan keadaan kewangan mengikut kepentingannya.

#### (i) Kerugian penjejasan nilai atas pembiayaan dan pendahuluan

Kumpulan dan Bank mengkaji portfolio pembiayaan dan pendahuluan untuk menentukan sama ada kerugian penjejasan patut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembiayaan dianggap sebagai terjejas apabila terdapat bukti objektif penjejasan akibat daripada peristiwa kerugian yang telah menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan pembiayaan tersebut selepas pengiktirafan awal.

#### Penjejasan kolektif

Penjejasan kolektif diguna pakai ke atas kumpulan pembiayaan dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama, dan yang tidak diklasifikasikan di bawah penjejasan individu.

Peruntukan kolektif mengambil kira kebarangkalian pembiayaan menjadi ingkar (atau kebarangkalian mungkir) dan anggaran kerugian apabila ingkar (atau kerugian ingkar) pembiayaan tertentu.

Kebarangkalian ingkar adalah hasil kumulatif tren ingkar untuk tempoh tertentu yang ditetapkan, sedangkan kerugian ingkar adalah diukur dengan mempertimbangkan nilai cagaran kepada pembiayaan dan anggaran tempoh pemulihan daripada cagaran.

Kebarangkalian ingkar mencerminkan sektor perniagaan untuk pembiayaan dan ditapis ke tahap graviti dari segi ingkar yang ditunjukkan oleh pembiayaan. Kadar untuk kebarangkalian ingkar mengambil aspek risiko sektor perniagaan.

#### (ii) Penjejasan aset kewangan sedia untuk jualan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, pihak pengurusan akan menilai sama ada terdapat bukti objektif penjejasan akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal pelaburan.

#### Penjejasan sekuriti hutang

Sekuriti hutang terjejas jika terdapat tanda peristiwa kerugian telah berlaku sejak pengiktirafan awal. Ia biasanya mempunyai kesan negatif terhadap anggaran aliran tunai masa depan berkaitan dengan pembayaran balik sekuriti.

#### Penjejasan sekuriti ekuiti

Bagi instrumen ekuiti, penjejasan tidak dikenal pasti berdasarkan analisa unjuran aliran tunai seperti instrumen hutang di atas. Ia wujud kerana berlakunya peristiwa-peristiwa berikut :

- (a) Penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal (30%); atau
- (b) Penurunan berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti berbanding kos asal (9 bulan)

Peristiwa di atas ini dianggap bukti objektif bagi peruntukan penjejasan atas sekuriti ekuiti.



# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (samb.)

#### (iii) Kemosrotan nilai aset kewangan dipegang hingga matang

Kumpulan dan Bank mengklasifikasikan sebahagian aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan yang tetap sebagai dipegang sehingga matang. Pengklasifikasian ini memerlukan pertimbangan penting.

Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan dan Bank menilai hasrat dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga tempoh matang. Sebarang jualan pengklasifikasian semula dengan amaun yang ketara di dalam sekuriti dipegang hingga matang yang juga tidak menghampiri tempoh kematangannya akan menyebabkan pengklasifikasian semula semua sekuriti dipegang hingga matang kepada sekuriti sedia untuk jualan dan menghalang Kumpulan dan Bank daripada mengklasifikasikan klas sekuriti yang sama sebagai sekuriti dipegang hingga matang untuk dua tahun kewangan semasa.

#### (iv) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf ke atas kerugian cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara yang boleh ditolak sehingga ke tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan cukai masa hadapan boleh diperolehi untuk kegunaan cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara tersebut. Pertimbangan wajar oleh pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan tempoh masa yang berkemungkinan dan tahap keuntungan boleh cukai hadapan, bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

#### (v) Manfaat persaraan

Nilai kini pelan obligasi manfaat tertakrif bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan menggunakan beberapa andaian.

Andaian yang digunakan untuk menentukan kos bersih manfaat persaraan telah mengambil kira kadar diskaun dan kadar inflasi perubatan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada amaun bawaan pelan obligasi manfaat tertakrif.

Kumpulan dan Bank menentukan kadar diskaun yang berpatutan pada setiap akhir tahun. Ia digunakan untuk menentukan nilai semasa anggaran aliran keluar tunai masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi pelan tersebut. Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan Bank mengambil kira kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi yang dinominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan ianya mempunyai tempoh kematangan bersamaan tempoh pelan obligasi manfaat tertakrif tersebut.

#### (vi) Takaful

Penghutang takaful diiktiraf apabila terhutang dan pengiktirafan awal diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang takaful diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

Jika terdapat bukti objektif bahawa penghutang takaful terjejas, pengurangan jumlah bawaan penghutang takaful dilakukan dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian penjejasan dalam untung atau rugi. Syarikat mengumpulkan bukti objektif bahawa penghutang takaful terjejas menggunakan proses yang sama bagi aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Kerugian penjejasan dikira di bawah kaedah sama yang digunakan untuk aset kewangan. Proses-proses ini telah dijelaskan di Nota 2(j)(e). Takaful kewangan yang terjejas dinyahiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan telah dipenuhi.

#### (vii) Dana takaful am – Peruntukan tuntutan tertunggak

Peruntukan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") adalah berdasarkan anggaran kos muktamad bagi semua tuntutan yang berlaku tetapi tidak diselesaikan pada tarikh laporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama-sama dengan tuntutan yang berkaitan dengan kos pengendalian dan pengurangan nilai yang dijangka salvaj dan pemulihan lain-lain. Kelewatan boleh berlaku dalam pemberitahuan dan penjelasan dalam beberapa jenis tuntutan. Oleh itu, kos muktamad tuntutan ini tidak boleh diketahui dengan pasti pada tarikh laporan. Liabiliti ini dikira pada tarikh laporan dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan standard aktuari berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang boleh merangkumi margin untuk sisihan negatif. Liabiliti ini tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang. Tiada peruntukan untuk rizab penyamaan atau malapetaka diiktiraf. Liabiliti ini tidak lagi diiktiraf apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidakpastian, maka unjuran tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas. Ketidakpastian ini berlaku dari perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (samb.)

#### (viii) Dana takaful keluarga - Peruntukan tuntutan tertunggak

Bagi perniagaan kumpulan keluarga, peruntukan dibuat bagi kos tuntutan bersama dengan perbelanjaan yang berkaitan dan IBNR bagi kemalangan dan perlindungan kesihatan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Kos muktamad bagi tuntutan tertunggak adalah dianggarkan dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan standard aktuari, seperti Chain Ladder, Bornheutter-Ferguson dan Nisbah Rugi Muktamad oleh aktuari Kumpulan yang berkecualan. Bagi semua unjuran, terdapat unsur-unsur yang tidak menentu maka pengalaman tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas.

Ketidaktentuan ini berlaku disebabkan perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

#### (ix) Dana takaful keluarga - Rizab aktuari

Liabiliti aktuari bagi produk berkaitan dengan pelaburan dan produk bukan berkaitan dengan pelaburan dikira menggunakan kaedah aliran tunai didiskaun untuk memastikan sebarang aliran tunai negatif masa hadapan akibat kekurangan caj Tabarru' untuk memenuhi jangkaan perbelanjaan manfaat keluar dihapuskan.

Liabiliti takaful keluarga diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan caruman dikenakan.

Liabiliti ini diukur dengan menggunakan kaedah penilaian aktuari prospektif. Liabiliti ini ditentukan sebagai jumlah nilai kini manfaat masa hadapan yang ditolak dengan nilai kini bagi pertimbangan kasar masa hadapan yang timbul daripada sijil yang didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang bersesuaian. Liabiliti ini berdasarkan andaian anggaran terbaik dan dengan mengambil kira pengalaman penting kebelakangan ini. Jumlah yang sesuai bagi peruntukan margin risiko untuk sisihan negatif daripada jangkaan pengalaman dibuat dalam penilaian liabiliti.

Bagi sijil keluarga di mana sebahagian daripada atau keseluruhan caruman terkumpul dalam suatu dana, jumlah yang terkumpul seperti yang diisytiharkan kepada peserta akan ditetapkan sebagai liabiliti. Pensifaran digunakan pada peringkat sijil dan tiada sijil dianggap sebagai aset di bawah kaedah penilaian yang diguna pakai.

Pelarasannya kepada liabiliti pada setiap tarikh laporan adalah direkodkan dalam untung atau rugi. Keuntungan daripada margin sisihan negatif di atas kontrak larian diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang hayat kontrak manakala kerugian diiktiraf sepenuhnya dalam untung atau rugi pada tahun pertama larian.

Liabiliti ini tidak diiktirafkan apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan. Pada setiap tarikh pelaporan, satu penilaian adalah dibuat sama ada liabiliti takaful keluarga yang diiktiraf adalah mencukupi dengan menggunakan ujian kecukupan liabiliti yang sedia ada.

Apa-apa kekurangan adalah direkodkan dalam untung atau rugi dengan penubuhan rizab teknikal bagi kerugian tersebut. Pada tempoh berikutnya, liabiliti bagi suatu blok perniagaan yang telah gagal ujian kecukupan adalah berdasarkan andaian-andaian yang ditubuhkan pada masa pengiktirafan kerugian. Kerugian yang terhasil daripada ujian kecukupan liabiliti boleh diterbalikkan dalam tahun-tahun masa hadapan jika kejelasan tidak lagi wujud.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidakpastian dan oleh itu liabiliti yang diunjurkan mungkin akan berbeza daripada liabiliti yang sebenar disebabkan tahap penting ketidakpastian yang terlibat dalam andaian kadar diskaun kematian dan kesihatan yang digunakan.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (samb.)

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (samb.)

#### (x) Peruntukan Fi wakalah / pembiayaan ISA dan PUA

##### Peruntukan Fi wakalah

Peruntukan telah dibuat untuk merekodkan kerugian masa hadapan yang tertentu, jika ada, kepada Pengendali Takaful yang berpunca daripada servis kontrak polisi individu dengan peserta.

##### (i) Produk caruman tunggal

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai semasa aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan pada masa hadapan.

##### (ii) Produk lain

Peruntukan dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai bersih masa hadapan yang didiskaunkan kepada Pengendali Takaful dengan menggunakan kaedah aktuari yang selaras dengan apa yang digunakan bagi bukan unit rizab dalam penanggung insurans hayat konvensional dikenali sebagai kaedah rizab sterling.

Andaian yang digunakan adalah selaras dengan apa yang digunakan dalam penilaian dana Tabarru' dan andaian perbelanjaan Pengendali Takaful adalah berdasarkan kajian pengalaman Kumpulan.

##### Pembiayaan untuk Akaun Khas Individu (ISA) dan Akaun Unit Perlindungan (PUA)

Kumpulan menyediakan pembiayaan kepada peserta untuk menyelesaikan caj Tabarru' tertunggak kepada dana takaful keluarga bagi jumlah yang kekurangan dalam dana setiap peserta ISA dan PUA. Peruntukan untuk kerugian kekejasaan dibuat kepada pembiayaan ini dengan menggunakan anggaran nisbah luput bagi sijil-sijil yang terlibat. Berikutan dengan pembiayaan, peruntukan untuk kerugian kekejasaan akan dinyatakan semula sehingga jumlah asal dibekalkan untuk sijil peserta yang menambah kekurangan mereka manakala kekejasaan kerugian dihapus kira bagi sijil / manfaat yang luput.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah digunakan secara konsisten oleh Kumpulan dan Bank, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### (a) Asas penyatuan

#### (i) Subsidiari dan asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Bank dan entiti yang dikawal oleh Bank dan subsidiarinya. Kawalan dicapai apabila Bank :

- Mempunyai kuasa atas penerima pelaburan;
- Terdedah, atau mempunyai hak, pulangan berubah-ubah dari penglibatannya dengan menerima pelaburan; dan
- Mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya untuk memberi kesan kepada pulangan.

Bank menaksir semula sama ada ia mengawal satu penerima pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih tiga unsur kawalan yang disenaraikan di atas.

Apabila Bank mempunyai hak mengundi kurang daripada majoriti di dalam penerima pelaburan, ianya mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan apabila hak mengundinya cukup untuk memberikan kebolehan praktikal dalam mentadbir aktiviti relevan penerima pelaburan secara unilateral. Bank mempertimbangkan semua fakta relevan dan keadaan dalam menaksir sama ada hak mengundi Bank dalam satu penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberi ia kuasa, termasuk :

- saiz pegangan hak mengundi Bank berbanding dengan saiz dan penyerakan pemegang pemegang-pemegang undian yang lain;
- potensi hak mengundi dipegang oleh Bank, pemegang-pemegang undian lain atau pihak lain;
- hak terhasil daripada persetujuan kontrak lain; dan
- mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Bank mempunyai, atau tidak mempunyai, kebolehan untuk mentadbir aktiviti relevan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (a) Asas penyatuan (samb.)

#### (i) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

Penyatuan subsidiari bermula apabila Bank mendapatkan kawalan ke atas subsidiari dan terhenti apabila Bank hilang kawalan terhadap subsidiari itu. Secara khusus, pendapatan dan perbelanjaan dalam subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan di dalam untung atau rugi dari tarikh Bank mendapat kawalan sehingga tarikh Bank berhenti mengawal subsidiari.

Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain diagihkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan. Jumlah pendapatan komprehensif subsidiari diagihkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun menyebabkan keputusan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.

Jika perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari dengan melaraskan polisi perakaunan mereka sejajar dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Semua aset dan liabiliti dalam ahli kumpulan, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga di antara ahli-ahli Kumpulan dihapuskan sepenuhnya semasa penyatuan.

#### Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam subsidiari

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam subsidiari yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan Kumpulan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun bawaan bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan dilaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti pemilikan Bank.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas subsidiari, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi dan dikira sebagai perbezaan di antara :

- (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang kepentingan tertanggung, dan
- (ii) amaun bawaan terdahulu oleh aset (termasuk muhibah) dan liabiliti subsidiari dan sebarang kepentingan bukan kawalan.

Semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain yang berkenaan dengan subsidiari tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau liabiliti yang berkenaan subsidiari (iaitu dikelaskan semula sebagai untung atau rugi dan dipindahkan ke satu lagi kategori ekuiti seperti yang ditetapkan/dibenarkan oleh MFRS). Nilai saksama bagi apa-apa pelaburan tertahan oleh bekas subsidiari pada tarikh apabila kawalan hilang dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal bagi perakaunan berikutnya di bawah MFRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran atau, di mana berkenaan, kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama.

#### Subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari yang dihapuskan semasa penyatuan, dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan, jika ada, dalam penyata kewangan Bank yang berasingan.

#### (ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Keputusan dan aset dan liabiliti syarikat bersekutu diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti, kecuali apabila pelaburan, atau sebahagian daripadanya, diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, di mana ianya akan diambil kira selaras dengan MFRS 5. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan di dalam syarikat bersekutu pada mulanya diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan pada kos dan diselaraskan kemudiannya untuk mengiktiraf Bahagian untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan ke atas syarikat bersekutu. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu melebihi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada amnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu), Kumpulan tidak meneruskan mengiktiraf bahagiannya dalam kerugian. Kerugian tambahan diiktiraf hanya setakat di mana Kumpulan menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (a) Asas penyatuan (samb.)

#### (ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu (samb.)

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh di mana pelaburan menjadi syarikat bersekutu. Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka bersih yang dikenal pasti adalah mewakili muhibah, di mana ia dimasukkan di dalam amun bawaan pelaburan. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti ke atas kos pelaburan, selepas penilaian semula, diiktiraf serta merta di dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana pelaburan tersebut diperoleh.

Keperluan MFRS 139 digunakan untuk menentukan sama ada ia perlu untuk mengiktiraf sebarang penjejasan nilai bagi pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Apabila perlu, keseluruhan amaun bawaan pelaburan (termasuk muhibah) diuji untuk penjejasan mengikut MFRS 136 Penjejasan Aset sebagai aset tersendiri dengan membandingkan amaun boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual) dengan amaun bawaan. Sebarang kerugian penjejasan yang diiktiraf membentuk sebahagian dengan amaun bawaan pelaburan. Sebarang keterbalikan kerugian penjejasan nilai diiktiraf mengikut MFRS 136 setakat mana amaun boleh pulih pelaburan kemudiannya meningkat.

Kumpulan tidak meneruskan penggunaan kaedah ekuiti dari tarikh pelaburan terhenti menjadi syarikat bersekutu atau apabila pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual. Apabila Kumpulan mengekalkan kepentingan dalam bekas syarikat bersekutu dan kepentingan yang dikekalkan adalah aset kewangan, Kumpulan mengukur kepentingan dikekalkan pada nilai saksama pada tarikh tersebut dan nilai saksama adalah dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal mengikut MFRS 139. Perbezaan di antara amaun bawaan syarikat bersekutu pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan, dan nilai saksama sebarang kepentingan dikekalkan dan apa-apa hasil daripada melupuskan sebahagian kepentingan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penentuan keuntungan atau kerugian di atas pelupusan syarikat bersekutu. Di samping itu, Kumpulan akan mengambil kira semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berkenaan dengan syarikat bersekutu sama seperti dasar yang akan disyaratkan jika syarikat bersekutu telah secara langsung melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan. Oleh itu, sekiranya keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain oleh syarikat bersekutu akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti. Kumpulan mengklasifikasikan semula keuntungan atau kerugian daripada ekuiti kepada untung atau rugi (sebagai pelarasan klasifikasi semula) apabila kaedah ekuiti dihentikan.

Kumpulan terus menggunakan kaedah ekuiti apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu menjadi satu pelaburan dalam usahasama. Tidak ada pengukuran semula nilai saksama kepada sebarang perubahan dalam kepentingan pemilikan.

Apabila Kumpulan mengurangkan kepentingan pemilikannya dalam syarikat bersekutu tetapi Kumpulan terus menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan mengklasifikasikan semula kepada untung atau rugi bahagian keuntungan atau kerugian yang sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehubungan dengan pengurangan dalam kepentingan pemilikan jika keuntungan atau kerugian akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Apabila sekumpulan entiti berurusan dengan syarikat bersekutu Kumpulan, untung atau rugi dari urus niaga dengan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan yang disatukan hanya setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu yang tidak berkaitan dengan Kumpulan.

### (b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukar kepada mata wang fungsian setiap entiti dalam Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula diiktiraf dalam untung atau rugi.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (c) Pendapatan faedah dan pembiayaan dan perbelanjaan

Semua instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas dan aset kewangan yang menjana faedah/keuntungan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan dan sekuriti sedia untuk jualan, pendapatan faedah dan pembiayaan dan perbelanjaan diiktiraf di bawah pendapatan faedah, perbelanjaan faedah dan pendapatan bersih bagi perniagaan Perbankan Islam dalam untung atau rugi menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah pengiraan kos aset dan liabiliti kewangan yang dilunaskan dan mengagihkan pendapatan faedah/pembiayaan atau perbelanjaan dalam tempoh yang berkenaan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan atau penerimaan melalui jangka hayat instrumen kewangan atau tempoh yang lebih singkat kepada jumlah bersih amaun bawaan bagi aset atau liabiliti kewangan. Pengiraan ini mengambil kira semua syarat kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa hadapan. Yuran dan kos urus niaga yang ketara adalah penting kepada kadar faedah efektif dan kiraan premium atau diskaun.

Bagi aset kewangan yang terjejas di mana nilai aset kewangan telah dikurangkan akibat kerugian penjejasan, pendapatan faedah/pembiayaan terus diiktiraf menggunakan kadar faedah dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur penjejasan kerugian.

### (d) Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisen

Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisen yang integral untuk kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif ke atas aset atau liabiliti kewangan dimasukkan dalam pengukuran kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif.

Kos sampingan dan pendapatan komisen merangkumi fi servis akaun, fi pengurusan pelaburan, komisen jualan, fi penempatan pinjaman bersindiket diiktiraf selepas perkhidmatan berkaitan dilaksanakan. Apabila komitmen pinjaman tidak dijangka dikeluarkan dari pinjaman, fi komitmen pinjaman berkenaan diiktiraf atas dasar sama rata sepanjang tempoh komitmen tersebut.

Lain-lain fi terutamanya berkaitan dengan urus niaga dan fi perkhidmatan, diambilkira sebagai perbelanjaan apabila perkhidmatan diberikan.

#### Fi wakalah, perbelanjaan komisen dan perbelanjaan pengurusan

Selaras dengan prinsip-prinsip Wakalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan dipersetujui oleh pemegang polisi dan Pengendali Takaful, peratusan yang dipersetujui ke atas sumbangan kasar akan dikenakan oleh dana Pengendali Takaful secara pendahuluan kepada dana takaful am dan takaful keluarga sebagai fi wakalah.

Fi wakalah yang dikenakan oleh dana Pengendali Takaful daripada peserta digunakan untuk membayar semua perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan komisen Pengendali Takaful, yang telah ditanggung bagi pihak dana takaful am dan keluarga. Semua perbelanjaan pengurusan diiktiraf oleh Pengendali Takaful apabila berlaku.

Perbelanjaan komisen, iaitu kos langsung yang telah berlaku untuk memastikan sumbangan ke atas sijil takaful diiktiraf oleh Pengendali Takaful sebagai perbelanjaan dan diperuntukkan sewajarnya dalam tempoh di mana ia berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

### (e) Pendapatan dagangan bersih

Pendapatan dagangan bersih terdiri daripada keuntungan setelah dikurangkan oleh kerugian yang berkaitan dengan aset dan liabiliti dagangan, dan merangkumi semua perubahan nilai saksama yang nyata dan tidak nyata, faedah dan dividen.

### (f) Dividen

Pendapatan dividen daripada subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan lain diiktiraf apabila hak para pemegang saham untuk menerima bayaran telah ditentukan.

### (g) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberikan diiktiraf sebagai sebahagian penting daripada jumlah pendapatan sewa di sepanjang tempoh pajakan. Pendapatan sewa daripada hartanah dipajak yang dipajak semula diiktiraf sebagai pendapatan lain.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (h) Geran kerajaan

Geran kerajaan tidak diiktiraf sehingga terdapat kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan dan Bank akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka dan bahawa geran tersebut akan diterima.

Geran Kerajaan diiktiraf dalam untung atau rugi secara sistematik sepanjang tempoh di mana Kumpulan dan Bank mengiktirafkannya sebagai perbelanjaan kos yang berkaitan di mana geran bertujuan untuk digunakan. Secara amnya, geran kerajaan di mana syarat utama adalah Kumpulan dan Bank perlu membeli, membina atau memperoleh aset bukan semasa diiktiraf sebagai hasil tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dipindahkan kepada untung atau rugi secara sistematik dan rasional ke atas hayat berguna aset tersebut.

Geran kerajaan yang diterima sebagai pampasan untuk perbelanjaan atau kerugian yang bertujuan memberi bantuan kewangan segera kepada Kumpulan dan Bank dengan tiada kos berkaitan masa depan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia dikira akan diterima.

Manfaat daripada pinjaman kerajaan pada kadar faedah di bawah kadar faedah pasaran dianggap sebagai geran kerajaan diukur atas perbezaan di antara perolehan yang diterima dan nilai saksama pinjaman berdasarkan kadar faedah pasaran semasa.

### (i) Pencukaian

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa yang perlu dibayar dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf di dalam untung atau rugi kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa yang perlu dibayar adalah berdasarkan kepada untung atau rugi boleh dikenakan cukai untuk tahun tersebut dan ia dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara di antara amaun bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kewangan dan asas cukai yang digunakan dalam pengiraan keuntungan boleh dikenakan cukai. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara bercukai. Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak; kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga tahap di mana keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia dan perbezaan sementara yang boleh ditolak boleh digunakan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusan niaga yang bukan penggabungan perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dipakai dalam tempoh di mana liabiliti dilangsaikan atau aset direalisasikan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan. Pengukuran liabiliti dan aset cukai tertunda mencerminkan kesan cukai seperti mana Kumpulan dan Bank menjangkakan pada akhir tempoh pelaporan, untuk memperoleh atau melangsaikan amaun bawaan aset dan liabilitinya.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda dinilai semula pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset tersebut diperolehi semula.

### (j) Instrumen-instrumen kewangan

#### (a) Pengiktirafan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset dan liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama. Kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan akan ditambah atau ditolak (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi).

#### (b) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian darinya hanya dinyahiktiraf apabila hak kontraktual aliran tunai dari aset kewangan tersebut berakhir atau dipindahkan kepada pihak lain tanpa kawalannya dikekalkan atau sebahagian besar manfaat dan risiko terhadap aset kewangan tersebut dipindahkan. Ketika penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara amaun bawaan aset dan jumlah pertimbangan telah diterima (termasuk apa-apa aset baru yang baru diperolehi dikurangkan dengan sebarang liabiliti baru yang dianggarkan) dan apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (j) Instrumen-instrumen kewangan (samb.)

#### (b) Penyahiktirafan (samb.)

Liabiliti kewangan atau sebahagian darinya hanya dinyahiktiraf apabila obligasi kontrak telah dilucutkan atau dibatalkan atau cukup tempoh. Semasa liabiliti kewangan dinyahiktiraf perbezaan diantara amaun bawaan liabiliti kewangan dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan jumlah pertimbangan yang dibayar termasuk apa-apa aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti dianggarkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### (c) Ofsetting

Aset dan liabiliti kewangan diofset dan amaun bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak undang-undang untuk ofset amaun diiktiraf dengan hasrat samada untuk menyelesaikan secara asas bersih atau merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti secara serentak.

Pendapatan dan perbelanjaan dibentangkan secara asas bersih hanya jika dibenarkan di bawah MFRSs, atau untuk keuntungan dan kerugian yang timbul dari kumpulan urus niaga yang sama seperti dalam aktiviti perdagangan Kumpulan dan Bank.

#### (d) Kaedah faedah efektif

Kadar faedah efektif adalah kaedah pengiraan/pelunasan kos bagi instrumen hutang, liabiliti kewangan dan pembahagian faedah pendapatan bagi tempoh yang berkenaan. Kaedah faedah efektif adalah kadar pendiskaunan anggaran penerimaan tunai masa hadapan melalui jangka tempoh hayat aset dan liabiliti kewangan atau (jika bersesuaian) tempoh lebih pendek, kepada amaun bawaan bersih pada pengiktirafan awal.

#### (e) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan

Pada akhir tempoh laporan Kumpulan dan Bank mentaksir samada wujud bukti objektif di mana aset kewangan yang tidak dinilai pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset Kewangan terjejas apabila bukti objektif mempamerkan peristiwa kerugian yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut, dan peristiwa kerugian memberi kesan ketara ke atas aliran tunai aset yang boleh dianggar secara munasabah.

Bukti objektif bahawa aset kewangan (termasuk sekuriti-sekuriti ekuiti) terjejas boleh merangkumi kesukaran kewangan yang signifikan bagi peminjam atau penerbit; keingkaran atau pengabaian oleh peminjam; penstrukturan semula terma pinjaman atau pendahuluan di mana Kumpulan dan Bank sebaliknya tidak akan mempertimbangkan; petunjuk bahawa peminjam atau penerbit akan mengalami kemuffisan; hilang daripada pasaran aktif untuk sekuriti; atau data lain yang boleh diperhatikan berkaitan dengan sekumpulan aset seperti perubahan yang bertentangan dengan status pembayaran peminjam atau penerbit dalam kumpulan; atau keadaan ekonomi yang berkait dengan keingkaran kumpulan tersebut. Sebagai tambahan untuk pelaburan dalam sekuriti ekuiti, pengurangan yang ketara atau berpanjangan di dalam nilai saksama di bawah kos ialah bukti yang objektif kejejasan nilai.

#### (i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank mengambilkira bukti kejejasan nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada tahap kolektif. Kesemua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dinilai kejejasan secara khusus. Jika semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya signifikan dan didapati tidak mengalami kejejasan secara khusus akan dinilai secara kolektif untuk kejejasan yang telah berlaku tetapi belum dikenalpasti.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak signifikan dinilai secara kolektif untuk kejejasan dengan mengklaskan bersama pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut ciri-ciri risiko yang serupa.

Di dalam menilai kejejasan kolektif Kumpulan dan Bank menggunakan tren permodelan statistik sejarah bagi tren kebarangkalian, keingkaran, masa pemulihan dan jumlah kerugian yang berlaku. Hanya dilaraskan oleh pertimbangan pengurusan samada kedudukan kredit dan ekonomi semasa menyebabkan kerugian melebihi atau berkurangan daripada yang dicadangkan oleh permodelan sejarah (historical modelling). Kadar keingkaran, kadar kerugian dan jangkaan pemulihan masa depan ditanda aras berasaskan keputusan sebenar untuk memastikan ia terus bersesuaian.

Kerugian terkumpul yang telah diklasifikasikan semula dari pendapatan komprehensif lain kepada untung atau rugi ialah perbezaan antara harga perolehan (setelah dikurangkan pembayaran balik prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (yang dikurangkan sebarang kerugian kejejasan sebelumnya yang telah diiktiraf dalam untung atau rugi).

Apabila peristiwa berikutan menyebabkan jumlah kerugian kejejasan nilai menurun, penurunan dalam kerugian kejejasan akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (j) Instrumen-instrumen kewangan (samb.)

#### (e) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan (samb.)

##### (i) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (samb.)

Kerugian kejejasan atas aset yang dibawa pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Kerugian kejejasan diiktiraf di dalam untung atau rugi dan dinyatakan dalam akaun elaun atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Faedah dan untung ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang terjejas akan diiktiraf melalui 'unwinding' diskaun.

Perubahan dalam peruntukan kejejasan ke atas nilai masa adalah digambarkan sebagai komponen pendapatan faedah/pembiayaan.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai terjejas apabila prinsipal atau faedah/untung atau kedua-duanya tertunggak untuk tempoh 90 hari ke atas atau tertunggak kurang daripada itu tetapi disokong oleh tanda kelemahan kredit pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Untuk mengukuhkan lagi penamparan terhadap potensi kerugian kredit, Kumpulan dan Bank telah mengekalkan, dalam agregat, peruntukan penjejasan kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman/pembiayaan (tidak termasuk pinjaman/pembiayaan dengan jaminan eksplisit daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia), selepas ditolak peruntukan kejejasan nilai individu seperti yang disyaratkan oleh BNM melalui surat rujukan JDPK/8808/13/05/01 diterbitkan pada 4 Februari 2014.

##### (ii) Pelaburan sekuriti dipegang hingga matang

Bagi sekuriti dibawa pada kos dilunaskan yang mana terdapat bukti objektif kejejasan, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal sekuriti. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi. Faedah di atas pelaburan sekuriti dipegang hingga matang yang terjejas diiktiraf secara berterusan melalui 'unwinding' diskaun.

Penarikbalikan kerugian kejejasan diiktiraf apabila penurunan secara objektif boleh dikaitkan kepada satu peristiwa yang berlaku selepas kejejasan diiktiraf, sehingga tahap amaun bawaan sekuriti tidak melebihi kos dilunaskan apabila tiada kejejasan diiktiraf. Penarikbalikan kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Untuk sekuriti dibawa pada kos, kerugian kejejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang sama. Amaun kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan kerugian kejejasan sedemikian tidak boleh ditarik balik selepas pengiktirafannya. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira pelaburan sekuriti dipegang hingga matang apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip semula.

##### (iii) Pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan

Bagi sekuriti tersedia untuk jualan yang mana terdapat bukti kejejasan yang jelas, kerugian kejejasan terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti akan dipindahkan daripada ekuiti kepada untung atau rugi, walaupun sekuriti belum dinyahiktiraf. Kerugian kejejasan terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan (selepas sebarang pembayaran balik prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (ditolak sebarang kerugian kejejasan yang sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi).

Kerugian kejejasan ke atas pelaburan dalam instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan tidak akan dibalikkan selepas pengiktirafannya. Penarikbalikan kerugian kejejasan ke atas instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif jika peningkatan dalam nilai saksama secara objektif boleh dikaitkan dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kejejasan dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kerugian kejejasan bagi pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan diiktiraf melalui pemindahan kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengklasifikasian semula. Apabila peristiwa berikutan menyebabkan jumlah kerugian kejejasan nilai menurun, penurunan dalam kerugian kejejasan akan dilaraskan semula melalui untung atau rugi.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (j) Instrumen-instrumen kewangan (samb.)

#### (e) Pengenalpastian dan pengukuran kejejasan (samb.)

##### (iii) Pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan (samb.)

Jika dalam tempoh berikutnya nilai saksama bagi sekuriti hutang tersedia untuk jualan yang telah terjejas meningkat dan peningkatan tersebut secara objektifnya dapat dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kejejasan telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian kejejasan dilaraskan semula dengan amaun pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagaimanapun, sebarang bayaran balik pelaburan sekuriti ekuiti tersedia untuk jualan pada nilai saksama yang terjejas diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kumpulan dan Bank akan menghapuskira pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dikutip.

#### (f) Penandaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank telah ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dalam keadaan-keadaan berikut :

- i) Aset atau liabiliti diurus, dinilai dan dilaporkan secara dalaman berasaskan nilai saksama.
- ii) Penandaan ini menyingkirkan atau mengurangkan secara signifikan suatu perbezaan perakaunan yang mungkin wujud.
- iii) Aset atau liabiliti mengandungi derivatif terbenam yang secara signifikan mengubah aliran tunai yang mungkin diperlukan di dalam kontrak tersebut.

Nota 33 menunjukkan jumlah bagi setiap kelas aset atau liabiliti kewangan yang telah ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Penjelasan kepada asas untuk setiap penandaan seperti di dalam nota setiap aset atau liabiliti kelas yang berkenaan.

#### (g) Kejejasan aset dan liabiliti bukan kewangan

Amaun bawaan bagi aset dan liabiliti bukan kewangan Kumpulan dan Bank dikaji semula pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk kejejasan. Jika terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun boleh-pulih aset dianggarkan dan kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan dan Bank.

Dasar tentang kejejasan aset-aset dan liabiliti-liabiliti bukan kewangan diringkaskan seperti berikut :

##### Aset-aset lain

Aset-aset lain seperti hartanah, loji dan kelengkapan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dikaji semula untuk petunjuk kejejasan yang objektif pada akhir setiap tempoh pelaporan atau apabila terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset ini mungkin terjejas. Jika terdapat petunjuk sedemikian, kerugian kejejasan ditentukan sebagai lebih daripada nilai bawaan aset mengatasi amaun boleh pulihnya (yang lebih besar antara nilai dalam kegunaan atau nilai saksama tolak kos untuk dijual) dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang penarikbalikan kerugian kejejasan untuk aset-aset ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun bawaan dinaikkan kepada amaun boleh-pulih setelah semakan, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya dibawa (bersih selepas pelunasan atau susutnilai) jika tiada kerugian kejejasan diiktiraf untuk aset-aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

#### (k) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai, baki bank dan deposit di bank-bank dan institusi kewangan lain.

#### (l) Aset dan liabiliti dagangan

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dagangan ialah aset dan liabiliti yang diperolehi oleh Kumpulan dan Bank dengan tujuan utamanya untuk dijual atau dibeli kembali dalam tempoh terdekat atau dipegang sebagai sebahagian daripada portfolio yang dikendalikan bersama untuk keuntungan jangka pendek atau untuk tujuan peletakan.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (l) Aset dan liabiliti dagangan (samb.)

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada awalnya diiktiraf dan seterusnya diukur pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan, dengan kos transaksi yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua perubahan nilai saksama diiktiraf sebagai sebahagian daripada pendapatan dagangan bersih dalam untung atau rugi. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dagangan tidak boleh diklasifikasikan semula selepas pengiktirafan awal, kecuali aset dagangan bukan derivatif, melainkan yang ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ketika pengiktirafan awal, kemungkinan boleh diklasifikasikan semula dari kategori nilai saksama melalui untung atau rugi (iaitu dagangan) sekiranya ianya tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau belian kembali dalam tempoh terdekat dan keadaan-keadaan berikut ini dipenuhi :

- i) Jika aset kewangan telah memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima (jika aset kewangan tidak diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dagangan pada ketika pengiktirafan awal) maka ianya mungkin boleh diklasifikasikan semula sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan itu untuk masa depan atau sehingga matang.
- ii) Jika aset tidak memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima, maka ianya mungkin diklasifikasikan semula daripada kategori dagangan hanya dalam 'keadaan-keadaan yang jarang berlaku'.

### (m) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran-bayaran telah ditetapkan dan boleh ditentukan dan tidak disiar di pasaran aktif dan Kumpulan dan Bank tidak berhasrat untuk menjual serta merta atau dalam tempoh terdekat.

Apabila Kumpulan dan Bank ialah pemberi pajak dalam perjanjian pajakan yang memindahkan sebahagian besar ganjaran dan risiko yang berkaitan dengan pemilikan aset kepada penerima pajak, perjanjian itu diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dan belum terima yang bersamaan pelaburan bersih di dalam pajakan tersebut diiktiraf dan dibentangkan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan dengan serentak membuat perjanjian untuk menjual semula aset (atau aset-aset yang sebahagian besar ialah aset-aset yang sama) pada harga tetap pada tarikh hadapan ("reverse repo or stock borrowing"), perjanjian ini diambilkira sebagai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan aset pendasar tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos langsung transaksi dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif, kecuali Kumpulan dan Bank memilih untuk mengklaskan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi seperti yang dijelaskan di Nota 2(j).

### (n) Pelaburan sekuriti

Pelaburan sekuriti pada awalnya diukur pada nilai saksama, dalam kes di mana pelaburan sekuriti tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, tambahan kos transaksi langsung dan seterusnya diakaunkan bergantung kepada klasifikasi samada dipegang hingga matang, nilai saksama melalui untung atau rugi atau tersedia untuk jualan.

Pelaburan sekuriti Kumpulan dan Bank diklasifikasikan menurut kategori berikut, bergantung kepada tujuan sekuriti tersebut diperoleh.

#### (i) Dipegang hingga matang

Pelaburan dipegang hingga matang ialah aset bukan derivatif dengan bayaran balik tetap dan boleh ditentukan serta mempunyai tarikh kematangan tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat positif dan kemampuan untuk memegang sehingga matang dan tidak ditanda pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk jualan.

Sekuriti dipegang hingga matang dibawa pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah kadar efektif. Jualan atau klasifikasi semula amaun yang signifikan bagi sekuriti dipegang hingga matang akan menyebabkan pengklasifikasian semula semua sekuriti dipegang hingga matang sebagai sekuriti tersedia untuk jualan. Ini juga akan juga menghalang Kumpulan dan Bank dari mengklasifikasikan sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun semasa dan dua tahun kewangan berikutnya. Bagaimanapun, penjualan dan klasifikasi semula dalam sebarang keadaan berikut tidak akan mencetuskan kepada klasifikasi semula seperti berikut :

- a) Jualan atau klasifikasi semula yang menghampiri kematangan dan perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap nilai saksama aset kewangan tersebut.
- b) Jualan atau klasifikasi semula selepas Kumpulan dan Bank membuat kutipan sebahagian besar prinsipal asal aset.
- c) Jualan atau pengklasifikasian semula yang berkaitan dengan peristiwa yang terpencil dan tidak berulang dan di luar kawalan Kumpulan dan Bank dan ianya tidak dapat dijangka secara munasabah.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (n) Pelaburan sekuriti (samb.)

#### (i) Dipegang hingga matang (samb.)

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai tujuan dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Saham yang tidak disebut harga dalam organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan sosioekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil penstrukturan semula pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau pertukaran pinjaman yang tidak mempunyai harga pasaran disiar dalam pasaran aktif dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos ditambah/dilunaskan berasaskan kaedah kadar hasil efektif, ditolak kejejasan, sekiranya ada. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan kejejasan serta keuntungan atau kerugian yang timbul akibat penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Sebarang jualan daripada pengklasifikasian semula bagi jumlah signifikan sekuriti dipegang hingga matang yang jauh dari kematangannya akan menyebabkan pengklasifikasian semula semua sekuriti dipegang hingga matang kepada sekuriti tersedia untuk jualan dan menghalang Kumpulan dan Bank daripada mengklasifikasikan sekuriti bagi kelas yang sama sebagai sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun kewangan semasa dan dua tahun berikutnya.

#### (ii) Nilai saksama melalui untung atau rugi

Kumpulan dan Bank menandakan sebahagian pelaburan sekuriti pada nilai saksama, dengan perubahan nilai saksama diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan.

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya aset kewangan ini diperoleh terutamanya untuk tujuan mendapat manfaat daripada pergerakan harga jangka pendek sebenar atau jangkaan atau untuk mengunci untung arbitraj. Sekuriti dipegang untuk dagangan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksamanya dan penyahiktirafan sekuriti dipegang untuk dagangan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama sekuriti dipegang untuk dagangan yang disebut harga diperoleh daripada harga bida pasaran.

#### (iii) Pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan

Sekuriti tersedia untuk jualan ialah pelaburan-pelaburan bukan derivatif yang mana telah ditanda sebagai tersedia untuk jualan atau tidak diklasifikasikan sebagai kategori aset kewangan yang lain-lain. Sekuriti ekuiti tidak disebut harga yang mana nilai saksamanya tidak dapat diukur secara munasabah dibawa pada kos. Semua sekuriti tersedia untuk jualan dibawa pada nilai saksama.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung atau rugi apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak kepada dividen. Keuntungan atau kerugian bagi sekuriti hutang pelaburan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Perubahan nilai saksama yang lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti dijual atau terjejas, di mana keuntungan dan kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengklasifikasian semula.

Aset kewangan bukan derivatif mungkin akan diklasifikasikan semula daripada kategori aset tersedia untuk jualan kepada kategori pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima jika memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima dan jika Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan untuk masa depan atau sehingga matang.

Sebarang keuntungan atau kerugian akibat perubahan dalam nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan itu dijual, dipungut, dilupakan atau terjejas nilai, yang pada masa itu, keuntungan atau kerugian terkumpul yang dahulunya diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan ke untung atau rugi.

### (o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika keputusan peristiwa lepas Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif masa kini yang boleh dianggar dengan pasti dan berkemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Peruntukan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa depan pada kadar pra cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan jika sesuai risiko dikhusus kepada liabiliti. diskaun 'unwinding' diiktiraf sebagai kos kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (o) Peruntukan (samb.)

#### Kontrak yang membebankan

Peruntukan untuk kontrak yang membebankan diiktiraf apabila manfaat yang akan diperolehi oleh Kumpulan dan Bank daripada kontrak adalah lebih rendah daripada kos yang tidak dapat dielakkan bagi memenuhi obligasi di bawah kontrak tersebut. Peruntukan diukur pada nilai kini anggaran kos penamatan kontrak dan kos jangkaan bersih meneruskan kontrak yang lebih rendah. Sebelum peruntukan disahkan, Kumpulan dan Bank mengiktiraf sebarang kerugian ke atas aset yang berkaitan dengan kontrak tersebut.

#### Peruntukan fi wakalah

Peruntukan untuk fi wakalah dibuat bagi merekodkan jangkaan kerugian-kerugian tertentu masa depan kepada dana pemegang saham hasil daripada perkhidmatan bagi perjanjian polisi individu dengan peserta.

#### (i) Produk sumbangan tunggal

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai kini aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan masa depan.

#### (ii) Produk-produk lain

Peruntukan dianggar berdasarkan aliran tunai bersih masa depan didiskaunkan kepada Pengendali Takaful menggunakan kaedah aktuari konsisten dengan yang telah digunakan untuk pembalikan bukan unit di dalam pemilik insuran nyawa konvensional yang dipanggil metodologi rizab 'sterling'.

Anggaran yang digunakan konsisten dengan yang digunakan dalam penilaian dana tabaru' dan andaian belanja Pengendali Takaful adalah berasaskan pada kajian Pengendali Takaful.

#### Rizab penyamaan keuntungan ('PER') untuk Skim Perbankan Islam ('SPI')

Rizab penyamaan keuntungan bagi bahagian pemegang pelaburan diklasifikasikan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos dan agihan seterusnya diiktiraf dalam untung atau rugi.

Rizab penyamaan keuntungan bagi bahagian Kumpulan dan Bank diklasifikasikan sebagai rizab lain dalam ekuiti dan daripada pembahagian berikutnya dan diagihkan kepada pendapatan tertahan seterusnya diambilkira dalam pindahan antara rizab.

Penggunaan rizab tersebut tidak boleh dibentangkan sebagai peningkatan pendapatan dalam penyata kewangan tetapi sebagai aliran keluar dana dari penyelesaian obligasi kepada pemegang akaun pelaburan.

### (p) Luar jangka

#### (i) Liabiliti luar jangka

Jika wujud kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi yang tidak akan diperlukan atau amaunnya tidak dapat dianggar pasti, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan wujudnya obligasi hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan, juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

Jika Kumpulan atau Bank mengikat kontrak jaminan kewangan untuk menjamin keberhutangan pihak lain, maka Kumpulan atau Bank menganggap ini sebagai aturan insurans dan ia diambilkira sebagai sedemikian. Sehubungan itu, Kumpulan atau Bank menganggap kontrak jaminan sebagai liabiliti luar jangka sehingga ke suatu masa Kumpulan atau Bank berkemungkinan perlu membuat pembayaran di bawah jaminan tersebut.

#### (ii) Aset luar jangka

Apabila wujud kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi atau amaunnya tidak boleh dianggar pasti, aset tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai aset luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan wujudnya obligasi ianya akan hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan, ianya juga didedahkan sebagai aset luar jangka melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaaat ekonomi adalah tipis.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (q) Aset lain belum terima

Aset-aset lain yang belum terima pada awalnya diiktiraf pada kos apabila hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain disahkan.

Lanjutan kepada pengiktirafan awal, aset-aset lain yang belum terima dinyatakan pada kos tolak kejejasan.

Aset-aset yang belum diterima tidak dipegang untuk tujuan dagangan.

Hutang lapuk yang diketahui untuk perniagaan Takaful dihapuskan dan elaun-elaun khusus dibuat untuk sebarang premium belum jelas atau baki insurans semula yang masih belum berbayar lebih daripada 90 hari atau 3 bulan dari tarikh ianya menjadi belum terima dan untuk semua hutang yang dianggap terjejas.

### (r) Hartanah, loji dan kelengkapan

#### (i) Pengiktirafan dan ukuran

Butiran hartanah, loji dan kelengkapan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kejejasan. Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung disebabkan oleh pemerolehan aset tersebut. Kos aset yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan pekerja langsung, sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan memulihkan tapak di mana hartanah, loji dan kelengkapan ditempatkan. Perisian yang dibeli yang merupakan sebahagian penting dalam memastikan aset berkaitan dapat berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Bagi hartanah, loji dan kelengkapan yang telah disusutnilai sepenuhnya disusutnilai mengikut jangka hayatnya tetapi masih diperoleh manfaat ekonominya, dinilai berasaskan nilai saksama pada akhir tahun kewangan.

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia diambilkira sebagai butiran berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan kelengkapan. Termasuk dalam hartanah, loji dan kelengkapan ialah pajakan kewangan yang dikenalpasti sekiranya ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

#### (ii) Pengelasan semula ke pelaburan hartanah

Apabila kegunaan sesuatu harta berubah daripada penghuni sendiri kepada pelaburan hartanah, harta tersebut diukur pada kos dan diklasifikasikan semula sebagai pelaburan hartanah.

#### (iii) Kos berikutan

Kos untuk menggantikan bahagian sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun dibawa bagi butiran tersebut jika ada kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan Bank dan kosnya boleh diukur pasti. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam untung atau rugi bila berlaku.

#### (iv) Susutnilai

Susutnilai diiktiraf dalam untung atau rugi atas asas garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat setiap bahagian sesuatu butiran hartanah, loji dan kelengkapan. Aset pajakan disusutnilai di sepanjang tempoh yang lebih pendek antara tempoh pajakan dengan jangka hayat hartanah, loji dan kelengkapan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilai. Hartanah, loji dan kelengkapan dalam pembinaan tidak disusutnilai sehingga aset tersebut tersedia untuk tujuan penggunaannya.

Anggaran jangka hayat untuk tempoh semasa dan perbandingan seperti berikut :

• bangunan	50 tahun
• loji dan peralatan	5 - 7 tahun
• perabot dan kelengkapan	5 - 7 tahun
• komponen utama	25 - 30 tahun
• kenderaan bermotor	5 - 7 tahun
• pengubahsuaian	7 tahun

Amaun susutnilai ditentukan selepas menolak nilai sisa. Kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai sisa dinilai semula pada akhir setiap tempoh pelaporan.

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (r) Hartanah, loji dan kelengkapan (samb.)

#### (iv) Susutnilai (samb.)

Sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangka timbul dari penggunaan aset tersebut di masa hadapan dari penggunaan berterusan. Sebarang untung atau rugi terhasil semasa pelupusan atau persaraan hartanah, loji dan kelengkapan ditentukan sebagai perbezaan antara hasil jualan dan amaun dibawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

### (s) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah harta yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajak untuk memperoleh pendapatan sewaan atau untuk menambah nilai modal atau untuk kedua-duanya. Ini termasuk tanah dipegang untuk kegunaan masa depan yang belum ditentukan buat masa kini. Harta yang diduduki oleh entiti dalam Kumpulan dan Bank diambilkira sebagai diduduki sendiri dan bukan sebagai pelaburan hartanah.

Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian kejejasan adalah selaras dengan dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan kelengkapan seperti yang dinyatakan dalam nota dasar perakaunan.

Susutnilai dicaj kepada untung atau rugi atas asas garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat antara 25 hingga 50 tahun.

### (t) Tanah pegangan pajak/Pajakan prabayar

Tanah pegangan pajak yang biasanya mempunyai hayat ekonomi tidak terhad dan yang hak miliknya tidak mungkin akan berpindah kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat sebaik sahaja memasuki atau memperoleh tanah pegangan pajak diambilkira sebagai bayaran pajakan prabayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan menurut corak manfaat yang diperuntukkan kecuali untuk tanah pegangan pajak yang diklasifikasikan sebagai pelaburan hartanah.

### (u) Deposit daripada pelanggan

Deposit daripada pelanggan dinyatakan pada nilai peletakan dan diselaraskan untuk faedah terakru.

### (v) Pengiktirafan faedah/untung, pembiayaan dan belanja berkaitan

Faedah perbelanjaan dan keuntungan yang diagihkan (termasuk aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perniagaan SPI) ke atas deposit-deposit dan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan dan Bank diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

### (w) Manfaat pekerja

#### (i) Manfaat jangka pendek

Obligasi manfaat pekerja jangka pendek dari segi gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur atas asas tidak didiskaunkan dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan disediakan.

Peruntukan diiktiraf bagi amaun yang dijangka akan dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek jika Kumpulan dan Bank mempunyai perundangan semasa atau obligasi konstruktif untuk membayar amaun ini kesan daripada perkhidmatan lepas yang diberikan oleh pekerja dan obligasi ini boleh dijangka pasti.

#### (ii) Pelan Persaraan Negara

Sumbangan Kumpulan dan Bank kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dicaj kepada untung atau rugi dalam tahun ianya berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan dibuat, Kumpulan dan Bank tiada lagi obligasi bayaran selanjutnya.

#### (iii) Pelan manfaat tertakrif

Kumpulan dan Bank mengendalikan sebuah skim manfaat persaraan tanpa dana dan tiada sumbangan bagi pekerjaanya yang layak. Di bawah skim ini, pesara yang layak akan mendapat pembayaran balik caj perubatan tertentu yang ditanggung selepas persaraan. Peruntukan faedah persaraan di buat berdasarkan penilaian aktuari yang dilaksanakan pada akhir setiap tempoh pelaporan oleh aktuari kerajaan dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjur. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada 31 Disember 2013.

Pengukuran semula yang terdiri daripada keuntungan dan kerugian aktuari, kesan perubahan kepada siling aset (jika berkenaan) dan pulangan ke atas pelan (tidak termasuk faedah) ditunjukkan dengan serta merta di dalam penyata kedudukan kewangan dengan caj atau kredit diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dalam tempoh di mana ia berlaku.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

#### (w) Manfaat pekerja (samb.)

##### (iii) Pelan manfaat tertakrif (samb.)

Pengukuran semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain ditunjukkan serta merta dalam perolehan tertahan dan tidak akan diklasifikasikan kepada untung atau rugi. Kos perkhidmatan yang lepas diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh pindaan pelan. Faedah bersih diambil kira dengan menggunakan kadar diskaun kepada manfaat pada awal tempoh kepada liabiliti atau aset bersih. Kos manfaat tertakrif dikategorikan sebagai berikut :

- (i) Kos perkhidmatan (termasuk kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan yang lepas dan keuntungan dan kerugian ke atas pengurangan dan pembayaran);
- (ii) Perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih; dan
- (iii) Pengukuran semula.

Kumpulan dan Bank membentangkan dua komponen pertama kos manfaat tertakrif dalam untung atau rugi di bawah kos kakitangan.

Obligasi manfaat persaraan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan mewakili defisit atau lebih sebenar dalam pelan manfaat tertakrif Kumpulan dan Bank. Sebarang lebihan terhasil daripada pengiraan ini adalah terhad kepada nilai kini manfaat ekonomi yang boleh didapati dalam bentuk bayaran balik daripada pelan atau pengurangan caruman masa hadapan kepada pelan.

Liabiliti bagi manfaat penamatan diiktiraf pada awal apabila entiti tidak dapat lagi menarik balik tawaran manfaat penamatan dan apabila entiti mengiktiraf sebarang kos berkaitan penstrukturan semula.

#### (iv) Manfaat pemberhentian kontrak kerja

Manfaat penamatan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila Kumpulan dan Bank komited dengan ketara tanpa kemungkinan realistik untuk menarik balik kepada pelan terperinci rasmi samada menamatkan penggajian sebelum tarikh persaraan biasa atau untuk menyediakan manfaat-manfaat penamatan kesan daripada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian secara sukarela. Manfaat penamatan sukarela diiktiraf jika Kumpulan dan Bank membuat tawaran menggalakkan sukarela yang kemungkinan tawaran itu akan diterima dan bilangan penerimaan boleh dijangka pasti. Jika manfaat pemberhentian yang dibayar lebih daripada 12 bulan selepas tempoh laporan, maka ia akan didiskaunkan kepada nilai kini.

#### (x) Dana takaful am

Hasil penanggungjanaan takaful am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira takaful semula, komisen, sumbangan tidak terperoleh dan tuntutan tertanggung.

##### (i) Pendapatan sumbangan

Sumbangan diiktiraf dalam tahun kewangan merujuk kepada andaian risiko sepanjang tahun kewangan berkenaan berasaskan tarikh permulaan caruman. Caruman takaful semula diiktiraf dalam tahun kewangan seperti sijil asal berkaitan dengan takaful semula.

##### (ii) Rizab sumbangan belum diperoleh

Rizab sumbangan belum diperoleh ('Unearned Contribution Reserves') merupakan bahagian sumbangan bersih sijil takaful yang ditanggungjamin berkaitan dengan sijil belum tamat tempoh pada akhir tempoh kewangan.

Kaedah 1/365 digunakan bagi semua perniagaan takaful am di dalam Malaysia. Rizab ini dikurangkan dengan peratus komisen perniagaan langsung kasar yang diambilkira dan tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan memeriksa risiko belum tamat tempoh dan menjalankan ujian kecukupan liabiliti untuk menentukan sama ada terdapat sebarang lebihan keseluruhan tuntutan yang dijangka dan kos pemerolehan tertunda atas premium tidak diperoleh. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa aliran tunai masa hadapan (dengan mengambil pertimbangan nisbah kerugian semasa) selepas mengambilkira pulangan pelaburan dijangka yang wujud daripada aset yang berkaitan dengan peruntukan teknikal takaful am yang relevan. Sekiranya anggaran ini menunjukkan bahawa amaun bawaan untuk caruman tidak diperoleh ditolakkan kos pemerolehan tertunda yang tidak mencukupi, kekurangan itu diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menetapkan peruntukan kecukupan liabiliti.



# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (x) Dana takaful am (samb.)

#### (iii) Peruntukan untuk tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan diiktiraf untuk perniagaan insurans langsung. Amaun tuntutan ialah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan belanja berkaitan dikurangkan bayaran balik untuk menjelaskan obligasi semasa tarikh penyata kedudukan kewangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, bersama dengan belanja berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilapor pada tarikh penyata kedudukan kewangan menggunakan kaedah penganggaran matematik oleh aktuari berkelayakan Kumpulan.

### (y) Dana takaful keluarga

Dana takaful keluarga diselenggara selaras dengan keperluan Akta Takaful, 1984 (dimansuhkan pada 30 Jun 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (berkuatkuasa pada 30 Jun 2013), dan termasuk liabiliti aktuari, wang benih (jika berkenaan) dan akaun peserta.

Akaun peserta terdiri daripada lebih terkumpul yang boleh diagihkan kepada peserta ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan lebih tidak diperuntukkan dana takaful Keluarga oleh aktuari bertauliah Kumpulan, nilai aset bersih boleh agih kepada pemegang unit dan rizab lain yang berkenaan. Sebarang defisit aktuari dalam dana takaful keluarga akan dicukupkan oleh Pengendali Takaful melalui pinjaman ihsan atau Qard. Lebih yang boleh diagihkan kepada para peserta ditentukan selepas ditolak tuntutan / manfaat yang dibayar dan perlu dibayar, takaful semula, peruntukan, rizab, komisen, perbelanjaan pengurusan, serta pembayaran balik Qard, jika ada, dan dibahagikan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Kumpulan.

#### (i) Pendapatan sumbangan

Sumbangan diiktiraf sebaik sahaja amaun sumbangan boleh diukur pasti.

##### Perniagaan berkaitan dengan pelaburan

Pendapatan sumbangan pertama diiktiraf berasaskan andaian risiko dan sumbangan berikutan yang diiktiraf atas dasar tunai. Risiko berikutan diandaikan berasaskan kecukupan unit bagi peserta.

##### Perniagaan tak berkaitan

Pendapatan sumbangan pertama diiktiraf daripada tarikh awal dan sumbangan berikutnya diiktiraf apabila tamat tempoh. Pada akhir tahun kewangan, semua sumbangan tamat tempoh diakaunkan sehingga ianya dapat diukur pasti.

#### (ii) Perniagaan berkaitan pelaburan

Pelaburan dalam perniagaan berkaitan pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Sebarang peningkatan atau penurunan dalam nilai pelaburan diambilkira dalam untung atau rugi.

#### (iii) Peruntukan untuk tuntutan

Tuntutan dan kos penyelesaian yang bertanggung dalam tempoh kewangan diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau kumpulan diberitahu.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan yang timbul daripada sijil takaful keluarga, termasuk kos penyelesaian tolak pemulihan retakaful, diambil kira menggunakan kaedah mengikut kes dan untuk tujuan ini, manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil takaful keluarga diiktiraf seperti berikut :

- a) Kematangan atau bayaran manfaat takaful yang lain yang perlu dibayar pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh tamat tempoh.
- b) Kematian serahan dan manfaat lain tanpa tarikh tamat tempoh dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh penerimaan maklumat penamatan akibat kematian peserta atau berlakunya hal luar jangka yang dilindungi.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 3. TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Tunai di tangan dan baki di bank-bank dan lain-lain institusi kewangan	684,206	463,314	625,384	423,447
Wang panggilan, deposit dan penempatan yang matang dalam tempoh sebulan	1,717,770	964,463	1,692,660	915,480
	<b>2,401,976</b>	<b>1,427,777</b>	<b>2,318,044</b>	<b>1,338,927</b>

### 4. SEKURITI PELABURAN

	NOTA	KUMPULAN		BANK	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Sekuriti pelaburan melalui untung atau rugi	4 (a)	140,974	99,996	8,009	8,703
Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang	4 (b)	8,427,010	8,151,054	8,427,010	8,151,054
Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan	4 (c)	1,525,887	1,123,794	1,525,887	1,123,794
		<b>10,093,871</b>	<b>9,374,844</b>	<b>9,960,906</b>	<b>9,283,551</b>

#### (a) Sekuriti pelaburan melalui untung atau rugi

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<u>Instrumen Pasaran Wang :</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	18,472	6,507	–	–
	<b>18,472</b>	<b>6,507</b>	<b>–</b>	<b>–</b>
<u>Sekuriti disebuttharga di Malaysia :</u>				
Saham	8,009	8,703	8,009	8,703
	<b>8,009</b>	<b>8,703</b>	<b>8,009</b>	<b>8,703</b>
<u>Sekuriti tak disebuttharga di Malaysia :</u>				
Sekuriti Hutang Islam	114,493	84,786	–	–
	<b>114,493</b>	<b>84,786</b>	<b>–</b>	<b>–</b>
	<b>140,974</b>	<b>99,996</b>	<b>8,009</b>	<b>8,703</b>

#### Pada nilai saksama melalui untung atau rugi

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Bon-bon kerajaan	18,472	6,507	–	–
Bon-bon korporat	114,493	84,786	–	–
Saham	8,009	8,703	8,009	8,703
Pelaburan sekuriti hutang dipegang untuk dagangan	140,974	99,996	8,009	8,703

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 4. SEKURITI PELABURAN (samb.)

### (b) Sekuriti pelaburan dipegang hingga matang

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
<u>Instrumen Pasaran Wang (Jangka Panjang) :</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,647,256	3,396,727
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	2,947,746	2,807,136
Sukuk	139,622	–
Bon Jaminan Kerajaan	1,635,290	1,024,621
Bon Khazanah	567,294	404,584
	<b>7,937,208</b>	<b>7,633,068</b>
<u>Sekuriti tak disebutbarga di Malaysia :</u>		
Sekuriti Hutang Swasta	79,877	84,934
Sekuriti Hutang Islam	370,756	419,328
	<b>450,633</b>	<b>504,262</b>
Tolak : Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun bersih	39,169	13,724
	<b>8,427,010</b>	<b>8,151,054</b>

### Pada nilai kos terlunas

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Bon-bon kerajaan	7,979,827	7,656,913
Bon-bon korporat	447,183	494,141
Pelaburan sekuriti dipegang hingga matang	<b>8,427,010</b>	<b>8,151,054</b>

### Struktur kematangan sekuriti dipegang hingga matang

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Lebih daripada satu tahun	7,715,219	7,123,801
Matang dalam tempoh satu tahun	711,791	1,027,253
	<b>8,427,010</b>	<b>8,151,054</b>

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 4. SEKURITI PELABURAN (samb.)

### (c) Sekuriti pelaburan tersedia untuk jualan

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
<u>Instrumen Pasaran Wang :</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	494,765	246,535
Sukuk	150,184	30,165
Bon Jaminan Kerajaan	20,000	20,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	691,868	649,168
	<b>1,356,817</b>	945,868
<u>Sekuriti tak disebutbarga di Malaysia :</u>		
Saham	380	380
	<b>380</b>	380
Tolak : Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun bersih	(5,165)	(3,383)
Tolak : Kerugian kejejasan terkumpul saham tak disebutbarga di Malaysia	(380)	(380)
Keuntungan/(kerugian) nilai saksama	(51,356)	(412)
	<b>1,300,296</b>	942,073
<u>Sekuriti disebutbarga di Malaysia :</u>		
Saham	131,256	87,981
Pelaburan Unit Amanah Saham	146,621	146,621
	<b>277,877</b>	234,602
Tolak : Kerugian kejejasan terkumpul saham disebutbarga dan Unit Amanah Saham di Malaysia	(47,887)	(47,887)
Keuntungan/(kerugian) nilai saksama	(4,399)	(4,994)
	<b>225,591</b>	181,721
	<b>1,525,887</b>	1,123,794

### Pada nilai saksama

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Pelaburan sekuriti hutang	1,300,296	942,073
Sekuriti ekuiti dengan ketentuan nilai saksama	225,591	181,721
Sekuriti tersedia untuk jualan	<b>1,525,887</b>	1,123,794

### Struktur kematangan sekuriti tersedia untuk jualan

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Lebih daripada satu tahun	1,300,296	942,073
Tiada tarikh matang	225,591	181,721
	<b>1,525,887</b>	1,123,794

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada kos dilunaskan	<b>16,872,280</b>	13,881,562

Berikut adalah pecahan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut nilai saksama.

	KUMPULAN / BANK		
	AMAUN KASAR 2013 RM'000	KERUGIAN KEJEJASAN 2013 RM'000	AMAUN BAWAAN 2013 RM'000
<b>Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada kos dilunaskan</b>			
Pinjaman/pembiayaan perumahan	5,003,160	(146,557)	4,856,603
Pinjaman/pembiayaan persendirian	11,147,490	(147,850)	10,999,640
Pinjaman/pembiayaan kakitangan	108,495	(194)	108,301
Sewa beli belum terima	182,698	(3,340)	179,358
Mikro kredit	1,434	(16)	1,418
Mikro kewangan	445,822	(77,662)	368,160
Kad kredit/caj	257,835	(13,511)	244,324
Pinjaman/pembiayaan bertempoh yang lain	112,726	(493)	112,233
Kredit pusingan	19,083	(16,840)	2,243
	<b>17,278,743</b>	<b>(406,463)</b>	<b>16,872,280</b>

	KUMPULAN / BANK		
	AMAUN KASAR 2012 RM'000	KERUGIAN KEJEJASAN 2012 RM'000	AMAUN BAWAAN 2012 RM'000
<b>Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada kos dilunaskan</b>			
Pinjaman/pembiayaan perumahan	3,806,343	(135,725)	3,670,618
Pinjaman/pembiayaan persendirian	9,526,262	(179,969)	9,346,293
Pinjaman/pembiayaan kakitangan	116,207	(1,186)	115,021
Sewa beli belum terima	121,473	(6,571)	114,902
Mikro kredit	1,626	(118)	1,508
Mikro kewangan	373,615	(39,237)	334,378
Kad kredit/caj	182,694	(2,579)	180,115
Pinjaman/pembiayaan bertempoh yang lain	120,442	(4,925)	115,517
Kredit pusingan	23,261	(20,051)	3,210
	<b>14,271,923</b>	<b>(390,361)</b>	<b>13,881,562</b>

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (samb.)

#### (a) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut jenis

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pinjaman/pembiayaan bertempoh		
Pinjaman/pembiayaan perumahan	11,424,761	6,721,147
Pinjaman/pembiayaan persendirian	17,313,126	15,282,439
Sewa beli belum terima	209,757	141,043
Pinjaman/pembiayaan bertempoh yang lain*	113,808	122,371
Mikro kredit	1,434	1,626
Mikro kewangan	523,366	433,878
Pinjaman/pembiayaan kakitangan	111,707	119,052
Kad kredit/caj	257,835	182,694
Kredit pusingan	19,561	24,832
Tolak : Faedah/pendapatan belum diiktiraf	(12,696,612)	(8,757,159)
	<b>17,278,743</b>	14,271,923
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar		
Tolak : Peruntukan kejejasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kejejasan kolektif	(406,463)	(390,361)
	<b>16,872,280</b>	13,881,562

\* Termasuk dalam pinjaman bertempoh ialah pinjaman bertempoh subordinat yang diberikan kepada BSNC Corporation (M) Berhad, sebuah syarikat bersekutu, berjumlah RM150 juta di mana penyelesaian telah dibuat untuk RM90 juta melalui pindahan 45 juta unit saham Affin Holdings Berhad pada RM2 seunit dalam tahun 2005. Pembayaran balik baki berjumlah RM33 juta yang telah distruktur semula pada tahun 2008 dengan bayaran yang perlu dibayar setiap suku tahunan pada kiraan kadar faedah atas baki tahunan sebanyak 2% setahun dan bayaran terakhir perlu dibayar pada Disember 2033. Baki bawaan Pinjaman bertempoh tersebut pada 31 Disember 2013 ialah RM23.89 juta (2012: RM24.95 juta).

#### (b) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut jenis pelanggan

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Institusi kewangan bukan bank domestik		
Koperasi	19,083	23,261
Perusahaan perniagaan domestik		
Subordinat	23,891	24,951
Korporat	85,706	92,244
Individu	17,150,063	14,131,467
	<b>17,278,743</b>	14,271,923

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (samb.)

#### (c) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut kepekaan kadar faedah/untung

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kadar tetap :		
Pinjaman/pembiayaan perumahan	957,600	1,020,282
Sewa beli belum terima	182,722	121,485
Mikro kredit	1,434	1,626
Mikro kewangan	445,822	373,615
Pinjaman/pembiayaan kadar tetap lain	11,537,628	9,840,179
Kadar boleh ubah :		
Kadar pinjaman/pembiayaan asas-tokok keuntungan	4,045,560	2,786,061
Kos-tokok keuntungan	107,977	128,675
	<b>17,278,743</b>	<b>14,271,923</b>

#### (d) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut sektor

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pembelian hartanah perumahan	5,084,236	3,889,587
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	111,840	120,405
Pembelian sekuriti	995	1,070
Pembelian kenderaan pengangkutan	277,261	233,366
Pembelian barang pengguna tahan lama	2,033	2,076
Kredit penggunaan	11,097,287	9,467,484
Kad kredit	257,835	182,694
Mikro kredit	1,434	1,626
Mikro kewangan	445,822	373,615
	<b>17,278,743</b>	<b>14,271,923</b>

#### (e) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan serakan mengikut kawasan geografi

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kedah/Perlis	1,103,732	883,084
Pulau Pinang	1,006,151	804,940
Perak	1,453,945	1,144,300
Selangor	2,264,384	1,811,686
Kuala Lumpur	2,865,665	2,733,994
Melaka	1,104,740	881,527
Negeri Sembilan	894,344	705,855
Johor	1,713,103	1,337,583
Pahang	872,812	732,071
Kelantan	1,077,880	894,133
Terengganu	882,668	704,866
Sarawak	882,036	712,166
Sabah	1,157,283	925,718
	<b>17,278,743</b>	<b>14,271,923</b>

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (samb.)

#### (f) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kematangan kontrak residual

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Matang dalam satu tahun	467,234	564,890
Satu tahun hingga tiga tahun	552,350	383,033
Tiga tahun hingga lima tahun	1,064,699	989,209
Lebih daripada lima tahun	15,194,460	12,334,791
	<b>17,278,743</b>	<b>14,271,923</b>

### 6. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN TERJEJAS

#### (a) Pergerakan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	463,917	479,561
Pinjaman/pembiayaan terjejas dalam tahun semasa	271,997	401,901
Diklasifikasikan semula sebagai tidak terjejas tahun semasa		
Bayaran ganti untuk mikro kredit	–	20
Lain-lain	(247,210)	(322,584)
Amaun dihapusira	(43,565)	(94,981)
Pada akhir tahun semasa	<b>445,139</b>	<b>463,917</b>
Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas kepada pinjaman/pembiayaan kasar	<b>2.58%</b>	<b>3.25%</b>

#### (b) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas mengikut sektor

	KUMPULAN / BANK	
	2013	2012
	RM'000	RM'000
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	17,292	15,528
Pembelian hartanah perumahan	214,032	222,350
Pembelian sekuriti	931	1,007
Pembelian kenderaan pengangkutan	2,947	32,240
Kredit penggunaan	130,276	127,658
Pembelian barang pengguna tahan lama	1,990	2,070
Mikro kewangan	67,332	57,914
Mikro kredit	81	271
Kad kredit	10,258	4,879
	<b>445,139</b>	<b>463,917</b>



# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 6. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN TERJEJAS (samb.)

### (c) Pergerakan dalam peruntukan kejejasan hutang lapuk dan ragu

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Kejejasan kolektif</b>		
Pada 1 Januari	390,361	455,865
Kerugian kejejasan diiktiraf (Nota 28)	405,466	163,425
Amaun masukkira semula berkenaan pemulihan (Nota 28)	(389,364)	(228,929)
Pada akhir tahun	406,463	390,361
Portfolio peruntukan kejejasan sebagai % dari pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	2.35%	2.74%
Portfolio peruntukan kejejasan (termasuk rizab pematuhan sebanyak RM131.283 juta pada 31 Disember 2013) sebagai % dari pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	3.11%	2.74%

### Pergerakan dalam peruntukan kejejasan hutang lapuk dan ragu mengikut jenis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

#### KUMPULAN/BANK

	Pada		Amaun masukkira semula berkenaan pemulihan RM'000 (Nota 28)	Pada 31 Disember 2013 RM'000
	1 Januari 2013 RM'000	Penambahan peruntukan RM'000 (Nota 28)		
<b>2013</b>				
<b>Kejejasan kolektif</b>				
Pinjaman/pembiayaan perumahan	135,725	113,112	(102,280)	146,557
Pinjaman/pembiayaan persendirian	179,969	216,790	(248,909)	147,850
Pinjaman/pembiayaan kakitangan	1,186	1,523	(2,515)	194
Sewa beli belum terima	6,571	3,297	(6,528)	3,340
Mikro kredit	118	18	(120)	16
Mikro kewangan	39,237	53,020	(14,595)	77,662
Kad kredit/caj	2,579	14,993	(4,061)	13,511
Pinjaman/pembiayaan bertempoh yang lain	4,925	2,665	(7,097)	493
Kredit pusingan	20,051	48	(3,259)	16,840
	390,361	405,466	(389,364)	406,463

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 6. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN TERJEJAS (samb.)

#### (c) Pergerakan dalam peruntukan kejejasan hutang lapuk dan ragu (samb.)

Pergerakan dalam peruntukan kejejasan hutang lapuk dan ragu mengikut jenis pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (samb.)

#### KUMPULAN/BANK

2012	Pada	Penambahan peruntukan RM'000 (Nota 28)	Amaun masukkira semula berkenaan pemulihan RM'000 (Nota 28)	Pada
	1 Januari 2012 RM'000		31 Disember 2012 RM'000	
<b>Kejejasan kolektif</b>				
Pinjaman/pembiayaan perumahan	238,886	82,417	(185,578)	135,725
Pinjaman/pembiayaan persendirian	164,058	36,968	(21,057)	179,969
Pinjaman/pembiayaan kakitangan	1,192	22	(28)	1,186
Sewa beli belum terima	8,954	187	(2,570)	6,571
Mikro kredit	130	17	(29)	118
Mikro kewangan	34,200	21,709	(16,672)	39,237
Kad kredit/caj	2,790	5	(216)	2,579
Pinjaman/pembiayaan bertempoh yang lain	5,645	1,795	(2,515)	4,925
Kredit pusingan	10	20,305	(264)	20,051
	455,865	163,425	(228,929)	390,361

#### (d) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas serakan mengikut kawasan geografi

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kedah/Perlis	39,184	37,025
Pulau Pinang	26,838	24,703
Perak	36,856	33,889
Selangor	63,701	63,704
Kuala Lumpur	114,415	136,521
Melaka	25,097	28,965
Negeri Sembilan	47,920	51,091
Johor	28,748	31,689
Pahang	16,985	16,660
Kelantan	15,790	14,284
Terengganu	12,573	11,132
Sarawak	6,259	5,300
Sabah	10,773	8,954
	445,139	463,917

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 7. ASET-ASET LAIN

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	2013 RM'000	2012 RM'000 (Dinyatakan semula)
Faedah/pendapatan belum terima	91,948	89,747	90,335	88,915
Deposit dan bayaran terdahulu	12,875	11,319	12,875	11,319
Pelbagai belum terima*	299,292	205,903	257,139	155,151
Dividen belum terima	8,692	1,173	8,692	1,173
Amaun terhutang oleh subsidiari**	—	—	85	229
	<b>412,807</b>	308,142	<b>369,126</b>	256,787
Tolak :				
Peruntukan kekejasaan hutang ragu	(1,856)	(1,856)	(1,856)	(1,856)
	<b>410,951</b>	306,286	<b>367,270</b>	254,931

\* Termasuk dalam pelbagai penghutang Kumpulan dan Bank, adalah amaun sebanyak RM155.4 juta mewakili pertimbangan yang dibayar kepada pihak ketiga berhubung dengan pemerolehan 30% kepentingan ekuiti dalam Uni Asia Life Assurance Berhad. Pengambilalihan ini telah diselesaikan selepas akhir tahun kewangan seperti yang dinyatakan dalam Nota 35.

\*\* Amaun terhutang oleh subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

### 8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	BANK		
	31.12.2013 RM'000	31.12.2012 RM'000 (Dinyatakan semula)	1.1.2012 RM'000 (Dinyatakan semula)
Saham tak disebut harga pada kos	53,000	53,000	53,000
	<b>53,000</b>	53,000	53,000

Butiran subsidiari adalah seperti yang berikut :

Nama	Aktiviti utama	Negara diperbadankan	Peratus ekuiti dipegang secara langsung	
			2013 %	2012 %
Permodalan BSN Berhad *	Pengurusan dana unit amanah saham	Malaysia	100	100
Prudential BSN Takaful Berhad * (Nota 1)	Pengunderitan perniagaan takaful keluarga yang termasuk pelaburan berkaitan perniagaan dan berkaitan dengannya pelaburan dana dan perniagaan takaful am	Malaysia	51	51

\* Diaudit selain daripada Ketua Audit Negara Malaysia.

**Nota 1 :** Pada 29 Jun 2006, satu Perjanjian Pemegang Saham telah ditandatangani antara Bank Simpanan Nasional ('BSN') dan Prudential Corporation Holdings Limited (PCHL). Di bawah perjanjian ini, BSN dikehendaki untuk membayar kepada PCHL sejumlah RM21 juta di akhir sepuluh tahun kewangan pertama sebagai bayaran balik bagi premium yang dibayar oleh PCHL tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian. Jumlah tersebut dianggap sebagai pertimbangan tertunda seperti mana didedahkan dalam Nota 18.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (samb.)

Butiran subsidiari adalah seperti yang berikut : (samb.)

Jadual di bawah menunjukkan butiran subsidiari bukan milik penuh Kumpulan yang mempunyai kepentingan yang tiada kawalan.

Nama subsidiari	Negara diperbadankan dan tempat utama perniagaan	Perkadaran kepentingan milikan dan hak mengundi yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan		Untung (Rugi) diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan		Kepentingan bukan kawalan terkumpul	
		2013	2012	2013	2012	2013	2012
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Prudential BSN Takaful Berhad	Malaysia	49%	49%	19,980	15,029	100,511	80,531

### 9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>Pada kos</b>				
Saham tak dibewitharga	231,809	231,809	231,809	231,809
Tambah : Bahagian keuntungan Kumpulan - selepas pengambilalihan	41,051	34,370	–	–
Tolak : Peruntukan kejejasan terkumpul	(202,177)	(202,177)	(202,177)	(202,177)
	<b>70,683</b>	64,002	<b>29,632</b>	29,632
			<b>2013 RM'000</b>	<b>2012 RM'000</b>
<b>Diwakili oleh :</b>				
Perkongsian aset ketara bersih			<b>70,683</b>	64,002

Ringkasan maklumat kewangan bagi syarikat bersekutu, tidak dilaraskan untuk peratusan pemilikan Kumpulan.

	Aktiviti utama	Kepentingan ekuiti efektif	Negara diperbadankan	Hasil (100%) RM'000	Untung tahun semasa (100%) RM'000	Jumlah aset (100%) RM'000	Jumlah liabiliti (100%) RM'000
<b>2013</b>							
BSNC Corporation (M) Berhad	Pemegangan pelaburan	41.34%	Malaysia	3,243	16,161	130,488	47,377
<b>2012</b>							
BSNC Corporation (M) Berhad	Pemegangan pelaburan	41.34%	Malaysia	2,721	7,550	132,709	62,504

Penyesuaian maklumat kewangan yang diringkaskan di atas adalah untuk jumlah bawaan kepentingan dalam BSNC Corporation (M) Berhad yang diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan :

	2013 RM'000	2012 RM'000
Aset bersih syarikat bersekutu	170,980	154,819
Perkadaran pemilikan oleh kumpulan	41.34%	41.34%
Perkongsian aset ketara bersih	<b>70,683</b>	64,002

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 10. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN KUMPULAN

KOS	I- Komponen utama -I		I- Loji dan peralatan -I		Perabot dan Ke- lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000		I- Kerja dalam proses -I		I- Pengubahsuaian -I		Jumlah RM'000	
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Lif RM'000	Penyaman udara RM'000		Sumber Bank RM'000	Sumber Geran M'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000		
	-	207,715	3,297	4,233	365,112	2,136	73,269	25,523	-	172,759	460	854,504	
Tambahan	13,413	-	-	-	32,277	-	10,983	3,106	7,940	41,601	300	120,924	
Hapuskira	-	(8)	-	-	(604)	-	(1,304)	(81)	-	-	-	(1,997)	
Pelarasan*	-	-	-	-	(71)	(873)	5,271	-	886	(5,720)	-	(507)	
Pelupusan	-	-	-	-	(3,286)	-	(34)	(1,467)	-	-	-	(4,787)	
<b>Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula</b>													
	13,413	207,707	3,297	4,233	393,428	1,263	88,185	27,081	8,826	11,304	208,640	760	968,137
Tambahan	-	-	-	-	24,485	-	14,701	4,336	11,096	33,846	56,276	76	144,816
Hapuskira	-	-	-	-	(19)	-	(3,002)	-	-	-	(43,419)	-	(46,440)
Pelarasan*	-	-	-	-	(1,302)	-	2,324	(185)	(8,183)	1,470	4,587	-	(1,289)
Pelupusan	-	(3,004)	-	-	(3,925)	-	(245)	(817)	-	-	-	-	(7,991)
<b>Pada 31 Disember 2012/ 1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula</b>													
	13,413	204,703	3,297	4,233	412,667	1,263	101,963	30,415	11,739	46,620	226,084	836	1,057,233

\* Pelarasan mewakili aset bernilai rendah yang diperbelanjakan.

10. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (samb.)

KUMPULAN

SUSUTNILAI TERKUMPUL DAN KEJEJASAN

NOTA	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	I- Komponen utama -I		I- Loji dan peralatan -I		Perabot dan Ke-lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	I- Kerja dalam proses -I		I- Pengubahsuaian -I		Jumlah RM'000
			Lif RM'000	Penyaman udara RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran M'000			Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	

Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula

Susutnilai terkumpul	-	68,171	1,512	2,293	282,527	387	55,979	11,611	-	-	103,852	6	526,338
Kejejasan terkumpul	-	1,458	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,458
Caj tahun semasa	27	4,160	136	240	28,683	253	5,320	1,758	-	-	15,730	100	56,380
Pelupusan	-	-	-	-	(3,284)	-	(16)	(1,224)	-	-	-	-	(4,524)
Pelarasan*	-	-	-	-	(6)	1	905	-	-	-	(988)	-	(88)
Hapuskira	-	(2)	-	-	(604)	-	(1,304)	(81)	-	-	-	-	(1,991)

Pada 31 Disember 2012/

1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula

Susutnilai terkumpul	-	72,329	1,648	2,533	307,316	641	60,884	12,064	-	-	118,594	106	576,115
Kejejasan terkumpul	-	1,458	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,458
Caj tahun semasa	27	4,100	136	240	30,332	253	7,414	1,958	-	-	24,695	126	69,254
Pelupusan	-	(1,201)	-	-	(3,575)	-	(230)	(579)	-	-	-	-	(5,585)
Kerugian kejejasan tidak lagi diperlukan	-	(1,458)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,458)
Hapuskira	-	-	-	-	(15)	-	(2,914)	-	-	-	(42,503)	-	(45,432)
Pelarasan*	-	-	-	-	21	-	707	(185)	-	-	(596)	-	(53)

Pada 31 Disember 2013

Susutnilai terkumpul	-	75,228	1,784	2,773	334,079	894	65,861	13,258	-	-	100,190	232	594,299
Kejejasan terkumpul	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	-	75,228	1,784	2,773	334,079	894	65,861	13,258	-	-	100,190	232	594,299

\* Pelarasan mewakili aset bernilai rendah yang diperbelanjakan.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 10. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (samb.)

#### KUMPULAN

AMAUN BAWAAN	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	I- Komponen utama -I		I- Loji dan peralatan -I		Perabot dan Ke- lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	I- Kerja dalam proses -I		I- Pengubahsuaian -I		Jumlah RM'000
			Lif RM'000	Penyaman udara RM'000	Bank RM'000	Sumber Geran M'000			Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	
Pada 1 Januari 2012 seperti yang dinyatakan semula	-	138,086	1,785	1,940	82,585	1,749	17,290	-	-	68,907	454	326,708	
Pada 31 Disember 2012 seperti yang dinyatakan semula	13,413	133,920	1,649	1,700	86,112	622	27,301	15,017	11,304	90,046	654	390,564	
Pada 31 Disember 2013	13,413	129,475	1,513	1,460	78,588	369	36,102	17,157	46,620	125,894	604	462,934	

10. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (samb.)

BANK

KOS	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	I- Komponen utama I		I- Loji dan peralatan I		Perabot dan Ke- lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	I- Kerja dalam proses I		I- Pengubahsuaian I		Jumlah RM'000
			Lif RM'000	Penyaman udara RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran M'000			Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	
	-	204,750	3,297	4,233	350,461	2,136	71,398	24,050	-	-	166,523	460	827,308
Tambahan	13,413	-	-	-	31,424	-	10,284	2,841	7,940	11,304	38,689	300	116,195
Hapuskira	-	(8)	-	-	(604)	-	(1,304)	(81)	-	-	-	-	(1,997)
Pelarasan*	-	-	-	-	(71)	(873)	5,271	-	886	-	(5,720)	-	(507)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	(1,467)	-	-	-	-	(1,467)
	13,413	204,742	3,297	4,233	381,210	1,263	85,649	25,343	8,826	11,304	199,492	760	939,532
Tambahan	-	-	-	-	20,704	-	14,337	4,336	10,183	33,846	55,167	76	138,649
Hapuskira	-	-	-	-	(18)	-	(2,928)	-	-	-	(43,419)	-	(46,365)
Pelarasan*	-	-	-	-	(1,302)	-	2,324	(185)	(8,183)	1,470	4,587	-	(1,289)
Pelupusan	-	(3,004)	-	-	(3,616)	-	-	(817)	-	-	-	-	(7,437)
	13,413	201,738	3,297	4,233	396,978	1,263	99,382	28,677	10,826	46,620	215,827	836	1,023,090

\* Pelarasan mewakili aset bernilai rendah yang diperbelanjakan.



# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 10. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (samb.)

### BANK

#### SUSUTNILAI TERKUMPUL DAN KEJEJASAN

#### NOTA

I- Komponen utama -I  
 Penyaman Lif RM'000  
 I- Loji dan peralatan -I  
 Sumber Bank M'000  
 I- Kerja dalam proses -I  
 Sumber Bank RM'000  
 I- Pengubahsuaian -I  
 Sumber Bank RM'000  
 Jumlah RM'000

Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula

Susutnilai terkumpul	-	67,950	1,512	2,293	269,452	387	55,320	11,219	-	-	102,465	6	510,604
Kejejasan terkumpul	-	1,458	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,458
Caj tahun semasa	27	4,101	136	240	27,193	253	5,122	1,442	-	-	15,136	100	53,723
Pelupusan		-	-	-	-	-	-	(1,224)	-	-	-	-	(1,224)
Pelarasan*		-	-	-	(6)	1	905	-	-	-	(988)	-	(88)
Hapuskira		-	(2)	-	(604)	-	(1,304)	(81)	-	-	-	-	(1,991)

Pada 31 Disember 2012/

1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula

Susutnilai terkumpul	-	72,049	1,648	2,533	296,035	641	60,043	11,356	-	-	116,613	106	561,024
Kejejasan terkumpul	-	1,458	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,458
Caj tahun semasa	27	4,041	136	240	29,683	253	7,142	1,611	-	-	23,359	126	66,591
Pelupusan		(1,201)	-	-	(3,266)	-	-	(579)	-	-	-	-	(5,046)
Hapuskira		-	-	-	(15)	-	(2,875)	-	-	-	(42,503)	-	(45,393)
Kerugian kejejasan tidak lagi diperlukan		(1,458)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,458)
Pelarasan*		-	-	-	21	-	707	(185)	-	-	(596)	-	(53)

Pada 31 Disember 2013

Susutnilai terkumpul	-	74,889	1,784	2,773	322,458	894	65,017	12,203	-	-	96,873	232	577,123
Kejejasan terkumpul	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	-	74,889	1,784	2,773	322,458	894	65,017	12,203	-	-	96,873	232	577,123

\* Pelarasan mewakili aset bernilai rendah yang diperbelanjakan.

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 10. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (samb.)

#### BANK

AMAUN BAWAAN	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	I- Komponen utama -I		I- Loji dan peralatan -I		Perabot dan Ke- lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	- Kerja dalam proses -I		I- Pengubahsuaian -I		Jumlah RM'000
			Penyaman udara RM'000	Lif RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran M'000			Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	Sumber Bank RM'000	Sumber Geran RM'000	
	-	135,342	1,785	1,940	81,009	1,749	16,078	12,831	-	-	64,058	454	315,246
Pada 1 Januari 2012 seperti yang dinyatakan semula													
	13,413	131,235	1,649	1,700	85,175	622	25,606	13,987	8,826	11,304	82,879	654	377,050
Pada 31 Disember 2012 seperti yang dinyatakan semula													
	13,413	126,849	1,513	1,460	74,520	369	34,365	16,474	10,826	46,620	118,954	604	445,967
Pada 31 Disember 2013													

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 11. PELABURAN HARTANAH

	NOTA	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Komponen utama - lif RM'000	Komponen utama - penyaman udara RM'000	Jumlah RM'000
<b>KOS</b>						
Pada 1 Januari 2012/ Pada 31 Disember 2012/ Pada 1 Januari 2013/ Pada 31 Disember 2013		873	25,586	820	3,639	30,918
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>						
Pada 1 Januari 2012		246	6,494	292	1,507	8,539
Caj tahun semasa	27	9	512	30	174	725
Pada 31 Disember 2012/ Pada 1 Januari 2013		255	7,006	322	1,681	9,264
Caj tahun semasa	27	9	512	31	174	726
Pada 31 Disember 2013		264	7,518	353	1,855	9,990
<b>AMAUN BAWAAN</b>						
1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula		618	18,580	498	1,958	21,654
Pada 31 Disember 2013		609	18,068	467	1,784	20,928
						<b>RM'000</b>
<b>NILAI SAKSAMA</b>						
Pada 31 Disember 2012						42,000
Pada 31 Disember 2013						42,000
						<b>RM'000</b>
						<b>KUMPULAN / BANK</b>
						<b>2013</b>
						<b>2012</b>
						<b>RM'000</b>
Berikut diiktiraf dalam untung atau rugi berkenaan pelaburan hartanah						
Pendapatan sewa					981	884
Perbelanjaan operasi langsung					424	382

# Nota Kepada Penyata Kewangan

## 12. PAJAKAN PRABAYAR

### KUMPULAN

	NOTA	Tanah pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula		101,435	101,435
Tambahan		-	-
Pada 31 Disember 2012 / 1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula		101,435	101,435
Pelupusan		(122)	(122)
Pada 31 Disember 2013		<b>101,313</b>	<b>101,313</b>
<b>PERLUNASAN TERKUMPUL</b>			
Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula		17,589	17,589
Caj tahun semasa	27	1,088	1,088
Pada 31 Disember 2012 / 1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula		18,677	18,677
Pelupusan		(29)	(29)
Caj tahun semasa	27	1,087	1,087
Pada 31 Disember 2013		<b>19,735</b>	<b>19,735</b>
<b>AMAUN BAWAAN</b>			
Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula		83,846	83,846
Pada 31 Disember 2012, seperti yang dinyatakan semula		82,758	82,758
Pada 31 Disember 2013		<b>81,578</b>	<b>81,578</b>

### BANK

	NOTA	Tanah pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula		100,357	100,357
Tambahan		-	-
Pada 31 Disember 2012 / 1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula		100,357	100,357
Pelupusan		(122)	(122)
Pada 31 Disember 2013		<b>100,235</b>	<b>100,235</b>
<b>PERLUNASAN TERKUMPUL</b>			
Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula		17,498	17,498
Caj tahun semasa	27	1,066	1,066
Pada 31 Disember 2012 / 1 Januari 2013, seperti yang dinyatakan semula		18,564	18,564
Pelupusan		(29)	(29)
Caj tahun semasa	27	1,065	1,065
Pada 31 Disember 2013		<b>19,600</b>	<b>19,600</b>
<b>AMAUN BAWAAN</b>			
Pada 1 Januari 2012, seperti yang dinyatakan semula		82,859	82,859
Pada 31 Disember 2012, seperti yang dinyatakan semula		81,793	81,793
Pada 31 Disember 2013		<b>80,635</b>	<b>80,635</b>

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 12. PAJAKAN PRABAYAR (samb.)

Tempoh pajakan belum luput bagi tanah pegangan pajak adalah seperti berikut :

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Tanah pajakan dengan tempoh pajakan belum luput kurang dari 50 tahun	43	45	43	45
Tanah pajakan dengan tempoh pajakan belum luput lebih dari 50 tahun	81,535	82,713	80,592	81,748
	<b>81,578</b>	<b>82,758</b>	<b>80,635</b>	<b>81,793</b>

### 13. DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

#### (a) Deposit daripada pelanggan mengikut jenis deposit

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Deposit simpanan	7,198,248	7,055,910	7,198,248	7,055,910
Deposit tetap	14,399,088	11,925,300	14,402,961	11,929,056
Deposit borong				
- Deposit pasaran wang	714,854	240,000	714,854	240,000
Lain-lain	2,493,224	2,005,347	2,493,224	2,005,347
	<b>24,805,414</b>	<b>21,226,557</b>	<b>24,809,287</b>	<b>21,230,313</b>

#### (b) Deposit daripada pelanggan mengikut jenis pelanggan

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Kerajaan dan badan berkanun	4,969,140	3,733,651	4,969,140	3,733,651
Perusahaan perniagaan	7,422,795	5,948,011	7,426,668	5,951,767
Deposit pelaburan individu	12,349,967	11,522,362	12,349,967	11,522,362
Lain-lain	63,512	22,533	63,512	22,533
	<b>24,805,414</b>	<b>21,226,557</b>	<b>24,809,287</b>	<b>21,230,313</b>

#### (c) Struktur kematangan deposit tetap, deposit pelaburan dan deposit pasaran wang

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Matang dalam tempoh enam bulan	12,613,163	9,429,123	12,617,036	9,432,879
Lebih daripada enam bulan hingga satu tahun	1,692,513	2,210,969	1,692,513	2,210,969
Lebih daripada satu tahun hingga tiga tahun	93,412	160,771	93,412	160,771
Lebih daripada tiga tahun hingga lima tahun	-	124,437	-	124,437
	<b>14,399,088</b>	<b>11,925,300</b>	<b>14,402,961</b>	<b>11,929,056</b>

## Nota Kepada Penyata Kewangan

### 14. DEPOSIT DAN PENEMPATAN OLEH BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Institusi kewangan lain	1,743,606	965,409	1,743,606	965,409
	1,743,606	965,409	1,743,606	965,409

#### Struktur kematangan deposit dan penempatan daripada bank-bank dan institusi kewangan lain

	KUMPULAN		BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Matang dalam tempoh enam bulan	1,525,029	965,409	1,525,029	965,409
Lebih daripada enam bulan hingga satu tahun	218,577	–	218,577	–
	1,743,606	965,409	1,743,606	965,409

### 15. PENDAPATAN TERTUNDA

	KUMPULAN / BANK	
	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>KOS</b>		
Pada 1 Januari	404,900	299,900
Tambah : Geran diterima dari Kerajaan	–	105,000
Pada 31 Disember	404,900	404,900
<b>PELUNASAN TERKUMPUL</b>		
Pada 1 Januari	20,736	2,708
Perlunasan belanja aset geran tahun semasa	383	617
Lain-lain penggunaan geran	17,303	17,411
	17,686	18,028
Pada 31 Disember	38,422	20,736
<b>AMAUN BAWAAN</b>	366,478	384,164

- i) Pada 6 Oktober 2008, Bank telah menerima geran sebanyak RM69.9 juta daripada Kerajaan untuk membiayai penaiktaraf infrastruktur teknologi maklumat Bank.
- ii) Pada 13 Januari 2010, Bank menerima RM200 juta daripada Kerajaan untuk tujuan membiayai Dana Industri Kreatif ('Dana'). Dana ini bertujuan untuk memberi pinjaman bagi pengeluaran, pemerolehan aset dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan pengkomersialan industri kreatif. Kerajaan mengenakan caj kewangan 1% setahun ke atas pendapatan faedah yang diperolehi daripada pinjaman Dana ini.
